



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/  
AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI SEMBILAN  
TAHUN 2016**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016**

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

## **NEGERI SEMBILAN SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN





# KANDUNGAN

---

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
3	<b>JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN</b> Pengurusan Skim Bantuan Am
22	<b>UNIT PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</b> Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Teknologi Maklumat
56	<b>BADAN KAWAL SELIA AIR</b> Pengurusan Kawal Selia Sumber Air
88	<b>MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DIPERBADANKAN</b> Lambang Tunas Sdn. Bhd.
106	<b>YAYASAN NEGERI SEMBILAN</b> YNS Management Sdn. Bhd.
129	<b>PENUTUP</b>





KATA PENDAHULUAN





# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2016 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di tiga Jabatan dan dua Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 18 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/ Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)**

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
17 Oktober 2017**

INTISARI LAPORAN





# INTISARI LAPORAN

---

## JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

### 1. *Pengurusan Skim Bantuan Am*

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan (JKMNS) merupakan Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. Salah satu aktiviti di bawah JKMNS adalah pemberian bantuan kewangan kepada golongan memerlukan iaitu melalui Skim Bantuan Am (SBA). Tujuan SBA diberikan secara bulanan kepada individu atau keluarga yang tidak berkemampuan adalah untuk meringankan bebanan kewangan mereka. Bantuan ini boleh diberikan bagi satu tempoh masa tertentu sehingga penerima bantuan mampu berdikari. Penerima bantuan ini terdiri daripada pesakit psikiatri, pendapatan tidak tetap tetapi di bawah garis kemiskinan, masalah kesihatan yang kronik, anak yatim dan sebagainya yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan oleh JKMNS. Kadar SBA Negeri yang ditetapkan di Negeri Sembilan oleh Kerajaan Negeri adalah antara RM140 hingga RM270 sebulan. Sehingga bulan Mei 2017, jumlah penerima SBA bagi seluruh Negeri Sembilan adalah seramai 6,339 orang. Bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017, JKMNS telah menerima peruntukan sejumlah RM43.50 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM1.96 juta daripada Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan keseluruhan bagi tempoh tersebut sejumlah RM45.46 juta. Bagaimanapun, peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi SBA adalah sehingga tahun 2014 sahaja. Manakala peruntukan bagi program bantuan selain SBA masih diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati pada umumnya sasaran penerima SBA telah dicapai melebihi 95% yang seterusnya dapat meringankan bebanan kewangan mereka. Pengurusan SBA dari segi pengurusan peruntukan, pembayaran, pemantauan dan rekod SBA adalah baik. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati dari aspek kecekapan kelulusan bantuan sehingga makluman kepada penerima bantuan, proses agihan bantuan secara wang tunai dan ketepatan data serta maklumat dalam sistem e-Bantuan yang digunakan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) adalah hanya pada tahap memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- i. proses siasatan bagi setiap permohonan lewat dijalankan menyebabkan status keputusan permohonan lewat dikeluarkan;
  - ii. proses kelulusan permohonan melebihi tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan yang menyebabkan penerima yang layak, lewat menerima bantuan yang diperlukan;
  - iii. pengesahan bagi pegawai pengiring tidak dilaksanakan oleh pihak PKMD bagi menjamin keselamatan pegawai yang menguruskan wang bantuan;
  - iv. pengagihan wang bantuan secara tunai masih tinggi yang meningkatkan risiko keselamatan terhadap wang tunai dan pegawai yang terlibat; dan
  - v. maklumat tidak lengkap dalam sistem e-Bantuan yang menyukarkan proses siasatan dan kajian semula serta pemantauan piagam pelanggan.
- c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang bagi mana-mana program berkaitan pemberian bantuan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- i. meningkatkan kecekapan proses siasatan dan proses kelulusan SBA selaras Piagam Pelanggan yang ditetapkan bagi mempercepatkan bayaran kepada penerima bantuan SBA yang layak;
  - ii. meningkatkan kaedah agihan secara bayaran ke dalam akaun bank penerima bantuan berbanding secara tunai. Pengesahan hendaklah dibuat terhadap pegawai polis pengiring bagi melindungi pegawai dan wang tunai terhadap risiko keselamatan dan sekiranya berlaku kes pada masa depan; dan
  - iii. mewujudkan mekanisme semakan berkala untuk memastikan maklumat dalam sistem e-Bantuan adalah lengkap dan kemas kini bagi memudahkan rujukan, pemantauan, pelaksanaan, dan keberkesanan program.

## **UNIT PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

### ***2. Projek Pembangunan dan Penyelenggaraan Teknologi Maklumat***

- a. Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM) adalah satu unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS). Objektif utama UPTM diwujudkan adalah memastikan pembangunan sistem, kualiti, keselamatan dan kesahihan maklumat adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan serta memberikan khidmat bantuan dalam membangun dan mengurus sistem maklumat yang cekap dan berkualiti. UPTM dibahagikan kepada tiga sektor utama iaitu Sektor Perancangan dan Pembangunan ICT, Sektor Operasi dan



Rangkaian serta Sektor Pentadbiran. Antara tugas dan tanggungjawab sektor-sektor tersebut adalah melaksanakan pembangunan sistem aplikasi baharu (in-house, smart partnership dan outsource), pemantauan dan penyenggaraan sistem, pengurusan ke atas laman web/portal Kerajaan Negeri dan Jabatan/Agensi, pengurusan pelaksanaan program ICT, perolehan perkakasan dan perisian serta pengurusan dasar dan keselamatan ICT. Dalam melaksanakan projek teknologi maklumat secara outsource, UPTM telah mengguna pakai Pekeliling Am, Surat Pekeliling Am, Garis Panduan dan peraturan sedia ada daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU, dan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP). Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, UPTM telah melaksanakan sebanyak enam projek pembangunan dan 14 kerja penyenggaraan teknologi maklumat secara outsource bagi menaik taraf sistem rangkaian, sistem aplikasi dan penyenggaraan melibatkan kos sejumlah RM44.34 juta.

- b. Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Mac hingga Jun 2017 mendapati prestasi pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan teknologi maklumat yang dijalankan secara *outsource* dari sudut pengurusan pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana kelemahan dari sudut pemantauan projek dan penguatkuasaan terma kontrak, kelemahan kontrak perjanjian, pengesahan kerja dilaksanakan tidak sempurna, prosedur pentadbiran kontrak yang lemah, projek disiapkan tidak mengikut tempoh ditetapkan dan pembayaran tidak teratur. Antara perkara yang perlu diambil perhatian bagi tujuan penambahbaikan adalah seperti di bawah:
  - i. projek pembangunan teknologi maklumat adalah tidak memuaskan kerana pelaksanaan perkhidmatan tidak mencapai tahap ditetapkan, kelewatan penyediaan projek, kontrak tidak disediakan dan lewat ditandatangani, *Service Level Agreement* (SLA) tidak dimasukkan dalam perjanjian, bayaran dibuat sebelum kontrak ditandatangani, Bon Pelaksanaan tidak meliputi tempoh kontrak, pelaksanaan perkhidmatan tidak mengikut terma kontrak dan bayaran dibuat tanpa bukti pengesahan kerja telah disempurnakan;
  - ii. kerja penyenggaraan teknologi maklumat yang dilaksanakan oleh syarikat juga didapati tidak sempurna kerana kontrak formal bagi perolehan bermasa tidak disediakan menyebabkan berlakunya bayaran kepada syarikat bagi kerja penyenggaraan yang tidak sempurna dan tidak dilaksanakan;
  - iii. SLA bagi projek penyenggaraan Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan tidak dimasukkan dalam kontrak. Selain itu, Bon Pelaksanaan yang tidak dikemukakan menyebabkan

UPTM tidak mempunyai bon pegangan bagi menjamin perkhidmatan yang diberikan dilaksanakan oleh syarikat sepanjang tempoh perjanjian; dan

- iv. pecah kecil perolehan bagi dua projek penyenggaraan.
- c. Bagi memastikan kelemahan dalam pengurusan pembangunan dan penyenggaraan projek teknologi maklumat secara *outsource* yang dibangkitkan tidak berterusan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perolehan dan perkhidmatan berkaitan projek teknologi maklumat yang telah dilaksanakan, adalah disyorkan pihak terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- i. memastikan pegawai UPTM yang terlibat dalam menguruskan perolehan projek teknologi maklumat menghadiri kursus berkaitan Perolehan Kerajaan dan Pengurusan Kewangan supaya dapat memahami prosedur kewangan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pembayaran tidak teratur pada masa hadapan;
  - ii. Unit Kewangan Pejabat SUKNS hendaklah memastikan setiap bayaran yang dibuat dilengkapi dengan dokumen sokongan dan bukti perkhidmatan telah dilaksanakan oleh pegawai teknikal berkenaan;
  - iii. UPTM hendaklah memastikan kontrak formal disediakan dengan lengkap bagi membolehkan pengukuran semula dibuat terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma kontrak, kontrak perjanjian dimuktamadkan mengikut tempoh ditetapkan dan pemantauan projek dilaksanakan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan; dan
  - iv. sistem aplikasi yang telah siap dibangunkan hendaklah digunakan sepenuhnya dan hendaklah dipastikan telah memenuhi keperluan pengguna yang ditetapkan bagi mengelakkan pembaziran.

## **BADAN KAWAL SELIA AIR**

### **3. *Pengurusan Kawal Selia Sumber Air***

- a. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Perlembagaan Persekutuan menetapkan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab terhadap sumber air. Bagi menguruskan sumber air, Kerajaan

Negeri Sembilan telah menubuhkan Badan Kawal Selia Air (BKSA) pada tahun 2009 dan diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Objektif utama BKSA ditubuhkan adalah untuk mengawal selia sumber air negeri agar air mentah dapat dimanfaatkan sepenuhnya, mencukupi dan berkualiti. BKSA telah mengguna pakai undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 dan Peraturan-peraturan Air (Pengkompau Kesalahan) Negeri Sembilan 2012.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2016 mendapati pengurusan kawal selia sumber air adalah tidak memuaskan dari segi fungsi BKSA yang tidak dilaksanakan sejajar dengan mandat yang diberikan seperti pengurusan rekod inventori air yang kurang lengkap bagi memastikan ketersediaan maklumat sumber air adalah mencukupi untuk tindakan selanjutnya terutama ketika musim kemarau. Selain itu, kawalan kualiti air dan penguatkuasaan yang kurang berkesan menyebabkan berlakunya pelanggaran standard piawaian yang ditetapkan di Loji Rawatan Air (LRA) dan aktiviti pesisir sungai yang menyebabkan kualiti sumber air menurun dan tercemar. Antara perkara yang perlu diambil perhatian bagi tujuan penambahbaikan adalah seperti di bawah:
  - i. sumber air mentah tidak mencukupi di Negeri Sembilan Timur (Kuala Pilah, Jempol dan Tampin) terutama pada musim kemarau. Ketersediaan sumber air di empangan juga tidak mencukupi untuk menampung permintaan air menyebabkan empangan berada pada paras kritikal dengan kekerapan sebanyak 0.1% hingga 74.1% bagi tahun 2012 hingga 2016;
  - ii. BKSA tidak mempunyai inventori yang lengkap mengenai sumber air seperti ketersediaan bekalan sumber air, profil sumber air dan aktiviti pencemaran menyebabkan BKSA tidak dapat menguruskan sumber air dengan berkesan bagi menangani keperluan air pada musim kemarau;
  - iii. berlaku pelanggaran kualiti air mentah di 23 LRA dan aktiviti pesisir sungai yang menyumbang pencemaran Lembangan Sungai Linggi menyebabkan LRA terpaksa ditutup akibat daripada pencemaran bau;
  - iv. tujuh buah empangan belum diwartakan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 yang menyebabkan penguatkuasaan kompaun di bawah Akta Air 1920 tidak dapat dilaksanakan bagi mengelakkan pencerobohan dan aktiviti yang tidak dibenarkan; dan
  - v. aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara berkesan menyebabkan kesalahan melakukan pencemaran terus berulang.
- c. Bagi memastikan kelemahan pengurusan Kawal Selia Sumber Air yang dibangkitkan tidak berterusan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dan aktiviti berkaitan sumber air yang telah

dilaksanakan, adalah disyorkan pihak terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- i. BKSA perlu menaik taraf Sistem Pengurusan Inventori Sumber Air (eSPISA) bagi tujuan pengawalan terhadap sumber air supaya ketersediaannya membantu mempercepatkan tindakan kerajaan negeri menangani krisis air apabila diperlukan dengan cekap dan berkesan;
- ii. BKSA perlu meningkatkan tindakan pencegahan dan pemuliharaan kualiti air dan tidak hanya bergantung pada aduan/laporan pencemaran daripada pihak SAINS;
- iii. BKSA dan Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan proses pewartaan kawasan tadahan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 bagi membolehkan pengawalan dan penguatkuasaan dijalankan bagi melindunginya daripada pencemaran dan pencerobohan;
- iv. BKSA perlu melaksanakan fungsi selaras dengan mandat yang diberikan bagi menyegerakan pengeluaran lesen, sementara Kerajaan Negeri pula perlu menyediakan peruntukan khusus untuk membiayai aktiviti berkaitan pembangunan dan pemuliharaan sumber air mentah; dan
- v. Kerajaan Negeri perlu memperkasakan organisasi BKSA seperti meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dalam bidang kawalan sumber air dan menilai semula keperluan sebenar tenaga kerja supaya fungsi dan peranan dapat dilaksanakan sepenuhnya.

## **MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DIPERBADANKAN**

### **4. Lambang Tunas Sdn. Bhd.**

- a. Lambang Tunas Sdn. Bhd. (LTSB) merupakan syarikat milik penuh Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan (MBI) dan telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 22 Julai 2006. Sehingga 31 Disember 2016, modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM100,000 dan RM2. Penubuhan LTSB bertujuan untuk menternak dan menjual rusa sama ada secara hidup atau secara karkas. LTSB didaftarkan dan beroperasi di Pejabat MBI, Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri, Seremban. Pada awal penubuhan LTSB, Lembaga Pemegang Amanah MBI telah bersetuju supaya ladang ternakan rusa seluas 44 hektar dan 675 ekor rusa daripada baka *Cervus Timorensis* milik MBI, diletakkan di bawah pengurusan LTSB bagi tujuan memudahkan pemantauan pengurusan serta perakaunan aktiviti ladang rusa berkenaan. Satu resolusi telah dikeluarkan bagi pengeluaran sejumlah RM100,000 daripada akaun MBI sebagai modal permulaan LTSB. Di peringkat permulaan, penternakan rusa dibuat menggunakan kaedah tradisional dan

seterusnya dikembangkan kepada kaedah penternakan yang lebih baik di masa hadapan. Ladang ternakan rusa LTSB telah dipajak oleh MBI daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah dengan nilai pajakan RM20,000 setahun. Sehingga bulan Mei 2017, jumlah rusa LTSB yang direkodkan adalah sebanyak 435 ekor rusa betina dan 82 ekor rusa jantan. Syarikat diterajui oleh dua orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Pengurusan ladang syarikat pula diuruskan oleh empat orang kakitangan iaitu seorang pengurus ladang dan dibantu oleh tiga orang penolong pengurus ladang. Pengurusan LTSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan Memorandum Dan Artikel Penubuhan (M&A) yang berkuat kuasa pada bulan Februari 2010.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara Mac hingga April 2017 mendapati secara keseluruhannya prestasi kedudukan kewangan LTSB adalah memuaskan kerana pada tahun 2016 LTSB memperoleh keuntungan sebelum cukai sejumlah RM334,314 dan keuntungan terkumpul meningkat daripada RM122,304 pada tahun 2015 kepada RM397,532 pada akhir tahun 2016. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus syarikat pula tidak memuaskan dan perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh LTSB yang diringkaskan seperti berikut:
  - i. misi dan visi syarikat yang menjadi asas penubuhan syarikat tidak ditetapkan yang mengakibatkan syarikat tidak dapat merangka plan strategi dan menetapkan sasaran pendapatan syarikat;
  - ii. syarikat tidak menyediakan bajet tahunan yang menyebabkan pengukuran prestasi pendapatan dan perbelanjaan bagi operasi tahunannya tidak dapat dilakukan;
  - iii. polisi dan prosedur kerja berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan penternakan rusa serta pengurusan ladang yang disediakan tidak mencukupi yang menyebabkan syarikat tidak memenuhi amalan terbaik pengurusan penternakan rusa; dan
  - iv. amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan seperti penubuhan Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit, Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) tidak ditetapkan, rancangan korporat dan perancangan strategik sebagai mekanisme bagi memastikan hala tuju LTSB yang jelas selaras dengan matlamat syarikat ditubuhkan juga tidak disediakan.
- c. Bagi memastikan objektif penubuhan Lambang Tunas Sdn. Bhd. (LTSB) dapat dicapai sepenuhnya serta Menteri Besar Diperbadankan (MBI) sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan LTSB mengambil tindakan seperti berikut:

- i. menyediakan garis panduan/prosedur berkaitan pengurusan kewangan, aktiviti pengurusan ternakan rusa dan tadbir urus korporat sebagai panduan dan rujukan pelaksanaan tugas;
- ii. menyediakan perancangan, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan hala tuju syarikat agar sasaran jualan rusa dapat ditetapkan serta ada inisiatif dilakukan untuk mencapai sasaran jualan tersebut; dan
- iii. memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan MBI dan Kerajaan Negeri.

## **YAYASAN NEGERI SEMBILAN**

### **5. YNS Management Sdn. Bhd.**

- a. YNS Management Sdn. Bhd. (YNSM) merupakan syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (YNS). Syarikat telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 22 Februari 1992. Sehingga 31 Disember 2016, modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM500,000. Penubuhan YNSM bertujuan untuk menjalankan perniagaan seperti perkhidmatan pencucian/pembersihan bangunan, landskap, penyenggaraan, urus niaga saham dan mengendalikan seminar/kursus pengurusan. Visi YNSM adalah untuk menjadi sebuah organisasi khidmat pengurusan dan pembersihan yang unggul di Negeri Sembilan. YNSM beroperasi di Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, Seremban. Syarikat diterajui oleh empat orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban sebagai Pengerusi, manakala Pengarah YNS, Pegawai Pelaburan YNS dan seorang ahli perniagaan sebagai ahli. Pengurusan YNSM pula diuruskan oleh 17 orang kakitangan iaitu seorang Pengurus Syarikat dan dibantu oleh seorang Penolong Pengurus, seorang Kerani Pentadbiran serta 14 orang pekerja am. Pengurusan YNSM adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati prestasi kewangan YNSM adalah memuaskan dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut menjadikan keuntungan terkumpul pada akhir

tahun 2016 berjumlah RM300,720. Selain itu, pengurusan aktiviti syarikat dan aspek tadbir urus adalah pada tahap memuaskan. Pihak Audit mendapati beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik seperti ringkasan berikut:

- i. jadual pencucian di kawasan utama tidak direkodkan masa pencucian harian yang menyebabkan kerja pemantauan sukar dilakukan;
  - ii. pekerja pencucian dan penyenggaraan tidak dilindungi polisi insurans pampasan pekerja;
  - iii. terdapat tanaman yang telah mati/tidak subur tidak diganti oleh pekerja YNSM; dan
  - iv. beberapa amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan.
- c. Bagi memastikan objektif penubuhan YNS Management Sdn. Bhd. (YNSM) dapat dicapai sepenuhnya pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah YNSM memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
- i. menyediakan mekanisme pengukuran prestasi kerja supaya setimpal dengan bayaran perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan demi menjaga imej syarikat untuk tempoh jangka panjang;
  - ii. mewujudkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan bagi memastikan pelantikan ALP yang lebih telus dan mengambil kira kelayakan serta pengalaman setiap ALP; dan
  - iii. merencanakan strategi dengan memanfaatkan sebaiknya lebihan dana syarikat sedia ada dengan memasuki pasaran sektor swasta ke arah mencapai Rancangan Korporat yang ditetapkan.







AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



# JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

## 1. PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM

### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perkhidmatan bantuan kebajikan merupakan bantuan yang disediakan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Skim bantuan kebajikan merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu penerima bantuan ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian yang merupakan suatu kaedah dalam pengurusan kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah mencapai taraf hidup yang lebih baik dan mampu berdikari.

1.1.2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan (JKMNS) merupakan Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. Salah satu aktiviti di bawah JKMNS adalah pemberian bantuan kewangan kepada golongan memerlukan iaitu melalui Skim Bantuan Am (SBA). Tujuan SBA diberikan secara bulanan kepada individu atau keluarga yang tidak berkemampuan adalah untuk meringankan bebanan kewangan mereka. Bantuan ini boleh diberikan bagi satu tempoh masa tertentu sehingga penerima bantuan mampu berdikari. Penerima bantuan ini terdiri daripada pesakit psikiatri, pendapatan tidak tetap tetapi di bawah garis kemiskinan, masalah kesihatan yang kronik, anak yatim dan sebagainya yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan oleh JKMNS. Kadar SBA Negeri yang ditetapkan di Negeri Sembilan oleh Kerajaan Negeri adalah antara RM140 hingga RM270 sebulan. Sehingga bulan Mei 2017, jumlah penerima SBA bagi seluruh Negeri Sembilan adalah seramai 6,339 orang.

1.1.3. Bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017, JKMNS telah menerima peruntukan sejumlah RM43.50 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM1.96 juta daripada Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan keseluruhan bagi tempoh tersebut sejumlah RM45.46 juta. Bagaimanapun, peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi SBA adalah sehingga tahun 2014 sahaja. Manakala peruntukan bagi program bantuan selain SBA masih diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan. Jumlah perbelanjaan SBA berbanding peruntukan bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.1**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SBA BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	NEGERI		PERSEKUTUAN	
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2014	10.35	10.25	1.96	1.96
2015	13.88	13.74	Tiada Peruntukan Daripada Kerajaan Persekutuan Bermula Tahun 2015	
2016	13.53	13.43		
2017	5.74	5.70		
<b>JUMLAH</b>	<b>43.50</b>	<b>43.12</b>	<b>1.96</b>	<b>1.96</b>

Sumber: JKMNS

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan Skim Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek pengurusan peruntukan, permohonan, kelulusan, pembayaran, pemantauan dan rekod program Skim Bantuan Am (SBA) bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017. Pengauditan dijalankan di JKMNS dan di tiga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu Rembau, Tampin dan Jelebu. Pemilihan PKMD ini adalah berdasarkan lokasi tersebut tidak terpilih dalam kajian sama yang pernah dilaksanakan pada tahun 2012, peratus penggunaan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan Versi 2.0 (e-Bantuan) dan bilangan penerima dan nilai SBA yang diagihkan. Sebanyak 300 fail penerima bantuan atau 43.4% daripada 692 penerima bantuan di PKMD Rembau, Tampin dan Jelebu bagi tahun 2014 hingga Mei 2017 telah dipilih sebagai sampel semakan. Manakala 6,192 rekod penerima bantuan bagi semua PKMD di Negeri Sembilan yang masih aktif setakat Mei 2017 dalam sistem e-Bantuan telah dianalisis untuk ketepatan dan kecukupan rekod bagi mengukur prestasi program SBA.

## 1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dalam sistem e-Bantuan dan dokumen berkaitan pengurusan bantuan dari proses permohonan hingga pembayaran. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan serta penerima bantuan juga dilaksanakan. Lawatan Audit ke pusat pembayaran setempat dan rumah penerima bantuan turut diadakan bagi pengesahan maklumat.

## **1.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati pada umumnya sasaran penerima SBA telah dicapai melebihi 95% yang seterusnya dapat meringankan bebanan kewangan mereka. Pengurusan SBA dari segi pengurusan peruntukan, pembayaran, pemantauan dan rekod SBA adalah baik. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati dari aspek kecekapan kelulusan bantuan sehingga makluman kepada penerima bantuan, proses agihan bantuan secara wang tunai dan ketepatan data serta maklumat dalam sistem e-Bantuan yang digunakan oleh PKMD adalah hanya pada tahap memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- i. proses siasatan bagi setiap permohonan lewat dijalankan menyebabkan status keputusan permohonan lewat dikeluarkan;
- ii. proses kelulusan permohonan melebihi tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan yang menyebabkan penerima yang layak, lewat menerima bantuan yang diperlukan;
- iii. pengesahan bagi pegawai pengiring tidak dilaksanakan oleh pihak PKMD bagi menjamin keselamatan pegawai yang menguruskan wang bantuan;
- iv. pengagihan wang bantuan secara tunai masih tinggi yang meningkatkan risiko keselamatan terhadap wang tunai dan pegawai yang terlibat; dan
- v. maklumat tidak lengkap dalam sistem e-Bantuan yang menyukarkan proses siasatan dan kajian semula serta pemantauan piagam pelanggan.

*Exit Conference* bersama Pengarah JKMNS dan Pegawai Kebajikan Masyarakat PKMD Rembau, Tampin dan Jelebu mengenai penemuan Audit telah diadakan pada 14 Julai 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

### **1.5.1. Prestasi Program**

SBA dibiayai oleh dana tahunan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada JKMNS. Seterusnya JKMNS akan membuat proses pengagihan kepada PKMD berdasarkan jumlah permohonan yang telah diluluskan di peringkat PKMD.

#### **1.5.1.1. Prestasi Agihan Kepada Penerima SBA**

- a. JKMNS menetapkan kadar bantuan yang boleh diberikan kepada pemohon berdasarkan syarat kelayakan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dengan syarat penerima bantuan tidak menerima bantuan di bawah skim bantuan lain di bawah JKMNS. SBA akan ditamatkan sekiranya penerima

bantuan tidak lagi memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Kadar dan syarat kelayakan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.2  
SYARAT KELAYAKAN BAGI SBA**

KADAR (RM)	SYARAT KELAYAKAN
140	1. OKU yang tidak bekerja
	2. Pesakit mental/jiwa dan tidak bekerja
	3. Tiada tanggungan/individu
	4. Pendapatan tidak tetap tetapi di bawah kadar termiskin
200	1. Mereka yang berpendapatan melebihi RM264.50 tetapi kurang RM529.00
	2. Tanggungan di bawah 5 orang
	3. Mempunyai masalah kesihatan
270	1. Mereka yang berpendapatan di bawah RM 264.50
	2. Bilangan tanggungan yang melebihi 5 orang
	3. Masalah kesihatan yang kronik
	4. Keutamaan yang tinggal di kawasan bandar
	5. Anak yatim

Sumber: JKMNS

- b. Bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017, rekod JKMNS menunjukkan seramai 19,199 pemohon telah mengemukakan permohonan bantuan bagi semua skim bantuan yang ditawarkan oleh JKMNS dan hanya 2,893 pemohon yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk dipertimbangkan bagi SBA. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.3  
BILANGAN PERMOHONAN BARU DAN  
KELULUSAN SBA BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN LAYAK SBA	BILANGAN PERMOHONAN BERJAYA SBA	PERMOHONAN LAYAK BERBANDING YANG BERJAYA (%)
2014	5,714	806	629	78.0
2015	5,241	859	801	93.2
2016	5,803	894	683	76.4
2017	2,441	334	333	99.7
<b>JUMLAH</b>	<b>19,199</b>	<b>2,893</b>	<b>2,446</b>	<b>84.5</b>

Sumber: JKMNS

- c. Sepanjang tempoh tiga tahun sehingga Mei 2017, sejumlah 2,446 ataupun 84.5% daripada 2,893 permohonan baru telah diterima dan diluluskan. Selain itu, seramai 2,916 penerima bantuan SBA bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017 telah ditamatkan atas beberapa sebab seperti meninggal dunia, sudah mampu berdikari, pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) atau tidak layak mengikut kriteria yang ditetapkan apabila proses kajian semula secara tahunan dilaksanakan. Sepanjang tahun 2014

hingga 2016 menunjukkan trend bantuan kepada penerima bantuan SBA adalah bergantung kepada peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Analisis Audit menunjukkan berlaku peningkatan dari segi bilangan penerima bantuan SBA yang ditamatkan sepanjang tempoh tiga tahun tersebut. Ini menunjukkan bahawa penerima bantuan asal telah keluar daripada syarat kelayakan penerima Bantuan Am. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.4**  
**BILANGAN PENERIMA BANTUAN AM BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	SEDIA ADA	BARU	TAMAT	JUMLAH
2014	6,809	629	736	6,702
2015	6,702	801	811	6,692
2016	6,692	683	918	6,457
2017	6,457	333	451	6,339
<b>JUMLAH</b>	<b>26,660</b>	<b>2,446</b>	<b>2,916</b>	<b>26,190</b>

Sumber: JKMNS

- d. JKMNS dan PKMD telah menetapkan bilangan penerima SBA yang diluluskan pada setiap tahun sebagai sasaran Jabatan. Penetapan sasaran ini berdasarkan kemampuan kewangan JKMNS dan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Sepanjang tempoh tahun 2014 hingga 2016, JKMNS telah meluluskan penerima SBA melebihi 95% daripada sasaran bilangan yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.5**  
**SASARAN BILANGAN PENERIMA SBA BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	SASARAN BILANGAN PENERIMA BANTUAN AM	BILANGAN SEBENAR PENERIMA SBA	PENCAPAIAN (%)
2014	6,863	6,702	97.6
2015	6,726	6,692	99.4
2016	6,534	6,457	98.8
2017	6,509	6,339	97.3

Sumber: JKMNS

**Pada pendapat Audit, prestasi pengagihan SBA adalah baik kerana 84.5% daripada penerima bantuan yang layak telah diberikan kelulusan dan pencapaian sasaran JKMNS terhadap bilangan penerima SBA adalah melebihi 95%.**

### 1.5.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Mei 2017 di bawah SBA, sejumlah RM45.46 juta peruntukan telah dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan masing-masing RM43.50 juta dan RM1.96 juta. Peruntukan ini seterusnya disalurkan kepada PKMD bagi tujuan pengagihan kepada penerima bantuan. Sehingga bulan Mei 2017 sejumlah RM45.08 juta daripada peruntukan tersebut telah diagihkan melibatkan seramai 6,339 penerima bantuan iaitu 99.2% daripada jumlah peruntukan yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.6**  
**PRESTASI PERUNTUKAN DAN**  
**PERBELANJAAN SBA BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	NEGERI			PERSEKUTUAN		
	PERUNTUKAN (RM)	AGIHAN (RM)	(%)	PERUNTUKAN (RM)	AGIHAN (RM)	(%)
2014	10.35	10.25	99.0	1.96	1.96	100
2015	13.88	13.74	98.9	Tiada Peruntukan Daripada Kerajaan Persekutuan Bermula Tahun 2015		
2016	13.53	13.43	99.3			
2017	5.74	5.70	99.3			
<b>JUMLAH</b>	<b>43.50</b>	<b>43.12</b>	<b>99.1</b>	<b>1.96</b>	<b>1.96</b>	<b>100</b>

Sumber: JKMNS

- b. Pihak Audit mendapati setiap tahun JKMNS telah berjaya berbelanja melebihi 90% untuk SBA bagi tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2014 hingga 2016 menggambarkan perancangan kewangan dan pelaksanaan operasinya telah dilaksanakan dengan teliti. Semua permohonan SBA telah dipertimbangkan berdasarkan kemampuan kewangan yang telah diperuntukkan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan SBA adalah baik berikutan peruntukan yang diterima telah diagihkan melebihi 90% kepada penerima bantuan yang layak.**

### 1.5.1.3. Keberhasilan (*Outcome*) Program Bantuan Geran Pelancaran Terhadap Penerima SBA

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) melalui Pelan Transformasi JKMM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan penerima bantuan melalui pelaksanaan *Productive Welfare*. Pendekatan *Productive Welfare* yang mula diperkenalkan pada tahun 2010 adalah satu bentuk usaha yang mensasarkan penerima bantuan kebajikan supaya dapat terus hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai



kemahiran kehidupan (*survival skills*) agar tidak selamanya bergantung kepada bantuan Kerajaan. Pendekatan ini sangat menekankan kepada pemerkasaan penerima bantuan agar lebih bermotivasi memperoleh latihan kemahiran yang bersesuaian dengan minat dan keupayaan mereka. Seiring dengan perancangan di bawah RMKe-11, JKMM telah merangka “2 Years Exit Programme” (2YEP) bagi tujuan tersebut.

- b. Objektif program 2YEP adalah melibatkan aktiviti pembangunan penerima bantuan produktif dalam tempoh dua tahun, meningkatkan usaha ke arah hidup berdikari, menjana pendapatan yang lebih produktif dan meningkatkan jumlah penerima bantuan yang berjaya ditamatkan bantuan kerana telah mampu berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan. Peserta program 2YEP akan diberikan bantuan geran pelancaran berjumlah RM2,700 sebagai modal awal untuk memulakan perniagaan. Program ini boleh disertai oleh penerima bantuan JKM yang produktif daripada skim Bantuan Kanak-kanak (BKK), Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan Am (BA). Pihak JKMM melalui JKMNS akan sentiasa membuat pemantauan terhadap peserta program yang terlibat sepanjang tempoh dua tahun untuk membimbing peserta ke arah berdikari.
- c. Semakan Audit mendapati pihak JKMNS telah melaksanakan program 2YEP bermula pada September 2014. Bagi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017 seramai 101 penerima SBA telah dipilih untuk menyertai program 2YEP. Bagaimanapun tiada peserta direkodkan bagi tahun 2016 dan sehingga Mei 2017 seramai tiga peserta direkodkan bagi tahun 2017. Pihak Audit mendapati seramai 37 peserta iaitu 36.6% telah ditamatkan bantuan kewangan kerana telah berjaya mencapai matlamat program 2YEP. Bagaimanapun prestasi program ini masih belum boleh dinilai memandangkan perlaksanaannya yang bermula pada tahun 2014 dan tempoh perlaksanaannya yang mengambil masa dua tahun bagi setiap peserta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.7**  
**PENYERTAAN PROGRAM 2YEP BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	BILANGAN PESERTA	BILANGAN PESERTA TELAH TAMAT/ MAMPU BERDIKARI	PERATUS PESERTA TELAH TAMAT/ MAMPU BERDIKARI (%)
2014	27	0	-
2015	71	0	-
2016	0	37	37.8
2017	3	0	-
<b>JUMLAH</b>	<b>101</b>	<b>37</b>	<b>36.6</b>

Sumber: JKMNS

**Pada pendapat Audit, program 2YEP merupakan satu inisiatif yang baik kerana melalui program ini peserta berupaya untuk keluar daripada kumpulan B40.**

### **1.5.2. Pengurusan SBA**


1.5.2.1. JKMNS telah mengadakan kerjasama bersama pihak Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, Wakil Rakyat, dan Wakil Penduduk, di peringkat negeri dan daerah dalam mendapatkan maklumat berkenaan pemohon bantuan yang berkelayakan untuk diberikan bantuan. Setiap permohonan SBA yang diterima akan disiasat bagi mengesahkan kelayakan bantuan kepada pemohon. Prinsip penyampaian bantuan adalah berdasarkan kepada kelayakan tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan sebagainya. Selepas permohonan diluluskan dan kadar bantuan ditetapkan, pengagihan duit bantuan akan disalurkan ke dalam akaun bank pemohon atau secara tunai di pejabat PKMD, serahan di rumah atau melalui program bulanan yang dilaksanakan oleh PKMD. Semakan Audit terhadap 300 fail penerima SBA di PKMD Rembau, Tampin dan Jelebu mendapati JKMNS telah memastikan proses permohonan, penilaian berasaskan kriteria ditetapkan, siasatan, kelulusan permohonan, kajian semula kes dan pengurusan aduan telah dilaksanakan dengan teratur. Semakan silang turut dilaksanakan diantara maklumat dalam fail fizikal pemohon dan rekod dalam sistem e-Bantuan bagi memastikan ketepatan dan keseragaman maklumat. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti kelewatan dalam memproses permohonan, menjalankan siasatan dan pemakluman keputusan permohonan dalam pengurusan SBA. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

#### **1.5.2.2. Proses Siasatan Permohonan Lewat Dijalankan**

- a. Setiap permohonan melalui Borang Permohonan Bantuan Kewangan (JKM 18) yang diterima akan direkodkan di Buku Daftar Permohonan Bantuan dan di dalam e-Bantuan. Siasatan awal dijalankan oleh pegawai kes untuk memastikan kelayakan pemohon dan jenis bantuan yang sesuai. Siasatan terperinci sehingga ke rumah pemohon dijalankan untuk menilai keadaan sosio-ekonomi dan melihat keadaan kehidupan pemohon. Hasil siasatan direkodkan dalam Borang Laporan Siasatan Permohonan (JKM 19) berserta jumlah bantuan yang disyorkan untuk kelulusan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (Pegawai Kebajikan). Kelulusan permohonan seterusnya direkodkan di dalam Buku Daftar Permohonan Bantuan dan fail penerima bantuan disediakan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat. Tempoh proses kelulusan adalah bermula daripada tarikh terima permohonan sehingga keputusan dimaklumkan

kepada pemohon adalah dalam tempoh satu bulan. Carta alir proses permohonan bantuan adalah seperti berikut:

**CARTA 1  
PROSES KERJA PERMOHONAN,  
PENYIASATAN DAN KELULUSAN BANTUAN KEBAJIKAN**



Sumber: JKMNS

- b. Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan bahawa setiap permohonan yang diterima hendaklah disiasat dalam tempoh dua minggu daripada tarikh permohonan diterima. Pegawai kes akan menjalankan siasatan terperinci terhadap pemohon berkenaan. Lawatan ke rumah pemohon dibuat untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang pemohon seperti status perkahwinan, bilangan ahli keluarga, pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, harta dan kesihatan. Pegawai kes akan mengemukakan ulasan dan syor sama ada permohonan diterima atau ditolak serta jenis dan kadar bantuan yang layak untuk kelulusan PKMD.
- c. Semakan Audit terhadap 6,192 rekod penerima bantuan di dalam sistem e-Bantuan bagi seluruh Negeri Sembilan mendapati sistem e-Bantuan tidak menyediakan pelaporan khusus yang boleh dijana bagi tujuan pemantauan pencapaian piagam pelanggan oleh JKMNS. Pemantauan yang dilaksanakan hanya secara manual iaitu semakan terus terhadap fail fizikal pemohon bantuan dan rekod pemohon bantuan di dalam sistem e-Bantuan. Analisis Audit bersama pihak JKMNS terhadap tempoh masa antara tarikh

permohonan dan tarikh siasatan dijalankan di dalam rekod sistem e-Bantuan tidak dapat dilaksanakan berikutan maklumat tarikh permohonan tidak berjaya dijana oleh sistem e-Bantuan. Pihak JKMNS telah memaklumkan masalah teknikal tersebut kepada JKMM. Semakan Audit selanjutnya terhadap 300 fail terdiri daripada 157 fail penerima bantuan dan 143 rekod permohonan di dalam sistem e-Bantuan bagi tiga daerah iaitu Rembau, Tampin dan Jelebu mendapati sejumlah 16 iaitu 5.3% permohonan lewat dijalankan siasatan melebihi tempoh dua minggu iaitu antara dua hari sehingga 153 hari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.8**  
**BILANGAN PERMOHONAN BANTUAN SBA YANG LEWAT DISIASAT**

DAERAH	BIL. SAMPEL YANG DISEMAK	BIL. SAMPEL LEWAT PROSES SIASATAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)		
			1 - 30	31 - 100	101 - 160
Rembau	100	7	4	1	2
Tampin	100	8	4	3	1
Jelebu	100	1	1	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>300</b>	<b>16</b>	<b>9</b>	<b>4</b>	<b>3</b>

Sumber: JKMNS

- d. Terdapat beberapa faktor kelewatan dalam proses permohonan bantuan berpunca daripada alamat pemohon yang diberikan tidak lengkap, pemohon tidak dapat dikesan walaupun dengan bantuan JKKK kampung, dokumen sokongan yang dikehendaki lambat dikemukakan oleh pemohon sedangkan permohonan telah didaftarkan dalam sistem e-Bantuan dan masalah kesihatan pegawai kes.

#### **Maklum Balas JKMNS yang Diterima pada 4 Ogos 2017**

*Setiap permohonan yang diterima akan disemak dengan teliti dan selengkapnya. Sekiranya dokumen tidak lengkap permohonan tidak akan didaftarkan dalam sistem e-Bantuan. Kaedah ini dikemas kini dalam carta aliran kerja dan pemakluman dalam Mesyuarat Kakitangan. Penyelarasan semula tugas pendaftaran kes permohonan bantuan di dalam sistem e-Bantuan. Memo peringatan turut dikeluarkan kepada semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan bantuan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan proses dan rekod permohonan bagi 300 fail yang disemak adalah baik kerana 94.7% fail yang disemak telah dilaksanakan mengikut peraturan ditetapkan. Bagaimanapun masih terdapat fail permohonan yang diproses tidak mengikut tempoh yang

ditetapkan. Selain itu borang permohonan yang tidak lengkap telah didaftarkan dalam sistem e-Bantuan terlebih dahulu tanpa mengikut carta proses kerja ditetapkan.

### 1.5.2.3. Proses Kelulusan Permohonan Melebihi Tempoh Ditetapkan

- a. Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan bahawa keputusan permohonan hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan diterima. JKMNS telah mengadakan Jadual Pemantauan Pencapaian Objektif Kualiti Perkhidmatan Sosial dan Bantuan bagi memastikan Piagam Pelanggan Jabatan dipatuhi.
- b. Semakan Audit terhadap 300 fail terdiri daripada 157 fail penerima bantuan dan 143 rekod permohonan di dalam sistem e-Bantuan bagi tiga daerah iaitu Rembau, Tampin dan Jelebu mendapati masih terdapat kelewatan dalam memberikan makluman terhadap status permohonan yang diterima kepada bakal penerima bantuan walaupun kawalan dalaman telah diwujudkan. Sejumlah 18 permohonan iaitu 6.0% lewat diberikan pemakluman berkenaan status permohonan melebihi tempoh satu bulan dari tarikh permohonan iaitu antara empat hari sehingga 159 hari. Kelewatan ini disebabkan berlaku kelewatan di peringkat proses siasatan yang turut memberi kesan kepada proses kelulusan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.9**  
**BILANGAN PERMOHONAN BANTUAN SBA YANG LEWAT**  
**DIMAKLUMKAN STATUS PERMOHONAN KEPADA PENERIMA BANTUAN**

DAERAH	BIL. SAMPEL YANG DISEMAK	BIL. SAMPEL LEWAT PROSES MAKLUMAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)		
			1 - 30	31 - 100	101 - 160
Rembau	100	8	5	1	2
Tampin	100	9	3	2	4
Jelebu	100	1	1	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>300</b>	<b>18</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>6</b>

Sumber: JKMNS

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap 6,192 rekod penerima bantuan di dalam sistem e-Bantuan bagi seluruh Negeri Sembilan mendapati sejumlah 2,528 iaitu 41.5% daripada rekod penerima bantuan SBA lewat mengeluarkan status kelulusan sehingga 113 bulan. Manakala sejumlah 152 rekod penerima bantuan SBA menunjukkan data ganjil iaitu tarikh kelulusan lebih awal dari tarikh siasatan dijalankan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa terdapat masalah dalam proses penjanaaan maklumat dari sistem e-Bantuan oleh pihak JKMNS. Selain itu, sistem e-Bantuan tidak menyediakan laporan khusus yang boleh dijana JKMNS dan PKMD bagi

pemantauan dalam memastikan piagam pelanggan Jabatan dipatuhi. Pemantauan yang dibuat adalah secara manual melalui borang pemantauan yang dilampirkan dalam fail fizikal permohonan.

### **Maklum Balas JKMNS yang Diterima pada 4 Ogos 2017**

*Setiap permohonan yang diterima akan disemak dengan teliti dan selengkapnya. Sekiranya dokumen tidak lengkap permohonan tidak akan didaftarkan dalam sistem e-Bantuan. Kaedah ini dikemas kini dalam carta aliran kerja dan pemakluman dalam Mesyuarat Kakitangan. Tindakan penyelarasan semula tugas pendaftaran kes permohonan bantuan di dalam sistem e-Bantuan. Memo peringatan turut dikeluarkan kepada semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan bantuan. JKMNS telah memaklumkan kepada JKMM berhubung masalah data ganjil dan penjana maklumat tidak tepat dalam sistem e-Bantuan bagi tujuan penambahbaikan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan proses kelulusan adalah memuaskan kerana telah dilaksanakan mengikut peraturan kecuali masih wujud 19 kes kelewatan dalam proses kelulusan dan penjana laporan tidak tepat dalam sistem e-Bantuan yang menunjukkan berlaku kelewatan terhadap 41.5% daripada jumlah penerima SBA di Negeri Sembilan.

#### **1.5.2.4. Pelaksanaan Kajian Semula Kes**

- a. Kajian semula kes bertujuan untuk menilai sama ada bantuan perlu diteruskan atau ditamatkan serta menentukan sama ada kadar bantuan masih relevan atau sebaliknya. Penerima bantuan perlu mengisi Borang Kajian Semula Bantuan (JKM 20) dan dihantar kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) berkenaan. Kajian semula kes akan dijalankan oleh Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pembantu Kebajikan Masyarakat. Ulasan dan syor dikemukakan melalui Borang Laporan Kajian Semula (JKM 21) kepada Pegawai Kebajikan untuk kelulusan.
- b. Mengikut Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan, kajian semula kes hendaklah dijalankan dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh kelulusan bantuan yang diberikan terdahulu. Kelulusan kajian semula kes adalah dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kajian semula selesai dijalankan. Sistem e-Bantuan akan memberi peringatan kepada pegawai kes secara atas talian sekiranya terdapat kes yang belum dibuat kajian semula apabila telah sampai tempohnya.

- c. Sepanjang tempoh tahun 2014 hingga 2016, sejumlah 25,826 kajian semula telah dijalankan dan sejumlah 22,910 penerima bantuan telah disambung bantuan SBA. Manakala sejumlah 2,916 penerima bantuan telah ditamatkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.10**  
**BILANGAN PENERIMA BANTUAN SBA**  
**YANG DILAKSANAKAN KAJIAN SEMULA BAGI TAHUN 2014 HINGGA MEI 2017**

TAHUN	BILANGAN FAIL KAJIAN SEMULA	BILANGAN SAMBUNG BANTUAN AM	BILANGAN TAMAT BANTUAN AM
2014	6,618	5,882	736
2015	6,694	5,883	811
2016	6,578	5,660	918
2017	5,936	5,485	451
<b>JUMLAH</b>	<b>25,826</b>	<b>22,910</b>	<b>2,916</b>

Sumber: JKMNS

- d. Semakan Audit terhadap fail penerima bantuan, rekod kajian semula bagi setiap penerima bantuan dan rekod di dalam sistem e-Bantuan mendapati proses kajian semula telah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. JKMNS telah menetapkan sasaran pencapaian secara dalaman sebanyak 100% kajian semula bagi semua PKMD di Negeri Sembilan. Sehingga Mei 2017, pencapaian bagi JKMNS adalah 99.9% iaitu hanya PKMD Jempol dan Port Dickson sahaja yang masih belum mencapai 100% kajian semula. Peratus pencapaian ini dipantau oleh pihak JKMNS dari semasa ke semasa. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.11**  
**BILANGAN KAJIAN SEMULA YANG LEWAT DILAKSANAKAN**

DAERAH	BILANGAN KES KAJI SEMULA	BILANGAN KES LEWAT KAJI SEMULA	PENCAPAIAN (%)
Seremban	8,400	0	100.0
Jempol	3,125	1	99.9
Kuala Pilah	2,620	0	100.0
Jelevu	1,708	0	100.0
Port Dickson	2,915	9	99.7
Tampin	3,672	0	100.0
Rembau	3,125	0	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>25,565</b>	<b>10</b>	<b>99.9</b>

Sumber: JKMNS

Pada pendapat Audit, pengurusan kajian semula kes adalah baik dengan pencapaian melebihi 99% kajian semula telah dijalankan terhadap semua penerima bantuan SBA.

### **1.5.3. Kaedah Pengagihan Bantuan**

1.5.3.1. Pengagihan wang SBA dibuat melalui dua cara iaitu bayaran secara tunai dan melalui bank. Pembayaran melalui tunai dan bank adalah ditetapkan pada satu hari bulan setiap bulan bayaran. Proses ini melibatkan proses penyediaan baucar kepada Bendahari Negeri, penerimaan cek, menunaikan cek dan urusan bayaran bantuan di semua saluran bayaran yang bersesuaian. Penyediaan baucar akan dibuat pada atau sebelum tiga hari bulan dan penerimaan cek dari Bendahari Negeri adalah pada 13 haribulan bulan sebelum bayaran. Ini membolehkan urusan pengagihan dapat diuruskan mulai 15 haribulan bulan sebelum bayaran dan berakhir pada satu haribulan bulan bayaran. Manakala bayaran pertama bagi penerima baru diuruskan melalui baucar bayaran berasingan supaya bayaran dengan segera dapat diuruskan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh kelulusan bantuan. Semakan Audit terhadap pengagihan wang SBA mendapati perkara seperti berikut:

#### **1.5.3.2. Pengesahan Bagi Pegawai Pengiring Tidak Dilaksanakan Bagi Menjamin Keselamatan Pegawai yang Menguruskan Wang Bantuan**

- a. Agihan SBA secara tunai dilaksanakan melalui tiga cara iaitu bayaran melalui kaunter di PKMD atau bayaran di pusat-pusat agihan. Manakala bagi penerima bantuan yang uzur atau bermasalah pegawai PKMD akan menyerahkan wang bantuan ke rumah penerima bantuan yang berkenaan. Arahan Perbendaharaan 137 menyatakan Jabatan perlu menjaga dengan selamat wang tunai dalam perjalanan dan jika difikirkan perlu boleh mengambil Polis Pengiring atau syarikat keselamatan swasta.
- b. Lawatan Audit semasa agihan wang SBA di Balai Raya Kampung Batu Hampar, Rembau dan semasa agihan di rumah penerima bantuan di DUN Kelawang dan DUN Pertang, Jelevu mendapati setiap proses agihan wang bantuan diiringi oleh anggota Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Semakan Audit mendapati pegawai di PKMD tidak membuat pengesahan Pegawai Pengiring dan hanya merujuk kepada surat jawapan dari pihak PDRM. Maklumat seperti Nama, No. Kad Kuasa/ Pengenalan dan tandatangan tidak direkodkan oleh PKMD Rembau, Tampin dan Jelevu. Hanya pegawai PKMD yang bertugas sahaja direkodkan dalam borang agihan wang bantuan. Pengesahan perlu dilakukan bagi mengelakkan ancaman dan keselamatan serta memudahkan rujukan sekiranya berlaku kes di masa hadapan. Keadaan sepanjang proses agihan adalah seperti berikut:



**GAMBAR 1.1**



Balai Raya Kampung Batu Hampar  
Agihan Wang Tunai Diiringi Anggota Polis  
(01.11.2016)

**GAMBAR 1.2**



DUN Kelawang  
Agihan Wang Tunai Diiringi Anggota Polis  
(04.04.2017)

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati wang bantuan yang dibawa ke pusat agihan dan semasa serahan ke rumah penerima bantuan telah disimpan di dalam peti wang tunai berkunci bagi menjamin keselamatan wang berkenaan. Pusat pengagihan SBA dan pegawai yang terlibat adalah seperti berikut:



**GAMBAR 1.3**

Balai Raya Kampung Batu Hampar  
Wang Bantuan Disimpan di Dalam Peti Wang Tunai  
(01.11.2016)

### **Maklum Balas JKMNS yang Diterima pada 4 Ogos 2017**

*PKMD Rembau telah mendapatkan pengesahan kehadiran pegawai semasa proses pengambilan duit dan proses pembayaran dengan mewujudkan buku pegawai pengiring yang akan ditandatangani oleh anggota yang bertugas pada masa akan datang. PKMD Jelebu telah mewujudkan buku rekod pengesahan bertugas bagi pegawai polis pengiring. Pegawai akan merekodkan nama, pangkat dan no ID setiap kali bertugas.*

Pada pendapat Audit, keselamatan proses pengagihan wang bantuan secara tunai adalah memuaskan memandangkan masih terdapat ruang yang boleh dipertingkatkan bagi melindungi keselamatan pegawai SBA sepanjang proses pengagihan bantuan kepada penerima.

#### **1.5.3.3. Pengagihan Wang Bantuan Secara Tunai Masih Tinggi**

- a. Perenggan 3.1.4., Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010; Penambahbaikan Sistem Pengurusan

Bayaran Bantuan Secara Tunai menyatakan semua bayaran bantuan bulanan hendaklah diuruskan melalui bank.

- b. Semakan Audit mendapati PKMD Rembau, Tampin dan Jelevu telah meningkatkan kadar agihan wang SBA melalui bank bagi memastikan risiko ke atas pengurusan wang tunai adalah rendah. Keadaan ini menyebabkan pegawai PKMD tidak perlu membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak semasa agihan secara tunai.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati 27.0% agihan SBA di Negeri Sembilan adalah secara tunai pada tahun 2016. Manakala 20.4% agihan dibuat secara tunai pada tahun 2016 bagi semua skim bantuan di Negeri Sembilan. Analisis Audit bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 menunjukkan berlaku penurunan dalam kaedah pengagihan secara tunai bagi SBA dan skim bantuan yang lain namun peratusan agihan secara tunai masih lagi tinggi iaitu 27.6% berbanding dengan arahan yang dikeluarkan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia. Faktor jarak serta kos pengangkutan yang tinggi untuk mengeluarkan duit bantuan di bank yang terletak di pekan atau bandar dan pertambahan kes-kes baru penerima bantuan yang belum membuka akaun bank adalah antara punca pengagihan wang bantuan secara tunai masih tinggi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.12  
AGIHAN WANG BANTUAN SBA MELALUI  
BANK DAN TUNAI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	JUMLAH (RM Juta)	TUNAI (RM Juta)	BANK (RM Juta)	PERATUS TUNAI BERBANDING JUMLAH BANTUAN (%)
2014	12.72	6.50	6.21	51.1
2015	13.77	7.90	5.87	57.4
2016	13.63	3.68	9.95	26.9
<b>JUMLAH</b>	<b>40.12</b>	<b>18.08</b>	<b>22.03</b>	<b>45.1</b>

Sumber: JKMNS

**JADUAL 1.13  
AGIHAN WANG BANTUAN BAGI SEMUA  
SKIM MELALUI BANK DAN TUNAI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	JUMLAH BANTUAN (RM Juta)	TUNAI (RM Juta)	BANK (RM Juta)	PERATUS TUNAI BERBANDING JUMLAH BANTUAN (%)
2014	79.40	26.82	52.59	33.8
2015	84.03	24.48	59.56	29.1
2016	85.37	17.40	67.97	20.4
<b>JUMLAH</b>	<b>248.80</b>	<b>68.70</b>	<b>180.12</b>	<b>27.6</b>

Sumber: JKMNS

### **Maklum Balas JKMNS yang Diterima pada 4 Ogos 2017**

*Sehingga bulan Julai 2017, PKMD Jelebu telah menguruskan pembayaran wang bantuan melalui bank sebanyak 96.6% daripada jumlah keseluruhan penerima bantuan seramai 1,628 orang. Manakala baki 3.6% melalui tunai. Mulai Ogos 2017 semua bayaran SBA adalah melalui kaedah tunai berdasarkan perbincangan bersama Kerajaan Negeri. Manakala bayaran bantuan di bawah skim bantuan Persekutuan dibayar melalui bank 100% mulai bulan Ogos 2017. Pengecualian atau pertimbangan boleh diberikan kepada penerima bantuan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kesihatan fizikal dan mental klien, status muflis yang menyukarkan pembukaan akaun bank dan apa-apa kes dengan alasan yang munasabah untuk dibayar secara tunai.*

Pada pendapat Audit, kaedah pengagihan wang bantuan secara tunai adalah memuaskan kerana sepanjang tempoh tiga tahun peratus pengagihan secara tunai masih tinggi dengan peratus dicapai ialah 27.6%.

#### **1.5.3.4. Perakuan Penerimaan oleh Penerima SBA Secara Tunai**

- a. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 menetapkan bahawa pemberian bantuan secara tunai memerlukan suatu bukti yang boleh diterima oleh pembayar, penerima dan saksi bagi mengakui bahawa sejumlah wang tertentu telah pun dibayar dan diterima. Tanda akuan penerimaan wang boleh diterima dalam bentuk tandatangan ataupun cap ibu jari tangan dan perlu diturunkan di Penyata Bayaran. Bagi mereka yang tiada tangan, gunakan tanda yang bersesuaian.
- b. Lawatan Audit di lokasi agihan wang bantuan mendapati pegawai PKMD dan saksi menurunkan tandatangan di penyata bayaran setiap kali bayaran dibuat. Pihak Audit juga mendapati penyata bayaran yang telah lengkap telah diserahkan kepada Unit Kewangan berserta baki wang yang tidak dapat diagihkan dalam tempoh 21 hari seperti yang ditetapkan Arahan Perbendaharaan. Prosedur bayaran yang telah ditandatangani oleh pegawai pembayar dan saksi semasa lawatan Audit adalah seperti berikut:

**GAMBAR 1.4**



**Balai Raya Kampung Batu Hampar  
Penyata Bayaran Telah Ditandatangani oleh Pegawai  
Pembayar dan Saksi  
(01.11.2016)**

**GAMBAR 1.5**



**DUN Pertang  
Penyata Bayaran Telah Ditandatangani oleh  
Pegawai Pembayar dan Saksi  
(05.04.2017)**

**Pada pendapat Audit, proses perakuan bayaran wang bantuan adalah baik kerana JKMNS telah memastikan prosedur yang ditetapkan dipatuhi.**

#### **1.5.4. Maklumat Tidak Lengkap Dalam Sistem e-Bantuan**

1.5.4.1. Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan Versi 2.0 (e-Bantuan) merupakan satu sistem berasaskan web yang dibina oleh JKMM di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk diguna pakai oleh semua negeri. Sistem e-Bantuan telah diperkenalkan pada tahun 2007 di mana PKMD Port Dickson menjadi perintis dalam penggunaan sistem tersebut. Sistem ini dibina bagi memudahkan tugas pendaftaran permohonan, laporan siasatan permohonan, kelulusan permohonan, pemprosesan pembayaran, penjanaan surat, laporan kajian semula dan laporan kemajuan bagi bantuan Geran Pelancaran. Objektif sistem e-Bantuan adalah menyelenggara rekod-rekod pembayaran bagi setiap penerima; mengenal pasti rekod bayaran secara tunai, melalui bank dan melalui cek; dan memudahkan perekodan maklumat yang dimasukkan berdasarkan pada Borang Penyiasatan dan Borang Kaji Semula.

1.5.4.2. Semakan Audit mendapati sistem e-Bantuan telah digunakan oleh semua PKMD bagi urusan pengagihan SBA. Pihak Audit telah memuat turun data seperti Nama, No. Kad Pengenalan, Alamat, Jenis Bantuan, dan Nilai Bantuan daripada sistem e-Bantuan. Ianya melibatkan 6,192 akaun penerima bantuan yang masih aktif di Negeri Sembilan. Semakan Audit terhadap data dan rekod SBA mendapati 23 daripada 6,192 rekod tidak lengkap melibatkan sembilan rekod di mana nombor Kad Pengenalan tidak diisi, 11 rekod melibatkan alamat yang tidak lengkap, dan tiga rekod tidak diisi maklumat berkaitan jumlah bantuan yang diterima.

## **Maklum Balas JKMNS yang Diterima pada 4 Ogos 2017**

*Rekod sistem e-Bantuan telah dikemas kini dengan memasukkan maklumat terkini klien. Peringatan melalui mesyuarat kakitangan supaya pegawai kes memasukkan dengan teliti data penerima bantuan dan menyemak kembali setiap kali kajian semula dilaksanakan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan maklumat dan rekod adalah baik kerana sistem e-Bantuan telah digunakan sepenuhnya oleh semua PKMD di Negeri Sembilan bagi merekodkan semua maklumat penerima bantuan menggunakan sistem yang telah dibangunkan oleh JKMM.

### **1.6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang bagi mana-mana program berkaitan pemberian bantuan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.6.1. meningkatkan kecekapan proses siasatan dan proses kelulusan SBA selaras Piagam Pelanggan yang ditetapkan bagi mempercepatkan bayaran kepada penerima bantuan SBA yang layak;
- 1.6.2. meningkatkan kaedah agihan secara bayaran ke dalam akaun bank penerima bantuan berbanding secara tunai. Pengesahan hendaklah dibuat terhadap pegawai polis pengiring bagi melindungi pegawai dan wang tunai terhadap risiko keselamatan dan sekiranya berlaku kes pada masa depan; dan
- 1.6.3. mewujudkan mekanisme semakan berkala untuk memastikan maklumat dalam sistem e-Bantuan adalah lengkap dan kemas kini bagi memudahkan rujukan, pemantauan, pelaksanaan, dan keberkesanan program.

## UNIT PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### 2. PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

#### 2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM) adalah satu unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS). Objektif utama UPTM diwujudkan adalah memastikan pembangunan sistem, kualiti, keselamatan dan kesahihan maklumat adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan serta memberikan khidmat bantuan dalam membangun dan mengurus sistem maklumat yang cekap dan berkualiti. UPTM dibahagikan kepada tiga sektor utama iaitu Sektor Perancangan dan Pembangunan ICT, Sektor Operasi dan Rangkaian serta Sektor Pentadbiran. Antara tugas dan tanggungjawab sektor-sektor tersebut adalah melaksanakan pembangunan sistem aplikasi baharu (*in-house*, *smart partnership* dan *outsource*), pemantauan dan penyenggaraan sistem, pengurusan ke atas laman web/portal Kerajaan Negeri dan Jabatan/Agensi, pengurusan pelaksanaan program ICT, perolehan perkakasan dan perisian serta pengurusan dasar dan keselamatan ICT.

2.1.2. Dalam melaksanakan projek teknologi maklumat secara *outsource*, UPTM telah mengguna pakai Pekeliling Am, Surat Pekeliling Am, Garis Panduan dan peraturan sedia ada daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU, dan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP). Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, UPTM telah melaksanakan sebanyak enam projek pembangunan dan 14 kerja penyenggaraan teknologi maklumat secara *outsource* bagi menaik taraf sistem rangkaian, sistem aplikasi dan penyenggaraan melibatkan kos sejumlah RM44.34 juta.

2.1.3. Projek pembangunan yang melibatkan menaik taraf sistem rangkaian Kerajaan Negeri Sembilan iaitu 1NSGOV\*NET adalah perolehan projek pembangunan yang paling besar iaitu bernilai RM40.12 juta bagi tempoh sepuluh tahun bermula dari bulan April 2014 hingga Mac 2024. 1NSGOV\*NET adalah projek peningkatan infrastruktur rangkaian IPVPN Metro-E dan talian internet yang dilaksanakan di Pejabat SUKNS yang melibatkan 42 lokasi. Manakala perolehan bagi kerja penyenggaraan yang utama adalah Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bernilai RM2.05 juta. Maklumat lanjut

bilangan dan kos projek bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.1**  
**PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN**  
**PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT SECARA *OUTSOURCE***  
**BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2016**

PERKARA	BILANGAN PROJEK	JUMLAH NILAI KONTRAK (RM Juta)
Menaik Taraf Sistem Rangkaian	1	40.12
Pembangunan Sistem Aplikasi	5	1.72
Penyenggaraan Teknologi Maklumat	14	2.50
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>44.34</b>

Sumber: UPTM

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pelaksanaan bagi projek pembangunan dan kerja penyenggaraan teknologi maklumat yang dilaksanakan secara *outsourced* di UPTM telah dilaksanakan secara ekonomi, cekap dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

## 2.3. SKOP PENGAUDITAN

2.3.1. Skop pengauditan meliputi pembangunan dan penyenggaraan projek teknologi maklumat yang dilaksanakan secara *outsourced*. Pemilihan sampel bagi projek pembangunan dan penyenggaraan adalah dibuat berdasarkan materialiti kewangan dan pemantauan pelaksanaan adalah di bawah UPTM. Aspek yang diliputi pula adalah pencapaian fizikal projek, pencapaian kewangan, prestasi pelaksanaan projek dan kerja penyenggaraan, pengurusan kontrak dan pematuhan peraturan kewangan. Tempoh pengauditan meliputi projek pembangunan dan penyenggaraan secara *outsourced* yang berkuat kuasa bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Bagi projek pembangunan, pihak Audit telah memilih satu projek sistem rangkaian iaitu 1NSGOV\*NET dan tiga sistem aplikasi iaitu Sistem Maklumat Geografi Negeri Sembilan (GIS9), Sistem Pengaduan Awam Negeri Sembilan (SPANS) Aplikasi Mobil serta sistem ePunch Card (peluasan sistem di Pejabat SUKNS, Majlis Sukan Negeri Sembilan dan Kediaman Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan).

2.3.2. Bagi kerja penyenggaraan pula, pihak Audit telah memilih sebanyak sembilan kerja penyenggaraan iaitu sistem aplikasi Sistem Perumahan Negeri Sembilan (ePENS), sistem ePunch Card (peluasan sistem di Pejabat SUKNS Majlis Sukan Negeri Sembilan dan Kediaman Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan), Sistem Pengurusan Inventori Sumber Air (e-SPIA), Jaringan Keselamatan Sosial (JKS), Sistem Dana Menteri Besar, Portal Kerajaan Negeri Sembilan, Laman Web 18

Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, SPANS serta Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

#### **2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak data, rekod, dokumen kerja, baucar bayaran, kontrak perjanjian dan fail yang berkaitan. Pihak Audit juga telah menjalankan ujian penggunaan ke atas sistem aplikasi yang dibangunkan dengan meminta pengguna sistem membuat demonstrasi penggunaan ke atas modul-modul yang terdapat pada sistem dan Laporan Ketersediaan yang dilaporkan dalam sistem masing-masing. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan fizikal turut dijalankan ke Jabatan dan Agensi berkaitan di Daerah Seremban dan Tampin bagi menilai status projek yang dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian, telah diguna dengan sebaiknya dan perolehan peralatan telah diurus mengikut peraturan ditetapkan. Selain UPTM, maklumat yang berkaitan turut diperolehi daripada Unit Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan (JPBDNS) yang kini dikenali sebagai PlanMalaysia@NegeriSembilan.

#### **2.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Mac hingga Jun 2017 mendapati prestasi pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan teknologi maklumat yang dijalankan secara *outsourc*e dari sudut pengurusan pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana kelemahan dari sudut pemantauan projek dan penguatkuasaan terma kontrak, kelemahan kontrak perjanjian, pengesahan kerja dilaksanakan tidak sempurna, prosedur pentadbiran kontrak yang lemah, projek disiapkan tidak mengikut tempoh ditetapkan dan pembayaran tidak teratur. Antara perkara yang perlu diambil perhatian bagi tujuan penambahbaikan adalah seperti di bawah:

- i. projek pembangunan teknologi maklumat adalah tidak memuaskan kerana pelaksanaan perkhidmatan tidak mencapai tahap ditetapkan, kelewatan penyediaan projek, kontrak tidak disediakan dan lewat ditandatangani, *Service Level Agreement* (SLA) tidak dimasukkan dalam perjanjian, bayaran dibuat sebelum kontrak ditandatangani, Bon Pelaksanaan tidak meliputi tempoh kontrak, pelaksanaan perkhidmatan tidak mengikut terma kontrak dan bayaran dibuat tanpa bukti pengesahan kerja telah disempurnakan;
- ii. kerja penyenggaraan teknologi maklumat yang dilaksanakan oleh syarikat juga didapati tidak sempurna kerana kontrak formal bagi perolehan bermasa tidak disediakan menyebabkan berlakunya bayaran kepada syarikat bagi kerja penyenggaraan yang tidak sempurna dan tidak dilaksanakan;



- iii. SLA bagi projek penyenggaraan Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan tidak dimasukkan dalam kontrak. Selain itu, Bon Pelaksanaan yang tidak dikemukakan menyebabkan UPTM tidak mempunyai bon pegangan bagi menjamin perkhidmatan yang diberikan dilaksanakan oleh syarikat sepanjang tempoh perjanjian; dan
- iv. pecah kecil perolehan bagi dua projek penyenggaraan.

*Exit Conference* bersama Pengarah UPTM, Penolong Setiausaha Unit Kewangan Pejabat SUKNS, Unit Integriti, Unit Audit Dalam Pejabat SUKNS dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai perkara yang ditemui telah diadakan pada 4 Ogos 2017. Selain itu, sesi perbincangan lanjut bersama YB. Dato' Seri SUK, Unit Audit Dalam Pejabat SUKNS dan UPTM turut diadakan bagi memuktamadkan penemuan Audit pada 14 September 2017. Penjelasan lanjut dan maklum balas UPTM mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

#### **2.5.1. Prestasi Projek Pembangunan**

Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi Ketiga), pembangunan projek hendaklah disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam kontrak perjanjian. Manakala 1PP - PK 2 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan menyatakan bagi projek ICT, sesuatu projek dianggap siap apabila Ujian Penerimaan Akhir atau *Final Acceptance Test* (FAT) telah dilaksanakan. Pihak Audit telah melaksanakan semakan terhadap pencapaian fizikal projek, prestasi pelaksanaan projek berdasarkan terma ditetapkan dalam perjanjian, pentadbiran kontrak dan pencapaian kewangan bagi empat projek pembangunan iaitu sistem rangkaian 1NSGOV\*NET, GIS9, SPANS Aplikasi Mobil dan ePunch Card. Semakan Audit berdasarkan aspek tersebut mendapati perkara yang dijelaskan seperti di perenggan berikut:

##### **2.5.1.1. 1NSGOV\*NET**

Projek Rangkaian 1NSGOV\*NET adalah projek menaik taraf infrastruktur rangkaian IPVPN Metro-E dan talian internet yang dilaksanakan di 42 lokasi termasuk Pejabat SUKNS dengan kos sejumlah RM40.12 juta. Tempoh projek adalah selama sepuluh tahun bermula dari bulan April 2014 hingga bulan Mac 2024 dan dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik secara Rundingan Terus. Permohonan pelantikan secara Rundingan Terus daripada UPTM telah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri pada 10 September 2013 dan telah mendapat kelulusan pada 17 September 2013. Mesyuarat Rundingan Harga ada dilaksanakan di antara Kerajaan Negeri dan pihak syarikat pada 3 Oktober 2013. Pegawai Penyelia bagi projek ini adalah YB. Dato' Seri SUKNS

berdasarkan surat perwakilan kuasa pada bulan Januari 2009. Projek ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pembangunan infrastruktur dan fasa penyediaan perkhidmatan rangkaian. Fasa pembangunan infrastruktur adalah bermula dari bulan Mei hingga September 2014 manakala fasa penyediaan perkhidmatan adalah bermula dari bulan April 2014 hingga Mac 2024. Antara kebaikan dan faedah 1NSGOV\*NET adalah ia boleh berinteraksi dengan talian 1GOV\*NET di semua Jabatan Kerajaan Persekutuan tanpa melibatkan pemasangan dua talian berbeza dengan tahap ketersediaan perkhidmatan yang tinggi dan capaian internet yang lebih pantas. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek 1NSGOV\*NET mendapati perkara seperti berikut:

**a. Prestasi Pelaksanaan Perkhidmatan Tidak Mencapai Tahap Ditetapkan**

- i. Berdasarkan *Service Level Guarantee* pada Kontrak Perjanjian 1NSGOV\*NET, ketersediaan perkhidmatan rangkaian internet (*service availability*) yang perlu disediakan oleh syarikat adalah 99.7% (*internet gateway*) dan 99.5% *Internet Protocol Virtual Private Network* (IPVPN) bagi 42 lokasi yang telah ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian. Ketersediaan perkhidmatan bermaksud sistem rangkaian tersedia untuk dicapai dari satu lokasi ke lokasi yang lain melalui rangkaian internet yang disediakan oleh *service provider*. Sekiranya ia tidak mencapai tahap ditetapkan, sejumlah denda hendaklah ditolak daripada bayaran kemajuan berdasarkan formula yang telah ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian. Bacaan ketersediaan capaian bagi rangkaian internet dan IPVPN diukur berdasarkan Laporan Ketersediaan Perkhidmatan (*service availability report*) yang dijana melalui *Network Monitoring System* (NMS). Mengikut kontrak perjanjian, Laporan Ketersediaan Perkhidmatan hendaklah dijana bagi setiap suku tahun sebagai dokumen sokongan bagi pengesahan perkhidmatan telah disediakan selaras dengan ketetapan ketersediaan capaian yang ditetapkan dalam terma Perjanjian tersebut.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Ketersediaan Perkhidmatan bagi bulan Julai hingga Disember 2016 mendapati lokasi yang disenaraikan dan menerima ketersediaan perkhidmatan rangkaian IPVPN bagi bulan Julai hingga September 2016 adalah sebanyak 36 lokasi manakala bagi bulan Oktober hingga Disember 2016 pula ialah 37 lokasi dan bukannya 42 lokasi seperti yang ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian. Jumlah bayaran bagi perkhidmatan tersebut untuk 42 lokasi telah dibayar penuh iaitu termasuk RM0.87 juta bagi lima lokasi yang tidak mendapat perkhidmatan.

- iii. Lokasi yang tidak mendapat perkhidmatan tersebut adalah Pejabat Menteri Besar (Baru), Yayasan Negeri Sembilan, Pusat Latihan Jabatan Perhutanan Sungai Menyala, Jabatan Kejuruteraan Pertanian Pedas dan Istana Seri Menanti. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada UPTM pada 21 September 2017, empat daripada lima lokasi tersebut telah dibuat penempatan semula (*relocation*) manakala lokasi kelima iaitu Pusat Latihan Jabatan Perhutanan Sungai Menyala menggunakan perkhidmatan *Streamyx* yang menunjukkan bahawa lokasi ini adalah di luar daripada skop perkhidmatan 1NSGOV\*NET. Senarai penempatan semula lokasi tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.2**  
**PENEMPATAN SEMULA EMPAT LOKASI**  
**YANG MENERIMA PERKHIDMATAN 1NSGOV\*NET**

LOKASI LAMA	CADANGAN LOKASI BARU
Pejabat Menteri Besar (Baharu)	Kediaman Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan
Yayasan Negeri Sembilan	Unit Pengaduan Awam Negeri Sembilan (UPANS)
Jabatan Kejuruteraan Pertanian Pedas	Rumah Peranginan Kerajaan Negeri Sembilan
Istana Seri Menanti	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan

Sumber: UPTM

- iv. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal 1NSGOV\*NET mendapati pada 3 November 2016, Mesyuarat tersebut telah membuat rundingan semula bersama syarikat dan persetujuan diperoleh terhadap lebihan bayaran sejumlah RM0.87 juta tersebut dengan melaksanakan penempatan semula bagi empat lokasi tersebut tanpa melibatkan sebarang kos pemasangan. Bagi masalah ketiadaan perkhidmatan 1NSGOV\*NET di Pusat Latihan Jabatan Perhutanan Sungai Menyala pula, pihak syarikat telah bersetuju untuk membiayai kos bagi capaian rangkaian melalui *Streamyx* melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek 1NSGOV\*NET pada 23 Mac 2015 termasuk penggunaan *Streamyx* di Istana Seri Menanti setakat 25 Februari 2015. Selepas tarikh tersebut, lokasi Istana Seri Menanti diganti dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dan tidak lagi termasuk dalam senarai lokasi penerimaan perkhidmatan 1NSGOV\*NET. Perincian bagi bayaran sejumlah RM0.87 juta tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.3**  
**PEMBAYARAN BAGI LOKASI YANG TIDAK MENDAPAT**  
**PERKHIDMATAN 1NSGOV\*NET BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	LOKASI YANG TIDAK MENDAPAT PERKHIDMATAN	JUMLAH BAYARAN PERKHIDMATAN 2014 - 2016 (RM)
1.	Pejabat Menteri Besar (Baharu)	174,367
2.	Yayasan Negeri Sembilan	174,367
3.	Jabatan Kejuruteraan Pertanian Pedas	174,367
4.	Istana Seri Menanti	174,367 (termasuk RM15,000 untuk bayaran perkhidmatan <i>Streamyx</i> setakat 25.2.2015)
5.	Pusat Latihan Jabatan Perhutanan Sungai Menyala	174,367 (termasuk RM39,600 untuk bayaran perkhidmatan <i>Streamyx</i> bagi tahun 2014 - 2016)
<b>JUMLAH</b>		<b>871,835</b>

Sumber: UPTM

- v. Semakan lanjut terhadap Laporan Ketersediaan Perkhidmatan sepanjang tempoh bulan Julai sehingga Disember 2016 mendapati perkhidmatan capaian rangkaian tidak memenuhi tahap ketersediaan yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam kontrak perjanjian iaitu 99.5% bagi IPVPN dan 99.7% bagi internet. Lokasi yang tidak memenuhi capaian ketersediaan rangkaian bagi perkhidmatan rangkaian IPVPN adalah sebanyak 4 hingga 29 lokasi. Manakala, bagi capaian perkhidmatan rangkaian internet pula perkhidmatan ketersediaan capaian rangkaian yang disediakan bagi tempoh Julai hingga Disember 2016 telah mencapai 99.7% kecuali bagi bulan Julai dan Disember 2016. Laporan Ketersediaan Perkhidmatan bagi tempoh tahun 2014 hingga Jun 2016 pula tidak disediakan oleh UPTM disebabkan sistem NMS belum digunakan bagi memantau prestasi rangkaian dan menjana Laporan Ketersediaan Perkhidmatan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.4**  
**JUMLAH KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN INTERNET**  
**DAN IPVPN DI LOKASI BAGI BULAN JULAI HINGGA BULAN DISEMBER 2016**

KETERSEDIAAN IPVPN	BILANGAN LOKASI					
	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
<50%	0	0	0	1	1	1
50% - 80%	1	0	0	2	0	0
81% - 99.4%	28	5	4	17	11	11
>99.5%	7	31	32	17	25	25
<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>36</b>	<b>36</b>	<b>37</b>	<b>37</b>	<b>37</b>
<b>LOKASI YANG TIDAK MEMENUHI CAPAIAN IPVPN</b>	<b>29</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>20</b>	<b>12</b>	<b>12</b>
<b>PERATUSAN CAPAIAN KETERSEDIAAN INTERNET (KETETAPAN 99.7%)</b>	<b>88.7 (TIDAK MEMENUHI CAPAIAN)</b>	<b>MEMENUHI CAPAIAN 99.7%</b>				<b>98.4 (TIDAK MEMENUHI CAPAIAN)</b>
		<b>99.8</b>	<b>99.9</b>	<b>99.9</b>	<b>99.8</b>	

Sumber: UPTM

- vi. Semakan terperinci terhadap prestasi ketersediaan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat bagi setiap lokasi mendapati bagi tempoh bulan Julai hingga September 2016, satu lokasi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan di mana capaian ketersediaan perkhidmatan rangkaian IPVPN adalah paling rendah iaitu sebanyak 75.6%. Bagi tempoh bulan Oktober hingga Disember 2016 pula, lokasi Pejabat Pertanian Ulu Sepri mendapat peratusan capaian ketersediaan perkhidmatan rangkaian IPVPN paling rendah iaitu masing-masing sebanyak 24.9%, 26.9% dan 25.4%.
- vii. Selain itu, lokasi yang menerima peratusan ketersediaan perkhidmatan rangkaian IPVPN di antara 50% hingga 80% bagi bulan Oktober hingga Disember 2016 adalah Pejabat Agama Islam Daerah Jempol sebanyak 59.9% dan Pejabat Daerah dan Tanah Jempol sebanyak 59.8%. Manakala sejumlah antara empat hingga 28 lokasi yang menerima ketersediaan perkhidmatan rangkaian IPVPN di antara 81% hingga 99.4% bagi bulan Julai hingga Disember 2017.
- viii. Pihak Audit mendapati ketersediaan perkhidmatan rangkaian IPVPN tidak memenuhi capaian yang ditetapkan sebanyak 99.5% antaranya adalah disebabkan pihak syarikat tidak melaksanakan Laporan Kajian Pelanggan terhadap perkhidmatan yang telah diberikan seperti yang dikehendaki dalam terma perjanjian pada Klausa 11.3 (a). Tanpa laporan tersebut, prestasi syarikat terhadap perkhidmatan yang disediakan tidak dapat diukur dari sudut tahap memenuhi kehendak Kerajaan Negeri terutama tindakan segera sekiranya berlaku masalah semasa capaian dan gangguan talian semasa operasi oleh Jabatan yang ditempatkan di setiap lokasi dan tindakan pemulihan dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam terma perjanjian.

Pada pendapat Audit, ketersediaan perkhidmatan rangkaian 1NSGOV\*NET adalah tidak memuaskan kerana capaian IPVPN yang tidak memenuhi peratusan ditetapkan telah menunjukkan matlamat projek tidak tercapai bagi menyediakan perkhidmatan rangkaian di 42 lokasi. Justeru, ia menyebabkan bayaran melebihi perkhidmatan yang disediakan dan berlaku gangguan ke atas penggunaan sistem/aplikasi di Jabatan Kerajaan Negeri.

**b. Sijil Penerimaan Sistem Belum Dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri**

- i. Berdasarkan Klausa 10, Perjanjian 1NSGOV\*NET, Ujian Penerimaan bagi setiap perkhidmatan perlu dilaksanakan dan Sijil Penerimaan Sistem hendaklah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.
- ii. Semakan Audit mendapati perjanjian yang dimeterai tidak memperincikan senarai Ujian Penerimaan yang perlu dijalankan serta tarikh pelaksanaannya. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Ujian Penerimaan telah dilaksanakan dengan lengkap mengikut skop perjanjian yang ditetapkan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati Sijil Penerimaan Sistem rasmi masih belum dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri walaupun rekod menunjukkan ujian pengesahan perkhidmatan telah dilaksanakan. Selain itu, ujian pengesahan bagi pemasangan, pentauliahan dan perkhidmatan IPVPN Metro E dan talian internet di Pejabat SUKNS masih belum selesai kerana penempatan semula empat lokasi yang masih dalam tempoh pelaksanaan seperti diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal 1NSGOV\*NET pada 3 November 2016. Senarai Ujian Penerimaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5  
PENGESAHAN PERKHIDMATAN  
YANG TELAH DILAKSANAKAN TANPA SIJIL DIKELUARKAN**

BIL.	PENGESAHAN PERKHIDMATAN	TARIKH PENGESAHAN
1.	<i>UAT Microsoft Exchange Project (AD 2012 Server)</i>	04.04.2014
2.	<i>UAT Microsoft Exchange Project (Microsoft Exchange Server 2013)</i>	18.06.2014
3.	<i>UAT Data Recovery Centre</i>	25.08.2014
4.	<i>UAT Server Backup</i>	25.08.2014
5.	<i>User Acceptance Test (UAT) BlueCat Address Manager/Adonis</i>	24.11.2014
6.	<i>Final Acceptance Test ESET Anti Virus</i>	11.12.2014
7.	<i>Final Acceptance Test Bluecoat Packetshaper</i>	11.12.2015
8.	Pengesahan Pemasangan, Pentauliahan dan Perkhidmatan Rangkaian IPVPN Metro E dan Talian Internet di Pejabat SUKNS	13.06.2014 (kecuali 4 lokasi yang ditempatkan semula)

Sumber: UPTM

### c. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. Berdasarkan 1PP-PK 2 Lampiran 2.27 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan Bab 5 Prosedur Pelantikan Rasmi Perenggan 5.5.5, Agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara Kerajaan dan syarikat dengan segera, tidak melebihi tempoh dua bulan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani oleh syarikat/firma. Selepas SST ditandatangani, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan.
- ii. Semakan Audit mendapati kontrak 1NSGOV\*NET telah lewat ditandatangani selama 22 bulan melebihi tempoh dua bulan SST ditandatangani. Tarikh SST ditandatangani adalah pada 21 Februari 2014 manakala kontrak hanya ditandatangani pada 15 Mac 2016. Pihak Audit dimaklumkan penyediaan kontrak mengambil masa kerana ia merupakan projek yang pertama kali disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan tempoh projek yang panjang iaitu sepuluh tahun. Bagaimanapun, tempoh menyiapkan kontrak oleh UPTM didapati mengambil masa yang panjang. Ini kerana UPTM tidak membuat kawalan bagi memastikan tempoh draf kontrak dimuktamadkan dengan segera sehingga mengambil masa hampir dua tahun.

### **Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 11 Ogos 2017**

*Penyelarasan kontrak di peringkat SUKNS telah dibuat bagi memastikan kontrak-kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan. Kursus pengurusan perolehan kewangan akan dilaksanakan kepada pegawai yang terlibat khusus kepada pelaksanaan projek ICT. Selain itu, pemantauan pengurusan pentadbiran kontrak telah dimasukkan sebagai agenda tetap dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).*

**Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak 1NSGOV\*NET adalah tidak memuaskan kerana kelewatan kontrak ditandatangani telah menyebabkan tindakan tidak dapat diambil oleh UPTM atas kegagalan syarikat menyiapkan kerja seperti dijanjikan kepada Kerajaan Negeri.**

### d. Bayaran Dibuat Sebelum Kontrak Ditandatangani

- i. Berdasarkan 1PP-PK 4(2), Perenggan 1 (v) (a) Jadual 1, bagi bekalan dan perkhidmatan menyatakan bayaran berkala boleh dibayar sehingga tiga kali sebelum kontrak formal ditandatangani dan hendaklah tidak melebihi empat bulan selepas SST ditandatangani. Bayaran berkala

seterusnya hanya boleh dibuat selepas kontrak formal ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

- ii. Semakan terhadap bayaran kemajuan 1NSGOV\*NET mendapati sebanyak enam bayaran berjumlah RM6.70 juta telah dibuat selepas 4 bulan SST ditandatangani dan sebelum kontrak formal ditandatangani seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.6**  
**BAYARAN DIBUAT SELEPAS EMPAT BULAN**  
**SST DITANDATANGANI DAN SEBELUM MENANDATANGANI PERJANJIAN**

BIL	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	JADUAL BAYARAN SEPERTI DI DALAM PERJANJIAN
<b>1NSGOV*NET</b>				
<b>TARIKH SST DITANDATANGANI: 21 FEBRUARI 2014</b>				
<b>TARIKH PERJANJIAN: 15 MAC 2016</b>				
1.	V0004661	15.09.2014	0.91	Bayaran suku tahun Julai - September 2014
2.	V0005412	23.10.2014	0.91	Bayaran suku tahun Oktober - Disember 2014
3.	V0000483	17.02.2015	2.15	Bayaran suku tahun Januari - Mac 2015
4.	V0001690	20.04.2015	0.91	Bayaran suku tahun April - Jun 2015
5.	V0003596	28.07.2015	0.91	Bayaran suku tahun Julai - September 2015
6.	V0005250	28.10.2015	0.91	Bayaran suku tahun Oktober - Disember 2015
<b>JUMLAH</b>			<b>6.70</b>	

Sumber: UPTM dan Unit Kewangan, Pejabat SUKNS

- iii. Berdasarkan jadual di atas, pembayaran terhadap enam kemajuan kerja bagi 1NSGOV\*NET sejumlah RM6.70 juta telah dibuat sebelum kontrak formal ditandatangani pada 15 Mac 2016 iaitu lewat selama 22 bulan. Kesemua perbelanjaan ini adalah tidak teratur kerana tidak mengikut prosedur pembayaran seperti yang ditetapkan dalam peraturan kerajaan.
- iv. Kelewatan menandatangani kontrak telah menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan seperti denda atau penalti atas kegagalan pihak syarikat menyediakan perkhidmatan dengan sempurna.

**Pada pendapat Audit, pembayaran kemajuan projek 1NSGOV\*NET adalah tidak memuaskan kerana pembayaran yang dibuat sebelum kontrak ditandatangani adalah tidak teratur. Ini menyebabkan pembayaran dibuat kepada syarikat tidak mengikut perkhidmatan yang disediakan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak memandangkan terma kontrak belum dimuktamadkan dan seterusnya tidak mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan.**



**e. Bon Pelaksanaan Tidak Mengikut Tempoh Kontrak**

- i. 1PP-PK 4(2) Perenggan 1 (iii) (c) (1) (ii) menetapkan tempoh sah laku jaminan Bon Pelaksanaan adalah bermula dari tarikh kontrak berkuat kuasa sehingga dua belas bulan selepas tamat tempoh kontrak atau selepas penghantaran terakhir yang mana terkemudian.
- ii. Selain itu, berdasarkan Klausula 4.1 Perjanjian 1NSGOV\*Net pula menyatakan, syarikat hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah anggaran kontrak setahun sejumlah RM200,596 dan hendaklah memastikan ia kekal sah sehingga tempoh sah kontrak iaitu 31 Mac 2024. Manakala, berdasarkan SST bertarikh 10 Februari 2014, Perenggan 4.5 pula menyatakan syarikat hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% berjumlah RM200,596 dan hendaklah diperbaharui setiap dua tahun.
- iii. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi 1NSGOV\*NET berjumlah RM200,596 adalah bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 iaitu hanya meliputi fasa pembangunan sahaja dan tidak meliputi keseluruhan tempoh kontrak selama 10 tahun. Selain itu, Bon Pelaksanaan tersebut juga tidak pernah diperbaharui setelah tamat tempoh sah laku Bon Pelaksanaan iaitu pada 31 Disember 2014.
- iv. Perkara ini menyebabkan kepentingan Kerajaan Negeri tidak dilindungi kerana sebarang kos tambahan yang perlu dibayar oleh kontraktor atas kegagalan menyiapkan kerja seperti ditetapkan dalam kontrak tidak dapat dituntut. Justeru, ia meningkatkan risiko kepada Kerajaan dan tiada jaminan perkhidmatan syarikat dilaksanakan seperti ditetapkan di dalam kontrak perjanjian.

**Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 21 September 2017**

*Syarikat telah bersetuju untuk membuat potongan ke atas tuntutan bulanan bagi jumlah Bon Pelaksanaan tersebut.*

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan keperluan penyediaan Bon Pelaksanaan 1NSGOV\*NET seperti ditetapkan dalam SST adalah tidak memuaskan kerana tindakan syarikat tidak memperbaharui Bon Pelaksanaan mendedahkan Kerajaan Negeri kepada risiko kepentingan Kerajaan Negeri tidak dilindungi dan tiada jaminan atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan oleh syarikat mengikut kontrak perjanjian.

## f. Pelaksanaan Projek Tidak Mengikut Kontrak Perjanjian

- i. Pelaksanaan projek teknologi maklumat hendaklah dipastikan menepati kehendak pengguna dan mengikut terma perjanjian ditetapkan. Semakan Audit telah dibuat antara terma perjanjian yang telah ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian dan dibandingkan dengan prestasi sebenar pelaksanaan projek 1NSGOV\*NET mendapati perkara seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.7**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK 1NSGOV\*NET**

BIL.	TERMA PERJANJIAN	KEADAAN SEBENAR
1.	Berdasarkan Klausula 16, pihak syarikat perlu menyediakan sistem sokongan <i>Help Desk</i> yang beroperasi 24 jam seminggu. Laporan bulanan <i>Help Desk</i> tersebut perlulah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri (UPTM) sebulan sekali.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit mendapati sistem <i>Help Desk</i> hanya disediakan oleh pihak syarikat mulai bulan November 2016. Justeru tiada laporan <i>Help Desk</i> dikemukakan kepada UPTM untuk tempoh Mac 2014 hingga Oktober 2016.</li> <li>• Ini menyebabkan pemantauan terhadap masalah yang dihadapi oleh pengguna tidak dapat dilaksanakan dan prestasi syarikat tidak dapat diukur seperti tempoh aduan diselesaikan oleh syarikat.</li> </ul>
2.	Berdasarkan Klausula 5, <i>Service Level Guarantee</i> yang terdapat dalam perjanjian, <i>mean time to repair</i> (MTTR) oleh pihak syarikat adalah purata 4 jam bagi menyelesaikan masalah dan aduan daripada pengguna.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit terhadap laporan 1NSGOV*NET <i>Down Time</i> bagi bulan Jun dan Julai 2017 mendapati jumlah masa yang diambil untuk MTTR adalah antara lima hingga 244 jam. Pihak Audit dimaklumkan surat bagi memohon penjelasan mengenai kelewatan penyelesaian aduan telah dihantar kepada syarikat pada 3 Ogos 2017.</li> <li>• Ini menyebabkan pengguna menghadapi masalah gangguan talian internet dalam tempoh yang panjang. Ia turut menjejaskan tugas seharian terutama yang melibatkan perkhidmatan kepada orang awam.</li> </ul>
3.	Berdasarkan Klausula 11 syarikat hendaklah kemukakan kepada Kerajaan Negeri laporan yang ditetapkan di Klausula 11.1 (a) hingga (i) di mana antaranya ialah Laporan Ketersediaan Perkhidmatan ( <i>service availability report</i> ).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit mendapati syarikat tidak menyediakan sistem bagi mengeluarkan Laporan Ketersediaan Perkhidmatan dan ia tidak pernah dikemukakan kepada UPTM sejak perkhidmatan mula diberikan pada bulan April 2014.</li> <li>• Pihak Audit mendapati pihak UPTM telah menggunakan sistem <i>Network Monitoring System</i> (NMS) mulai bulan Julai 2016. Sehubungan itu, UPTM tidak dapat menilai prestasi pelaksanaan perkhidmatan yang disediakan bagi tempoh sebelum bulan Julai 2016 seperti ditetapkan dalam kontrak. Justeru, denda tidak dapat dikenakan sepanjang tempoh tersebut kepada syarikat.</li> </ul>

Sumber: Kontrak Perjanjian 1NSGOV\*NET

- ii. Berdasarkan Klausula 16, pihak syarikat perlu menyediakan sistem sokongan *Help Desk* yang beroperasi 24 jam seminggu. Laporan bulanan *Help Desk* tersebut perlulah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri (UPTM) sebulan sekali. Semakan Audit mendapati sistem *Help Desk* hanya disediakan oleh pihak syarikat mulai bulan November 2016. Justeru tiada laporan *Help Desk* dikemukakan kepada UPTM untuk

tempoh Mac 2014 hingga Oktober 2016. Ini menyebabkan pemantauan terhadap masalah yang dihadapi oleh pengguna tidak dapat dilaksanakan dan prestasi syarikat tidak dapat diukur seperti tempoh penyelesaian aduan sama ada telah mematuhi terma perjanjian ditetapkan.

- iii. Selain itu, berdasarkan Klausula 5, *Service Level Guarantee* yang terdapat dalam perjanjian menyatakan *mean time to repair* (MTTR) oleh pihak syarikat adalah purata 4 jam bagi menyelesaikan masalah dan aduan daripada pengguna. Semakan Audit terhadap laporan 1NSGOV\*NET *Down Time* bagi bulan Jun dan Julai 2017 mendapati tempoh masa baik pulih perkhidmatan yang disediakan oleh kontraktor telah melebihi masa yang ditetapkan iaitu lima hingga 244 jam berbanding empat jam yang ditetapkan dalam kontrak. Pihak Audit dimaklumkan surat bagi memohon penjelasan mengenai kelewatan penyelesaian aduan telah dihantar kepada syarikat pada 3 Ogos 2017. Ini menunjukkan pengguna menghadapi masalah gangguan talian internet dalam tempoh yang panjang. Ia turut menjejaskan tugas seharian terutama yang melibatkan perkhidmatan kepada orang awam.
- iv. Berdasarkan Klausula 11.1 (a) hingga (i), Kontrak Perjanjian 1NSGOV\*NET syarikat hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan Negeri satu Laporan Ketersediaan Perkhidmatan (*service availability report*). Laporan ini hendaklah berdasarkan kepada *Service Level Guarantee* di mana ketersediaan perkhidmatan rangkaian internet (*service availability*) yang perlu disediakan oleh syarikat adalah 99.7% (*internet gateway*) dan 99.5% *Internet Protocol Virtual Private Network* (IPVPN) bagi 42 lokasi. Pihak Audit mendapati syarikat tidak menyediakan Laporan Ketersediaan Perkhidmatan sejak perkhidmatan mula diberikan pada Kerajaan Negeri pada bulan April 2014. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai UPTM bahawa *Network Monitoring System* (NMS) hanya mula digunakan mulai bulan Julai 2016. Oleh itu, prestasi pelaksanaan perkhidmatan tidak disediakan bagi tempoh sebelum bulan Julai 2016 yang menyebabkan prestasi perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat tidak dapat diukur sama ada telah memenuhi seperti ditetapkan dalam kontrak.
- v. Semakan Audit terhadap Laporan Ketersediaan Perkhidmatan tersebut mendapati denda hanya mula dikenakan oleh UPTM bagi suku tahun bulan Julai-bulan September 2016 setelah membuat tolakan pada pembayaran bagi suku tahun bulan Oktober hingga bulan Disember 2016. Butiran lengkap mengenai perbandingan pembayaran sebelum

dan selepas Laporan Ketersediaan Perkhidmatan disediakan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.8**  
**PEMBAYARAN PERKHIDMATAN 1NSGOV\*NET**  
**SEBELUM DAN SELEPAS PENYEDIAAN LAPORAN KETERSEDIAAN**

BAYARAN SEBELUM LAPORAN KETERSEDIAAN				BAYARAN SELEPAS LAPORAN KETERSEDIAAN							
SUKU TAHUN	NOMBOR DAN TARIKH BAUCAR	JUMLAH (RM)	DENDA (RM)	SUKU TAHUN	NOMBOR DAN TARIKH BAUCAR	JUMLAH (RM)	JUMLAH DENDA (RM)				
April-Jun 2014	V0003079 20.6.2014/	2,149,641 (Bayaran termasuk kos perkakasan dan perisian <i>Microsoft Exchange</i> RM1,237,685)	-	Julai-September 2016	V0003322 3.8.2016	911,956	Denda akan ditolak pada bayaran penggal Oktober - Disember 2016.				
Julai-September 2014	V0004661 15.9.2014	911,956	-	Oktober-Disember 2016	V0005522 2.12.2016	882,365	29,591 (Denda bagi suku tahun Julai - September 2016)				
Oktober-Disember 2014	V0005412 23.10.2014	911,956	-	Jan-Mac 2017	V0000549 3.3.2017	885,472	26,484 (Denda bagi suku tahun Oktober - Disember 2016)				
Januari-Mac 2015	V0000483 17.2.2015	2,149,641 (Bayaran termasuk kos dan perkakasan dan perisian <i>Microsoft Exchange</i> RM1,237,685 )	-	April-Jun 2017	V0002767 15.6.2017	893,291	18,665 (Denda bagi suku tahun Jan - Mac 2017)				
April-Jun 2015	V0001690 20.4.2015	911,956	-								
Julai-September 2015	V0003596 28.7.2015	911,956	-								
Oktober-Disember 2015	V0005250 28.10.2015	911,956	-								
Januari-Mac 2016	V0001018 16.3.2016	950,772 (Bayaran termasuk kos penyenggaraan <i>Microsoft Exchange</i> RM38,816)	-								
April-Jun 2016	V0001776 9.5.2016	911,956	-								
<b>JUMLAH</b>		<b>10,721,790</b>	<b>-</b>							<b>3,573,084</b>	<b>74,740</b>

Sumber: UPTM

- vi. Berdasarkan Klausa 13 dalam Kontrak Perjanjian menyatakan *Service Level Guarantee* Perenggan 4, syarikat akan dikenakan penalti apabila Ketersediaan Perkhidmatan tidak mencapai tahap ditetapkan dalam Kontrak Perjanjian. Semakan Audit mendapati denda selepas Laporan Ketersediaan Perkhidmatan disediakan adalah sejumlah RM74,740 bagi

pembayaran sehingga bulan Jun 2017 manakala tiada denda dikenakan bagi tempoh April 2014 hingga Jun 2016 memandangkan tiada bukti dokumen sokongan yang dikepilkan oleh syarikat akibat kelewatan menyediakan sistem pemantauan rangkaian (NMS).

**Pada pendapat Audit pelaksanaan projek 1NSGOV\*NET adalah tidak memuaskan kerana perkhidmatan yang tidak mengikut ketetapan kontrak seperti laporan *Help Desk* dan Laporan Ketersediaan Perkhidmatan tidak disediakan menyebabkan penalti tidak dapat dikenakan kepada syarikat. Selain itu, tempoh tindakan untuk menyelesaikan masalah *down time* yang melebihi masa ditetapkan telah menjejaskan tugas seharian Jabatan/Agensi terutama yang melibatkan perkhidmatan kepada orang awam.**

**g. Bayaran Dibuat Tanpa Pengesahan Perkhidmatan Telah Disempurnakan**

- i. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 99 (e) (i) dan (ii) baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan.
- ii. Berdasarkan Kontrak Perjanjian, terdapat 2 bahagian Jadual Pembayaran iaitu Jadual Pembayaran Ketersediaan Perkhidmatan Rangkaian Internet dan IPVPN berjumlah RM36.48 juta dan Jadual Pembayaran Perkakasan/Perisian dan Penyelenggaraan berjumlah RM3.64 juta.
- iii. Semakan Audit terhadap kaedah perolehan dan pembayaran projek 1NSGOV\*NET mendapati pembayaran bagi sembilan daripada 11 baucar bayaran projek bagi tempoh tahun 2014 hingga Jun 2016 tidak dikepilkan dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti perincian bagi pemasangan perkakasan/perisian/penyelenggaraan dan Laporan Ketersediaan Perkhidmatan yang disahkan oleh UPTM. Ini kerana sistem NMS bagi menjana laporan tersebut hanya mula dilaksanakan pada bulan Julai 2016. Butiran lanjut mengenai dokumen yang tidak lengkap bagi baucar bayaran pemasangan perkakasan/perisian dan Laporan Ketersediaan Perkhidmatan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.9**  
**DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK LENGKAP**  
**BAGI BAUCAR BAYARAN 1NSGOV\*NET TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	JUMLAH BAUCAR (RM Juta)	DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK LENGKAP
1.	V0003079	20.06.2014	2.15	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perincian pemasangan perkakasan/perisian</li> <li>Laporan Ketersediaan Bulan April – Jun 2014</li> </ul>
2.	V0004661	15.09.2014	0.91	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Ketersediaan Bulan Julai – September 2014</li> </ul>
3.	V0005412	23.10.2014	0.91	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Ketersediaan Bulan Oktober – Disember 2014</li> </ul>
4.	V0000483	17.02.2015	2.15	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perincian pemasangan perkakasan/perisian</li> <li>Laporan Ketersediaan Bulan Januari – Mac 2015</li> </ul>
5.	V0001690	20.04.2015	0.91	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Ketersediaan Bulan April – Jun 2015</li> </ul>
6.	V0003596	28.07.2015	0.91	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Ketersediaan Bulan Julai – September 2015</li> </ul>
7.	V0005250	28.10.2015	0.91	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Ketersediaan Bulan Oktober – Disember 2015</li> </ul>
8.	V0001018	16.03.2016	0.95	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perincian penyenggaraan perisian</li> <li>Laporan Ketersediaan Bulan Januari – Mac 2016</li> </ul>
9.	V0001776	09.05.2016	0.91	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Ketersediaan Bulan April – Jun 2016</li> </ul>
10.	V0003322	03.08.2016	0.91	-
11.	V0005522	02.12.2016	0.88	-
<b>JUMLAH</b>			<b>12.50</b>	

Sumber: UPTM

**Pada pendapat Audit, bayaran kemajuan bagi 1NSGOV\*NET adalah tidak memuaskan kerana bayaran tanpa pengesahan perkhidmatan telah disempurnakan menyebabkan bayaran tidak teratur dan tidak mengikut peraturan kewangan.**

#### **2.5.1.2. SPANS Aplikasi Mobil**

Sistem Pengaduan Awam Negeri Sembilan (SPANS) merupakan sistem yang digunakan oleh Unit Pengaduan Awam Negeri Sembilan (UPANS) untuk membolehkan orang awam memberi pelbagai jenis maklum balas dalam bentuk aduan, cadangan, pujian, pertanyaan dan teguran kepada Kerajaan Negeri. Sistem ini boleh diakses melalui laman web [www.spans.gov.my](http://www.spans.gov.my). Pada bulan Oktober 2016, UPTM telah menghantar cadangan dan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan SPANS Aplikasi Mobil di mana orang awam boleh memberi maklum balas dengan lebih pantas menggunakan aplikasi yang boleh dimuat turun melalui telefon bimbit. Pelantikan syarikat yang berjaya telah dibuat berdasarkan kaedah perolehan Rundingan Terus dengan kos berjumlah RM26,500. Permohonan pelantikan secara Rundingan Terus daripada UPTM telah dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri pada 12 Oktober 2016 dan telah mendapat kelulusan pada 24 November 2016. Mesyuarat Rundingan Harga ada dilaksanakan di antara Kerajaan Negeri dan pihak syarikat pada 7 Disember 2016. Berdasarkan SST yang ditandatangani pada bulan Disember 2016, syarikat yang berjaya telah ditawarkan untuk membangunkan SPANS Aplikasi Mobil bagi tempoh dua bulan dan hendaklah

siap pada bulan Februari 2017. Semakan dan lawatan Audit pada 24 Mei 2017 ke pejabat UPANS mendapati perkara seperti berikut:

**a. Bayaran Akhir Belum Dibuat dan Kontrak Belum Dimuktamadkan**

- i. Berdasarkan 1PP-PK 2 Lampiran 2.27 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan Bab 5 Prosedur Pelantikan Rasmi Perenggan 5.5.5 menyatakan agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara Kerajaan dan syarikat dengan segera, tidak melebihi tempoh dua bulan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan daripada tarikh SST ditandatangani oleh syarikat/firma. Selepas SST ditandatangani, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan.
- ii. Semakan Audit mendapati kontrak bagi SPANS Aplikasi Mobil masih dalam peringkat draf dan belum dimuktamadkan setelah melebihi dua bulan SST ditandatangani pada 19 Disember 2016 sehingga bulan Jun 2017. Draft kontrak tersebut hanya diserahkan kepada Penasihat Undang-undang (PUU) SUKNS untuk semakan pada 14 Jun 2017 iaitu telah melepasi tempoh sepatut siap bagi kontrak asal pada bulan Februari 2017.
- iii. Semakan terhadap bayaran kemajuan SPANS Aplikasi Mobil mendapati sebanyak 50% daripada jumlah kos iaitu sejumlah RM13,250 telah pun dibayar kepada syarikat pada 23 Disember 2016 manakala bakinya sebanyak 50% atau RM13,250 masih belum dibayar setakat 24 Mei 2017 dan telah pun melewati tempoh asal siap projek seperti dinyatakan dalam SST iaitu pada bulan Disember 2016.

**Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 21 September 2017**

*Draf semakan dokumen kontrak telah diperolehi daripada PUU pada 15 September 2017 dan sedang dalam tindakan UPTM untuk memuktamadkan perjanjian tersebut.*

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak SPANS Aplikasi Mobil adalah tidak memuaskan kerana bayaran akhir belum dibuat dan kontrak belum dimuktamadkan. Kontrak juga telah berada dalam keadaan *at large* kerana pelaksanaan projek telah pun melewati tempoh siap asal projek.

**b. *User Acceptance Test (UAT)* dan *Final Acceptance Test (FAT)* Diadakan Selepas Tamat Tempoh SST**

- i. Pengujian sistem perlu dilaksanakan bagi memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi kehendak pengguna dan berfungsi mengikut tujuan ia dibangunkan. FAT adalah ujian terakhir bagi ujian yang dijalankan bersama pengguna setelah perubahan sistem berdasarkan perubahan dan komen semasa UAT dijalankan. UAT dan FAT hendaklah dilaksanakan sebelum ia digunakan sepenuhnya (*Go Live*).
- ii. Semakan Audit mendapati, pembangunan SPANS Aplikasi Mobil telah siap dilaksanakan oleh syarikat dalam tempoh kontrak. Bagaimanapun, UAT dan FAT belum dijalankan yang bermaksud sistem tersebut belum dimuktamadkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, sistem ini juga belum beroperasi (*Go Live*). Berdasarkan minit Mesyuarat Pembangunan Modul Aplikasi Mobil SPANS, pihak pengguna iaitu UPANS memohon penangguhan *Go Live* tersebut kerana kekurangan kakitangan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada surat formal berkenaan keputusan ini diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus untuk pemberian kelulusan lanjutan tempoh kontrak.
- iii. Selepas teguran Audit, UAT telah diadakan pada 2 Ogos 2017 manakala FAT pada 9 Ogos 2017. Pelaksanaan UAT dan FAT tersebut telah dibuat selepas tamat tempoh SST. Dokumen FAT dan Sijil Akuan Penerimaan (SAP) telah ditandatangani pada 9 Ogos 2017.
- iv. Perkara ini menyebabkan baki bayaran sejumlah RM13,250 lagi masih tidak dapat dibayar kepada pembekal memandangkan kontrak telah pun berada dalam keadaan '*at large*' iaitu melewati tempoh kontrak asal seperti ditetapkan dalam SST.

**Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal bagi SPANS Aplikasi Mobil adalah tidak memuaskan kerana kelewatan UAT dan FAT yang dilaksanakan selepas tempoh siap asal seperti dinyatakan dalam SST. Ini telah menyebabkan pihak UPTM tidak dapat memanfaatkan tempoh jaminan bagi tujuan penambahbaikan terhadap sistem tersebut.**



### 2.5.1.3. Sistem GIS9

Sistem GIS9 adalah nama singkatan bagi Sistem Maklumat Geografi Negeri Sembilan yang mengandungi data-data geospasial. GIS9 dibangunkan bagi memaparkan maklumat dalam pelbagai bentuk melalui *attribute table* bagi keseluruhan kawasan Negeri Sembilan. Ia telah dibangunkan untuk kegunaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan (JPBDNS) (kini dikenali sebagai PlanMalaysia@NegeriSembilan) dengan kos sejumlah RM1.48 juta. Tempoh kontrak adalah selama dua tahun dan dua bulan (12 Ogos 2014 - 12 Oktober 2016) dan telah dibangunkan oleh syarikat yang dilantik melalui tender terbuka. Matlamat GIS9 adalah untuk membantu melancarkan kaedah perkongsian data antara Jabatan/Agensi, pemantauan maklumat dan pengurusan data geospasial. Sebanyak empat modul yang terdapat dalam GIS9 iaitu Analisis Bantuan Kebajikan dan Sosial, Analisis Kemudahan Pendidikan, Analisis Perancangan dan Pembangunan serta Analisis Carian Tanah. Semakan Audit terhadap pelaksanaan GIS9 mendapati perkara seperti berikut:

#### a. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. Berdasarkan 1PP-PK 2 Lampiran 2.27 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan Bab 5 Prosedur Pelantikan Rasmi Perenggan 5.5.5 menyatakan agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara Kerajaan dan syarikat dengan segera, tidak melebihi tempoh dua bulan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan dari tarikh SST ditandatangani oleh syarikat/firma. Selepas SST ditandatangani, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan.
- ii. Semakan Audit mendapati kontrak GIS9 lewat ditandatangani selama sepuluh bulan iaitu pada 13 Ogos 2015 selepas dua bulan SST ditandatangani pada 13 Ogos 2014. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan tersebut disebabkan oleh penyediaan draf kontrak yang mengambil masa selama empat bulan sebelum dikemukakan kepada PUU pada 5 Disember 2014. Draft Kontrak Perjanjian yang lewat dikemukakan untuk semakan oleh PUU telah menyebabkan tempoh kontrak perjanjian disemak menjadi lebih panjang iaitu mengambil masa selama enam bulan untuk dipulangkan semula kepada UPTM pada 5 Jun 2015.

#### **Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 11 Ogos 2017**

*Penyelarasan kontrak di peringkat SUKNS telah dibuat bagi memastikan kontrak-kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan. Kursus pengurusan perolehan kewangan akan dilaksanakan kepada pegawai yang terlibat khusus kepada pelaksanaan projek ICT. Selain itu, pemantauan pengurusan pentadbiran kontrak akan dimasukkan sebagai agenda tetap*

*dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).*

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak GIS9 adalah tidak memuaskan kerana UPTM gagal memastikan tempoh penyediaan kontrak ditandatangani mengikut tempoh yang ditetapkan.

**b. Bayaran Dibuat Sebelum Kontrak Ditandatangani**

- i. Berdasarkan 1PP-PK 4(2), Perenggan 1(v) (a) Jadual 1 bagi bekalan dan perkhidmatan menyatakan bayaran berkala sebelum kontrak formal ditandatangani boleh dibuat sehingga tiga kali dalam tempoh empat bulan pertama selepas SST sehinggalah kontrak formal ditandatangani.
- ii. Semakan Audit ke atas bayaran kemajuan GIS9 mendapati pembayaran bagi dua kemajuan kerja melibatkan sejumlah RM0.96 juta telah dibuat sebelum kontrak formal ditandatangani pada 13 Ogos 2015 iaitu lewat selama sepuluh bulan. Kesemua perbelanjaan ini adalah tidak teratur kerana tidak mengikut prosedur pembayaran semasa kerajaan. Butiran lanjut mengenai bayaran tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.10**  
**BAYARAN DIBUAT SELEPAS EMPAT BULAN SST**  
**DITANDATANGANI DAN SEBELUM MENANDATANGANI PERJANJIAN**

BIL	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	JADUAL BAYARAN SEPERTI DI DALAM PERJANJIAN
<b>SISTEM GIS9</b> <b>TARIKH SST DITANDATANGANI: 13 OGOS 2014</b> <b>TARIKH PERJANJIAN: 13 OGOS 2015</b>				
1.	V0006643	15.12.2014	0.59	Bayaran URS dan selepas penghantaran perkakasan.
2.	V0001152	24.03.2015	0.37	Bayaran selepas penghantaran <i>software</i> yang terlibat.
<b>JUMLAH</b>			<b>0.96</b>	

Sumber: UPTM

Pada pendapat Audit, pembayaran kemajuan projek GIS9 adalah tidak memuaskan kerana bayaran dibuat sebelum kontrak ditandatangani dan tidak mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

**c. Service Level Agreement (SLA) Tidak Dimasukkan Dalam Perjanjian dan Bon Pelaksanaan Tidak Meliputi Tempoh Kontrak**

- i. Berdasarkan Garis Panduan IT *Outsourcing* Agensi-Agensi Sektor Awam Oktober 2006 Perenggan 5.3 (d) menyatakan *Service Level Agreement* (SLA) merupakan satu pernyataan tahap perkhidmatan minimum yang

perlu disediakan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi memastikan kelancaran projek *outsourcing* yang dilaksanakan dan dijadikan sebagai asas bagi mengukur prestasi dan keupayaan pembekal.

- ii. Semakan Audit mendapati, SLA bagi GIS9 tidak dinyatakan dalam kontrak seperti ketersediaan perkhidmatan (*service availability*) dan denda kepada syarikat atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan. Ini adalah kerana UPTM tidak memasukkan keperluan penyediaan SLA ini semasa semakan oleh PUU sebelum kontrak perjanjian dimuktamadkan. Dokumen SLA yang tiada dalam kontrak telah menyebabkan UPTM tidak dapat mengenakan penalti kepada syarikat terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak memandangkan pegawai tidak dapat mengukur tahap kesempurnaan kerja-kerja syarikat disebabkan kontrak perjanjian dinyatakan secara umum sahaja.
- iii. 1PP-PK 4(2) Perenggan 1 (iii) (c) (1) (ii) menetapkan tempoh sah laku jaminan Bon Pelaksanaan adalah bermula daripada tarikh kontrak berkuat kuasa sehingga dua belas bulan selepas tamat tempoh kontrak atau selepas penghantaran terakhir yang mana terkemudian.
- iv. Semakan Audit mendapati tarikh luput Bon Pelaksanaan GIS9 adalah pada 11 April 2016 iaitu enam bulan lebih awal iaitu sebelum tamat tempoh kontrak sedangkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa adalah 12 Ogos 2014 hingga 12 Oktober 2016.

#### **Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 21 September 2017**

***Pemantauan dilaksanakan melalui mesyuarat berkala melalui Mesyuarat Jawatan Kuasa Teknikal Projek dan Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kerja Pengurusan Dan Pemantauan Data (PPD) GIS9 bagi memantau kemajuan projek yang melibatkan semua Agensi Pembekal Data (APD), JPBDNS, UPEN, UPTM dan pihak syarikat. UPTM telah memastikan keperluan SLA dimasukkan dalam dokumen perjanjian bagi projek-projek ICT yang dilaksanakan secara outsource di masa akan datang.***

#### **d. Sistem Pengurusan *Help Desk* Tidak Disediakan**

- i. Berdasarkan Kontrak Perjanjian GIS9, panggilan *Help Desk* akan menerima dan merekodkan apa-apa laporan kerosakan atau daripada pelanggan melalui panggilan telefon, emel, faks atau sistem pengurusan *Help Desk*. Sebarang kerosakan akan direkodkan dalam borang *fault log*

oleh jabatan teknikal syarikat dan setiap tindakan yang telah diambil oleh syarikat akan dikemas kini untuk rujukan pelanggan.

- ii. Semakan Audit mendapati tiada laporan atau rekod *Help Desk* disediakan oleh syarikat. Pemantauan bagi setiap aduan dan masalah hanya dibincangkan melalui mesyuarat yang melibatkan JPBDNS serta pihak syarikat. Pihak UPTM memaklumkan bahawa setiap aduan berkaitan GIS9 akan dibincangkan dalam aplikasi *Whatsapp Group* yang lebih praktikal dan pantas dalam menyelesaikan aduan. Bagaimanapun, tiada denda dikenakan bagi bayaran kemajuan kepada syarikat kerana terma perjanjian tidak menyatakan denda yang patut dikenakan sekiranya laporan ini tidak dikemukakan kepada Kerajaan.

**Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak bagi projek GIS9 adalah tidak memuaskan kerana SLA tidak dimasukkan dalam kontrak menyebabkan UPTM membuat bayaran berdasarkan invois yang dikemukakan oleh syarikat tanpa merujuk kepada SLA sebagai dokumen sokongan seperti ketetapan Pekeliling untuk menilai prestasi perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, tempoh Bon Pelaksanaan yang tidak mengikut tempoh kontrak yang sepatutnya menyebabkan UPTM tidak mempunyai bon pegangan bagi menjamin perkhidmatan yang diberikan mengikut terma kontrak. Pemantauan GIS9 melalui sistem *Help Desk* juga didapati tidak memuaskan kerana syarikat tidak menyelenggarakan Laporan *Help Desk*. Oleh itu, prestasi penyelesaian aduan oleh syarikat tidak dapat dipantau sama ada perkhidmatan yang diberikan telah memenuhi kehendak pengguna dan mengikut terma kontrak sebelum bayaran dimuktamadkan kepada kontraktor.**

#### **2.5.1.4. ePunch Card (Peluasan Sistem)**

- a. Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015, Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi Agensi Sektor Awam Perenggan 6.1 (d) pembangunan sistem aplikasi merangkumi peluasan projek iaitu memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama ataupun kedua-duanya sekali.
- b. Sistem ePunch Card sedia ada telah diperluaskan ke Pejabat SUKNS, Majlis Sukan Negeri Sembilan (MSNS) dan Kediaman Rasmi Rumah Kerajaan Negeri Sembilan. Peruntukan bagi peluasan sistem ePunch Card adalah melalui peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah kod P57. Pembangunan sistem dan perolehan bagi peluasan Sistem ePunch Card

telah diluluskan melalui kaedah Lantikan Terus. Skop bagi perolehan ini adalah memperluas penggunaan sistem ePunch Card bagi kakitangan di Pejabat SUKNS, MSNS dan Kediaman Rasmi Rumah Kerajaan Negeri Sembilan, menambah *biometrik reader* dan kerja penyenggaraan yang perlu dilaksanakan oleh syarikat sebanyak empat kali setahun bermula pada 21 April 2016 hingga 20 April 2017. Ia telah disiapkan pada bulan November 2015 dengan kos sejumlah RM59,004. Kos tersebut adalah termasuk kerja perkhidmatan penyenggaraan sebanyak empat kali setahun. Semakan Audit terhadap pelaksanaan peluasan sistem ePunch Card mendapati perkara seperti berikut:

**i. Kontrak Belum Disediakan dan Sistem Tidak Digunakan**

- Berdasarkan 1PP-PK 2 Lampiran 2.27 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan Bab 5 Prosedur Pelantikan Rasmi Perenggan 5.5.5 agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara Kerajaan dan syarikat dengan segera, tidak melebihi tempoh dua bulan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan dari tarikh SST ditandatangani oleh syarikat/firma. Selepas SST ditandatangani, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan.
- Berdasarkan AP 176.1 (c) bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000.
- Semakan Audit mendapati sehingga bulan Jun 2017, tiada kontrak formal bagi perkhidmatan bermasa bagi peluasan sistem ePunch Card iaitu telah melewati 19 bulan iaitu melebihi dua bulan setelah SST ditandatangani pada 22 September 2015.
- Semakan lanjut Audit terhadap penggunaan peluasan sistem ePunch Card mendapati ia telah digunakan di Pejabat SUKNS dan Kediaman Rasmi Rumah Kerajaan Negeri Sembilan. Bagaimanapun, sistem ePunch Card yang telah dipasang di ibu pejabat MSNS dan cawangan di Kompleks Sukan Tan Sri Dato Hj Mohd Said, Seremban 2 didapati tidak digunakan. Lawatan Audit pada 25 Mei 2017 ke Kompleks Sukan Tan Sri Dato Hj Mohd Said, Seremban 2 mendapati pegawai masih menggunakan pengetik kad perakam waktu yang lama.

**Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 11 Ogos 2017**

***Pihak MSNS telah menerima pakai sistem tersebut pada 9 Ogos 2017 di MSNS Paroi dan Kompleks Sukan Tan Sri Dato Hj Mohd Said, Seremban 2.***

Pada pendapat Audit, pengurusan projek ePunch Card adalah tidak memuaskan kerana kontrak formal tidak disediakan dan sistem yang dipasang tidak digunakan yang menyebabkan berlakunya pembaziran.

#### 2.5.1.5. Pencapaian Kewangan

- a. Perbelanjaan projek hendaklah mengikut peruntukan yang telah diluluskan dalam belanjawan. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi empat projek pembangunan aplikasi dan rangkaian telah dilaksanakan berdasarkan belanjawan yang diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.11  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	NAMA SISTEM	JENIS VOT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)		PERBELANJAAN SEBENAR	
					(RM)	(%)
1.	1NSGov*Net	B09	40,119,272 (kos siling projek) (Tempoh kontrak 10 tahun)	12,545,702 (berdasarkan Jadual Pembayaran setakat suku tahun Disember 2016)	12,516,111 (setakat pembayaran suku tahun Disember 2016)	99.8
2.	GIS9	P57		1,483,074	1,483,074	100.0
3.	SPANS Aplikasi Mobil	P57		30,000	26,500	88.3
4.	ePunch Card (Perluasan Sistem)	P57		61,565	59,005	95.8
<b>JUMLAH</b>			<b>40,119,272</b>	<b>14,120,341</b>	<b>14,084,690</b>	<b>99.7</b>

Sumber: UPTM

- b. Berdasarkan jadual di atas, pembayaran sebenar 1NSGOV\*NET setakat bulan Disember 2016 adalah sebanyak 99.8% atau RM12.52 juta. Pengurangan ini disebabkan denda yang dikenakan kepada RMNS berjumlah RM29,591 untuk suku tahun Julai-September 2016.
- c. Selain itu, prestasi perbelanjaan bagi SPANS Aplikasi Mobil dan ePunch Card juga mengalami pengurangan berbanding peruntukan siling projek yang diluluskan iaitu masing-masing mencatatkan peratusan perbelanjaan sebanyak 88.3% dan 95.8% hasil daripada rundingan harga dengan pihak syarikat berdasarkan kepada harga anggaran yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi lima pembangunan projek tersebut adalah baik di mana 99.7% daripada peruntukan telah dibelanjakan mengikut peruntukan yang diluluskan dan terdapat penjimatan dalam perbelanjaan.

## **2.5.2. Penyenggaraan Teknologi Maklumat**

Bagi memastikan sistem aplikasi yang terdapat di Kerajaan Negeri sentiasa berada dalam keadaan baik, UPTM telah melaksanakan penyenggaraan secara *outsource* disebabkan kepakaran dan peralatan yang terhad. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, UPTM telah membuat 14 perolehan penyenggaraan secara *outsource* dengan kos sejumlah RM2.50 juta. Semakan Audit terhadap sembilan projek penyenggaraan berjumlah RM2.40 juta mendapati lapan kontrak bermasa tidak disediakan, *Service Level Agreement* (SLA) tiada dalam perjanjian, Bon Pelaksanaan tidak dikemukakan, bayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan dan pecah kecil perolehan perkhidmatan. Penerangan lanjut terhadap isu tersebut adalah seperti berikut:

### **2.5.2.1. Kontrak Formal Bagi Perolehan Bermasa Tidak Disediakan**

- a. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1 (c) dan 1PP-PK 4(2) Perenggan 2 (i) (a) (3) bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000. 1PP-PK2 Lampiran 2.27 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan Bab 5 Prosedur Pelantikan Rasmi Perenggan 5.5.5 menyatakan agensi hendaklah memastikan satu ikatan kontrak ditandatangani di antara Kerajaan dan syarikat dengan segera, tidak melebihi tempoh dua bulan bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan dari tarikh SST ditandatangani oleh syarikat/firma. Selepas SST ditandatangani, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan.
- b. Berdasarkan AP 173.1 (b) dan 1PP-PK 2 Perenggan 5 (vi) perolehan sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah dilaksanakan secara Sebut Harga B sekurang-kurangnya di kalangan tiga pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Penilaian sebut harga oleh satu Jawatankuasa Penilaian dianggotai sekurang kurangnya tiga orang ahli termasuk pengerusi yang dilantik oleh Ketua Jabatan.
- c. Semakan Audit mendapati penyenggaraan bagi projek iaitu Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berjumlah RM2.05 juta untuk tempoh tiga tahun (2013-2016) ada disediakan kontrak formal. Bagaimanapun, lapan projek penyenggaraan berkala yang lainnya tidak disediakan kontrak formal seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.12  
PENYENGGARAAN BERMASA  
YANG TIDAK DISEDIAKAN KONTRAK FORMAL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	NAMA KERJA/ JADUAL PENYENGGARAAN	NILAI KONTRAK (RM)			TARIKH SST	KOS SELENGGARA (RM)			TARIKH/NOMBOR BAUCAR BAYARAN	
		2014	2015	2016		2014	2015	2016		
1.	Penyenggaraan Sistem Perumahan Negeri Sembilan (ePENS)/ Setiap 6 bulan/2 kali setahun	19,000	19,800	48,000	2014 Tiada	(i) 19,000	19,800	48,000	2014	
		10,800			2015 Tiada	(ii) 10,800			11.12.2014 V0006522 (i)	10.7.2014 V0003455 (ii)
			2016 30.5.2016	2015 - 2.12.2015 V0005950	2016 - 9.9.2016 V0003973					
		2.	Penyelenggaraan Sistem ePUNCH CARD/ 4 kali setahun	-	59,004	-	22.9.2015	-	19,850	-
3.	Penyelenggaraan Server Sistem Inventori Sumber Air (SPISA)/ Setiap 6 bulan/ 2 kali setahun	-	19,350	-	Tiada	-	19,350	-	18.12.2015 V0006568	
4.	Perkhidmatan Menyelenggara Server Sistem Jaringan Keselamatan Sosial (JKS)/ Setiap enam 6 bulan/2 kali setahun	-	19,000	-	Tiada	-	19,000	-	16.12.2015 V0006439	
5.	Penyelenggaraan Server sistem Dana Menteri Besar/ Setiap enam 6 bulan/2 kali setahun	-	19,500	-	Tiada	-	19,500	-	16.12.2015 V0006444	
6.	Menyelenggara Server Portal Kerajaan Negeri Sembilan/ 4 kali setahun	-	20,000	44,096	2015 Tiada	-	20,000	44,096	3.11.2015 V0005298	
					2016 30.05.2016				7.12.2016 V0005576	
7.	Penyelenggaraan Server Laman Web 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan/ 4 kali setahun	-	20,000	43,905	2015 Tiada	-	20,000	43,905	19.5.2015 V0002327	
					2016 30.5.2016				14.12.2016 V0005797	
8.	Penyelenggaraan dan sokongan Pengaduan Awam Negeri Sembilan (SPANS)/ Sepanjang tempoh 12 bulan	-	-	12,000	Tiada	-	-	12,000	22.3.2016 V0001083	
<b>JUMLAH</b>		<b>29,800</b>	<b>176,654</b>	<b>148,001</b>		<b>29,800</b>	<b>137,500</b>	<b>148,001</b>		

Sumber: UPTM

d. Berdasarkan jadual di atas, projek penyenggaraan tersebut telah dilaksanakan oleh syarikat yang berbeza kecuali dua projek iaitu penyenggaraan Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan Laman Web 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri. Manakala, kerja penyenggaraan bagi Sistem Perumahan Negeri Sembilan (ePENS) berjumlah RM19,000 pada tahun 2014 adalah sambungan kontrak penyenggaraan tahun 2013 dan kontrak berjumlah RM10,800 pula adalah lantikan kontrak baru.



- e. Semakan Audit seterusnya mendapati pelantikan syarikat bagi lima projek penyenggaraan iaitu ePENS (2014 dan 2015), SPISA, JKS, Sistem Dana Menteri Besar dan SPANS dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus dan tiada kontrak formal bermasa disediakan seperti ditetapkan oleh AP 176.1 (c) dan 1PP-PK 4(2) Perenggan 2 (i) (a) (3). Manakala, tiga kerja penyenggaraan lagi iaitu ePENS (tahun 2016), Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan Laman Web 18 Jabatan tahun 2016 pula dibuat menerusi kaedah Sebut Harga B dan telah dikeluarkan SST (kecuali bagi kerja penyelenggaraan Server Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan Server Laman Web 18 Jabatan bagi tahun 2015 di mana tiada SST dikeluarkan). Penyenggaraan sistem ePunch Card pula adalah bersekali dengan lantikan kontraktor bagi projek peluasan sistem secara Lantikan Terus.
- f. Kegagalan UPTM menyediakan kontrak perjanjian formal ini telah menyebabkan pengesahan kerja bagi lapan kerja penyenggaraan hanya berdasarkan sebut harga dan invois daripada syarikat sahaja. Selain itu, semua pembayaran tersebut juga telah dibuat secara *lump sum* tanpa menyatakan perincian terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

**Pada pendapat Audit penyediaan kontrak bermasa bagi perolehan perkhidmatan penyenggaraan adalah tidak memuaskan kerana kegagalan menyediakan lapan kontrak bermasa yang formal menyebabkan pihak UPTM tidak mempunyai rujukan untuk menilai serta memantau sama ada perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat telah mencapai matlamat yang ditetapkan. Selain itu, tiada rujukan untuk perincian bayaran mengikut jadual menyebabkan bayaran telah dibuat secara *lump sum* dan sebelum perkhidmatan dilaksanakan. Oleh itu, UPTM tidak dapat mengukur bagi mengesahkan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna oleh syarikat.**

#### **2.5.2.2. Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan adalah perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan perkhidmatan penyenggaraan pembaikan ke atas semua *Backbone* Rangkaian (LAN), perkakasan dan perisian (Keselamatan) di Pejabat SUKNS. Ia bertujuan bagi menyediakan perkhidmatan rangkaian yang lebih terurus dan boleh dipercayai. Tempoh kontrak adalah untuk selama tiga tahun mulai 9 September 2013 hingga 8 September 2016 dengan kos berjumlah RM2.05 juta. Semakan Audit

terhadap pelaksanaan perkhidmatan penyenggaraan dan pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti berikut:

**a. Service Level Agreement (SLA) Tidak Dimasukkan Dalam Perjanjian**

- i. Berdasarkan Garis Panduan IT *Outsourcing* Agensi-Agensi Sektor Awam Oktober 2006 5.3 (d) menyatakan *Service Level Agreement* (SLA) merupakan satu pernyataan tahap perkhidmatan minimum yang perlu disediakan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi memastikan kelancaran projek *outsourcing* yang dilaksanakan dan dijadikan sebagai asas bagi mengukur prestasi dan keupayaan pembekal. *Services Level Agreement* (SLA) bagi kontrak penyelenggaraan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam kontrak.
- ii. Semakan Audit mendapati SLA bagi Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan oleh syarikat tidak dimasukkan di dalam kontrak antara kedua-dua pihak. Ini telah menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat tidak dapat diukur prestasinya dan tiada perincian kerja penyenggaraan yang boleh dirujuk dan perlu dilaksanakan oleh syarikat untuk dipantau oleh pihak UPTM.

**b. Bon Pelaksanaan**

- i. Berdasarkan 1PP-PK 4(2) Perenggan 1(iii)(b)(2)(ii) menetapkan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000 hendaklah disediakan oleh pihak syarikat. Berdasarkan SST Tender Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sekiranya syarikat tidak dapat mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank mengikut tempoh yang ditetapkan (14 hari selepas tarikh SST), maka Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai harga tawaran iaitu RM102,500 akan ditolak daripada kontrak.
- ii. Semakan Audit terhadap kerja penyenggaraan Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk tempoh tahun 2013 hingga 2016 berjumlah RM2.05 juta mendapati syarikat tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% iaitu

sejumlah RM102,500 kepada Kerajaan Negeri seperti ditetapkan di dalam SST.

- iii. Selain itu, terdapat surat persetujuan daripada syarikat bertarikh 12 September 2013 di mana syarikat bersetuju supaya Kerajaan Negeri membuat potongan tersebut seperti syarat yang telah ditetapkan dalam SST. Semakan Audit mendapati bayaran penuh kontrak telah dibuat sehingga tamat tempoh kontrak tanpa potongan untuk Bon Pelaksanaan tersebut. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh UPTM pada 21 September 2017, Bon Pelaksanaan tidak ditolak kerana syarikat telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang baik.

### **Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 21 September 2017**

*UPTM telah memastikan Bon Pelaksanaan projek ICT disediakan oleh syarikat pembekal kurang dua minggu daripada SST perolehan baru selepas bulan September 2017.*

Pada pendapat Audit pentadbiran kontrak Khidmat Sokongan dan Selenggaraan *Backbone* Rangkaian (LAN), Perkakasan dan Perisian (Keselamatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan adalah tidak memuaskan kerana kegagalan memasukkan SLA dalam kontrak telah menyebabkan UPTM tidak mempunyai rujukan bagi mengukur prestasi sebenar perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat. Manakala tindakan syarikat yang tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan mendedahkan Kerajaan Negeri kepada risiko kepentingan Kerajaan Negeri tidak dilindungi dan tiada jaminan atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma perjanjian.

#### **2.5.2.3. Bayaran Dibuat Bagi Kerja Penyelenggaraan yang Tidak Dilaksanakan**

- a. Penyelenggaraan sistem hendaklah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan penyelenggaraan yang dibuat disahkan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan selesai dilaksanakan mengikut ketetapan sebelum pembayaran dilaksanakan.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi pelaksanaan sembilan projek penyelenggaraan mendapati dua daripadanya tidak mempunyai bukti telah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Bagaimanapun, bayaran penuh sejumlah

RM88,001 telah pun dibayar kepada syarikat. Penerangan lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.13  
PENYENGGARAAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN**

BIL.	NAMA SISTEM	SKOP KERJA PERKHIDMATAN	KOS (RM)	JADUAL PENYENGGARAAN	
				SEPATUTNYA	KERJA YANG TIDAK DISEDIAKAN
1.	Menyenggara Server Portal Kerajaan Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Interface customization x 3</i></li> <li>• <i>Migration to Joomla! CMS dan server</i></li> <li>• <i>CMS Maintenance (8h x 5d)</i></li> <li>• <i>Preventive Maintenance x 4 per year</i></li> <li>• <i>Security Maintenance (web server application, CMS, plugin, patches)</i></li> <li>• <i>Testing and Depoly</i></li> <li>• <i>Hands On Training</i></li> <li>• <i>Reporting and documentation</i></li> </ul>	44,096	4 kali setahun	Tiada bukti penyelenggaraan dilaksanakan
2.	Penyelenggaraan Server Laman Web 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Joomla! Theme/Template x 3</i></li> <li>• <i>CMS Maintenance (8h x 5d)</i></li> <li>• <i>Preventive Maintenance x 4 per year</i></li> <li>• <i>Security Maintenance (web server application, CMS, plugin, patches)</i></li> <li>• <i>Testing and Depoly</i></li> <li>• <i>Hands On Training</i></li> <li>• <i>Reporting and documentation</i></li> </ul>	43,905	4 kali setahun	Tiada bukti penyelenggaraan dilaksanakan
<b>JUMLAH</b>			<b>88,001</b>		

Sumber: UPTM

- c. Berdasarkan jadual di atas penyelenggaraan bagi Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan 18 Jabatan masing-masing berjumlah RM44,096 dan RM43,905 pada ketetapan empat kali setahun. Perolehan turut melibatkan pembangunan Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan 18 Jabatan tersebut. Semakan Audit pada 24 Mei 2017 mendapati kedua-dua portal tersebut masih belum digunakan sepenuhnya (*Go Live*) oleh pihak UPTM. Bagaimanapun, bayaran bagi kerja-kerja penyelenggaraan yang penuh telah dibuat sejumlah RM88,001 masing-masing pada 7 dan 14 Disember 2016 sebelum kerja penyelenggaraan dilaksanakan. Dokumen sokongan yang disertakan pada baucar bayaran yang dikepilkan adalah invoice dan tiada laporan penyelenggaraan atau pengesahan kerja dilampirkan bersama sebagai bukti perkhidmatan telah dilaksanakan.
- d. Perkara ini menyebabkan sejumlah RM88,001 telah dibayar bagi kerja penyelenggaraan yang tidak dilaksanakan terhadap server Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan server Laman Web 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

### **Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 21 September 2017**

*Pembayaran bagi penyenggaraan Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan 18 Jabatan dilakukan selepas kerja-kerja pemindahan dari staging server ke production server di UPTM yang melibatkan kerja-kerja antara muka, CMS, kandungan dan reka bentuk template. Pemindahan telah dilaksanakan pada 5 September 2016. Laporan penyelenggaraan merupakan khidmat sokongan yang akan bermula selepas laman web Go Live. Portal dan Laman Web 18 Jabatan telah Go Live pada 8 Ogos 2017 dan satu Laporan Penyelenggaraan telah disediakan bagi setiap projek.*

Pada pendapat Audit, bayaran yang dibuat bagi kerja penyenggaraan adalah tidak memuaskan kerana pembayaran yang dibuat tanpa kerja dilaksanakan oleh syarikat. Ia menyebabkan matlamat penyenggaraan dibuat bagi memastikan sistem terpelihara dengan baik tidak dapat dicapai dan tidak melindungi kepentingan Kerajaan.

#### **2.5.2.4. Pecah Kecil Perolehan Perkhidmatan**

- a. Berdasarkan AP 173.1 (b) dan 1PP-PK 2 Perenggan 5 (vi) perolehan sebut harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah dilaksanakan secara Sebut Harga B sekurang-kurangnya di kalangan tiga pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Penilaian sebut harga oleh satu Jawatankuasa Penilaian dianggotai sekurang-kurangnya tiga orang ahli termasuk pengerusi yang dilantik oleh Ketua Jabatan.
- b. Manakala, kaedah perolehan mengikut 1PP-PK 2 Perenggan 7 (iii) (a) (1) iaitu perolehan yang melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara Sebut Harga (Sebut Harga A) di kalangan sekurang-kurangnya lima pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan.
- c. Berdasarkan 1PP-PK 2 Perenggan 7 (i) (a) Peraturan Sebut Harga menyatakan agensi hendaklah mengambil kira nilai perolehan tahunan atau nilai kontrak bagi menentukan kaedah perolehan secara sebut harga. Agensi dilarang memecah kecilkan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender.
- d. Semakan Audit terhadap proses bayaran bagi dua perolehan perkhidmatan penyenggaraan iaitu Server Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan Server

Laman Web bagi 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan mendapati perkara seperti berikut:

- i. Dua perolehan tersebut yang berjumlah RM88,001 tidak dibuat secara Sebut Harga A dan telah dipecah kecil mengikut kaedah perolehan sebut Harga B iaitu RM44,096 dan RM43,905.
- ii. Keputusan kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga B bagi kedua-dua perolehan dibuat di mesyuarat yang sama pada 17 Mei 2016 kepada syarikat yang sama dan dibida oleh tiga syarikat yang sama. Justeru, perolehan ini sepatutnya boleh dirancang, saling berkait dan di bawah sumber yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.14  
PECAH KECIL PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN**

BIL	NAMA KERJA	SKOP KERJA PERKHIDMATAN	KOS (RM)	TARIKH BAUCAR BAYARAN
1.	Menyenggara Server Portal Kerajaan Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Interface customization x 3</i></li> <li>• <i>Migration to Joomla! CMS dan server</i></li> <li>• <i>CMS Maintenance (8h x 5d)</i></li> <li>• <i>Preventive Maintenance x 4 per year</i></li> <li>• <i>Security Maintenance (web server application, CMS, plugin, patches)</i></li> <li>• <i>Testing and Depoly</i></li> <li>• <i>Hands On Training</i></li> <li>• <i>Reporting and documentation</i></li> </ul>	44,096	7.12.2016
2.	Penyenggaraan Server Laman Web 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Joomla! Theme/Template x 3</i></li> <li>• <i>CMS Maintenance (8h x 5d)</i></li> <li>• <i>Preventive Maintenance x 4 per year</i></li> <li>• <i>Security Maintenance (web server application, CMS, plugin, patches)</i></li> <li>• <i>Testing and Depoly</i></li> <li>• <i>Hands On Training</i></li> <li>• <i>Reporting and documentation</i></li> </ul>	43,905	14.12.2016
			<b>88,001</b>	

Sumber: UPTM

### Mengikut Maklum Balas UPTM Bertarikh 18 Ogos 2017

*Pentadbiran akan memastikan tatacara perolehan dipatuhi dan perolehan dibuat berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.*

Pada pendapat Audit pengurusan perolehan bagi penyenggaraan Server Portal Kerajaan Negeri Sembilan dan Server Laman Web bagi 18 Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan adalah tidak memuaskan kerana berlakunya pecah kecil. Perolehan ini sepatutnya boleh dirancang bagi memastikan Kerajaan Negeri mendapat faedah ekonomi bidangan (*economic of scale*).

## 2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan dalam pengurusan pembangunan dan penyenggaraan projek teknologi maklumat secara *outsourcing* yang dibangkitkan tidak berterusan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perolehan dan perkhidmatan berkaitan projek teknologi maklumat yang telah dilaksanakan, adalah disyorkan pihak terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:

2.6.1. memastikan pegawai UPTM yang terlibat dalam menguruskan perolehan projek teknologi maklumat perlu menghadiri kursus berkaitan Perolehan Kerajaan dan Pengurusan Kewangan supaya dapat memahami prosedur kewangan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pembayaran tidak teratur pada masa hadapan;

2.6.2. Unit Kewangan Pejabat SUKNS hendaklah memastikan setiap bayaran yang dibuat dilengkapi dengan dokumen sokongan dan bukti perkhidmatan telah dilaksanakan oleh pegawai teknikal berkenaan;

2.6.3. UPTM hendaklah memastikan kontrak formal disediakan dengan lengkap bagi membolehkan pengukuran semula dibuat terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma kontrak, kontrak perjanjian dimuktamadkan mengikut tempoh ditetapkan dan pemantauan projek dilaksanakan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan; dan


2.6.4. sistem aplikasi yang telah siap dibangunkan hendaklah digunakan sepenuhnya dan hendaklah dipastikan telah memenuhi keperluan pengguna yang ditetapkan bagi mengelakkan pembaziran.

## BADAN KAWAL SELIA AIR

### 3. PENGURUSAN KAWAL SELIA SUMBER AIR

#### 3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Perlembagaan Persekutuan menetapkan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab terhadap sumber air. Bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah seperti gambar rajah berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.1.2. Bagi menguruskan sumber air, Kerajaan Negeri Sembilan telah menubuhkan Badan Kawal Selia Air (BKSA) pada tahun 2009 dan diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Objektif utama BKSA ditubuhkan adalah untuk mengawal selia sumber air negeri agar air mentah dapat dimanfaatkan sepenuhnya, mencukupi dan berkualiti. BKSA telah mengguna pakai undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 dan Peraturan-peraturan Air (Pengkompaun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012.

3.1.3. Negeri Sembilan mempunyai lima lembangan sungai, tujuh buah empangan dan 23 buah loji rawatan air (LRA) yang membekalkan air bersih kepada pengguna.



Senarai lembangan sungai dan empangan di Negeri Sembilan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1  
SENARAI LEMBANGAN SUNGAI DAN EMPANGAN DI NEGERI SEMBILAN**

BIL.	LEMBANGAN SUNGAI	SUNGAI	EMPANGAN	LUAS KAWASAN		LOJI RAWATAN AIR (Bil.)
				EMPANGAN (Hektar)	TADAHAN (KM <sup>2</sup> )	
1.	Linggi	Sungai Terip	Sungai Terip	374	27	4
2.	Muar	Sungai Kelinchi	Kelinchi	208	39	13
		Sungai Gemencheh	Gemencheh	353	38	
		Sungai Muar	Talang	281	115	
3.	Triang	Sungai Triang	Triang	589	60	3
4.	Rembau	Sungai Beringin	Beringin	13	14	3
		Sungai Batu Hampar	Ulu Sepri	24	14	
5.	Broga	Sungai Broga	Tiada	-	-	-
<b>JUMLAH</b>				<b>1,842</b>	<b>307</b>	<b>23</b>

Sumber: BKSA, SAINS dan Kajian Sumber Air Negara

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan kawal selia sumber air di Negeri Sembilan telah dilaksanakan secara cekap dan berhemat selaras dengan objektif penubuhannya.

### 3.3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1 Skop pengauditan adalah mengenai pengurusan Badan Kawal Selia Air (BKSA) terhadap kawalan sumber air mentah iaitu merangkumi kuantiti, kualiti, pelesenan, penguatkuasaan, pemertaan, keselamatan kawasan tadahan dan tadbir urus. Tempoh pengauditan meliputi tahun 2014 hingga 2016 kecuali data kualiti sumber air iaitu bagi tempoh sepuluh tahun dari tahun 2007 hingga 2016 dan kuantiti sumber air bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016.

3.3.2. Semua empangan di Negeri Sembilan telah dipilih iaitu Empangan Sungai Terip, Kelinchi, Gemencheh, Talang, Triang, Beringin dan Ulu Sepri bagi menjalankan analisis kuantiti sumber air. Analisis dibuat berdasarkan laporan paras empangan yang dikeluarkan oleh Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) dan BKSA bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016.

3.3.3. Bagi skop kualiti sumber air, pihak Audit telah memilih Lembangan Sungai Linggi daripada lima Lembangan Sungai di Negeri Sembilan sebagai sampel untuk dijalankan analisis lanjut berkaitan kualiti sumber air. Ini kerana berdasarkan analisis sampel Audit, ia merupakan lembangan yang paling terjejas oleh aktiviti di pesisir sungai yang menyumbang kepada pencemaran dan kualiti air. Sebanyak empat

daripada 16 (25%) sungai di bawah Lembangan Sungai Linggi telah dipilih iaitu Sungai Linggi, Sungai Nyatoh, Sungai Kampung Kayu Ara dan Sungai Batang Penar. Empat sungai tersebut juga adalah sampel yang dipilih bagi skop pelesenan dan penguatkuasaan memandangkan aktiviti bagi punca pencemaran seperti perlombongan pasir dan penternakan akuakultur dan pemegang Lesen Abstraksi Air Mentah terdapat di sungai tersebut.

3.3.4. Selain BKSA, maklumat yang berkaitan turut diperoleh daripada SAINS, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS), Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS), Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Sembilan.

### **3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, dokumen dan fail yang berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat, ujian makmal dan lawatan fizikal turut dijalankan di Lembangan Sungai Linggi bagi melihat aktiviti-aktiviti yang boleh mencemarkan kualiti air sungai, empangan dan kawasan tadahan air serta LRA di daerah Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin. Pihak Audit turut merujuk kepada Kajian Sumber Air Negara (KSAN) Semenanjung Malaysia pada tahun 2000 (disemak semula pada tahun 2009) dan Kajian Memaksimumkan Sumber Air Dari Lembangan Sungai Muar Untuk Negeri Sembilan Timur bagi tujuan analisis tersebut. Lawatan ke lima daripada tujuh empangan telah dibuat iaitu Empangan Triang, Gemencheh, Beringin, Talang dan Sungai Terip bagi melihat paras semasa empangan. Selain itu, pihak Audit turut meninjau keadaan di sekitar lima empangan tersebut sekiranya terdapat aktiviti pencerobohan (di bawah skop pemertanian dan keselamatan kawasan tadahan). Bagi tujuan tersebut, pihak Audit telah menggunakan perkhidmatan dron dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS).

### **3.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2016 mendapati pengurusan kawal selia sumber air adalah tidak memuaskan dari segi fungsi BKSA yang tidak dilaksanakan sejajar dengan mandat yang diberikan seperti pengurusan rekod inventori air yang kurang lengkap bagi memastikan ketersediaan maklumat sumber air adalah mencukupi untuk tindakan selanjutnya terutama ketika musim kemarau. Selain itu, kawalan kualiti air dan penguatkuasaan yang kurang berkesan menyebabkan berlakunya pelanggaran *standard* piawaian yang ditetapkan di LRA dan aktiviti pesisir sungai yang menyebabkan kualiti sumber air menurun dan tercemar. Antara perkara yang perlu diambil perhatian bagi tujuan penambahbaikan adalah seperti di bawah:

- i. sumber air mentah tidak mencukupi di Negeri Sembilan Timur (Kuala Pilah, Jempol dan Tampin) terutama pada musim kemarau. Ketersediaan sumber air di empangan juga tidak mencukupi untuk menampung permintaan air menyebabkan empangan berada pada paras kritikal dengan kekerapan sebanyak 0.1% hingga 74.1% bagi tahun 2012 hingga 2016;
- ii. BKSA tidak mempunyai inventori yang lengkap mengenai sumber air seperti ketersediaan bekalan sumber air, profil sumber air dan aktiviti pencemaran menyebabkan BKSA tidak dapat menguruskan sumber air dengan berkesan bagi menangani keperluan air pada musim kemarau;
- iii. berlaku pelanggaran kualiti air mentah di 23 LRA dan aktiviti pesisir sungai yang menyumbang pencemaran Lembangan Sungai Linggi menyebabkan LRA terpaksa ditutup akibat daripada pencemaran bau;
- iv. tujuh buah empangan belum diwartakan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 yang menyebabkan penguatkuasaan kompaun di bawah Akta Air 1920 tidak dapat dilaksanakan bagi mengelakkan pencerobohan dan aktiviti yang tidak dibenarkan; dan
- v. aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara berkesan menyebabkan kesalahan melakukan pencemaran terus berulang.

Perkara yang ditemui dan maklum balas BKSA dan JASNS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 16 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

### **3.5.1. Kuantiti Sumber Air**

Antara fungsi Bahagian Pembangunan BKSA adalah memastikan sumber air mencukupi, menjalankan kajian sumber air dan melaksanakan projek sumber air. Semakan Audit terhadap pengurusan kuantiti sumber air BKSA mendapati perkara seperti berikut:

#### **3.5.1.1. Sumber Air Mentah Tidak Mencukupi Bagi Menampung Permintaan**

- a. Dua elemen penting dalam perancangan sumber air ialah unjuran permintaan (*demand*) dan ketersediaan bekalan (*availability of supply*). Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negara (KSAN) Semenanjung Malaysia pada tahun 2000 (disemak semula pada tahun 2009) bagi menentukan sumber dan permintaan air sehingga tahun 2050 adalah mencukupi. Hasil kajian menunjukkan ketersediaan (*availability*) sumber air di Negeri Sembilan adalah mencukupi. Ia merujuk kepada jumlah ketersediaan sumber air

adalah sebanyak 890 juta liter sehari (JLH) berbanding permintaan sebanyak 814.22 JLH pada tahun 2050.

- b. Memandangkan Kerajaan Negeri ada membangkitkan masalah berkenaan kekurangan air di Empangan Gemencheh semasa Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Kesembilan (MSAN9) pada 21 Oktober 2014, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air Malaysia (KeTTHA) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM0.49 juta dan melantik Perunding untuk melaksanakan Kajian Memaksimumkan Sumber Air Dari Lembangan Sungai Muar Untuk Negeri Sembilan Timur (KLSM) di mana skop kajian termasuk Empangan Gemencheh di daerah Tampin. Kajian ini dilaksanakan untuk mengatasi kekurangan sumber air di Negeri Sembilan Timur bagi tempoh tahun 2010 hingga 2060. Kajian ini telah dimuktamadkan pada bulan Julai 2016. Ia melibatkan daerah Tampin, Kuala Pilah dan Jempol memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan yang sering mengalami kekurangan sumber air terutama pada musim kemarau.
- c. Hasil laporan KLSM mendapati:
  - i. jumlah ketersediaan sumber air sebanyak 61 JLH tidak mencukupi untuk menampung permintaan air di LRA iaitu sebanyak 250.1 JLH terutama pada musim kemarau (pada keadaan *1 in 50 years drought 7 days low-flow period*);
  - ii. jumlah permintaan pengguna pula adalah sebanyak 179.33 JLH. Justeru, jumlah kekurangan sumber air jika ditolak dengan permintaan paling maksimum iaitu daripada LRA adalah sebanyak 189.1 JLH (61 JLH – 250.1 JLH);
  - iii. punca kekurangan air adalah disebabkan oleh fungsi Empangan Talang dan Kelinchi yang tidak bertindak sebagai storan sebaliknya bertindak sebagai empangan kawalan air (*water regulating dam*) yang membekalkan air kepada empangan lain; dan
  - iv. Empangan Gemencheh pula membekalkan air mentah secara terus kepada LRA Gemencheh setiap hari dan penggunaan air oleh ladang kelapa sawit yang berhampiran kawasan tadahan.
- d. Berdasarkan penemuan kajian tersebut, pihak Audit telah menjalankan analisis purata paras air di semua empangan di Negeri Sembilan berpandukan Laporan Bacaan Paras Empangan SAINS bagi tahun 2012 hingga 2016 dan mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Purata paras air di enam empangan bagi tahun 2016 menyusut berbanding tahun 2012 antara 0.5% hingga 7%. Manakala, Empangan

Ulu Sepri menunjukkan peningkatan sebanyak 24.8%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.2  
PURATA PARAS AIR EMPANGAN DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2012 DAN 2016**

BIL.	NAMA EMPANGAN	PARAS KRITIKAL (M)	PURATA PARAS AIR (M)		PERBEZAAN	
			2012	2016	PARAS (M)	SUSUT/ MENINGKAT PARAS AIR (%)
1.	Gemencheh	95.00	102.72	95.54	7.18	↓7.0
2.	Talang	140.50	153.82	143.10	10.72	↓7.0
3.	Ulu Sepri	127.20	105.72	131.98	26.26	↑24.8
4.	Beringin	131.75	135.41	134.78	0.63	↓0.5
5.	Triang	190.00	*183.23	175.29	7.94	↓4.3
6.	Sungai Terip	94.60	101.88	96.87	5.01	↓4.9
7.	Kelinchi	198.30	209.41	198.92	10.49	↓5.0

Sumber: SAINS

Nota: \* - Purata Paras Air Bagi Tahun 2015

- ii. Berdasarkan Laporan Bacaan Paras Empangan SAINS bagi tahun 2012 hingga 2016, rekod kekerapan hari empangan berada pada paras kritikal bagi tempoh lima tahun (2012-2016) menunjukkan Empangan Triang dan Gemencheh mencatatkan peratusan tertinggi iaitu masing-masing 74.1% dan 34.6% iaitu hampir sepanjang tahun. Seterusnya diikuti Ulu Sepri (26.5%) dan Kelinchi (8.3%). Manakala Empangan Talang, Beringin dan Sungai Terip mencatatkan peratusan kekerapan yang rendah iaitu antara 0% hingga 1.2%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.3  
BILANGAN HARI PARAS AIR DI EMPANGAN  
BERADA PADA PARAS KRITIKAL BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

BIL.	EMPANGAN	DAERAH	BILANGAN HARI KEKERAPAN KEJADIAN					JUMLAH	DALAM TEMPOH 5 TAHUN (%)
			2012	2013	2014	2015	2016		
1.	Gemencheh	Tampin	0	0	205	328	99	632	34.6
2.	Talang	Kuala Pilah	0	0	0	0	22	22	1.2
3.	Ulu Sepri	Rembau	366	74	0	0	43	483	26.5
4.	Beringin	Rembau	0	0	0	0	0	0	0
5.	Triang	Jelebu	0	0	199	365	66	630	*74.1
6.	Sungai Terip	Seremban	0	0	2	0	0	2	0.1
7.	Kelinchi	Kuala Pilah	0	0	53	0	98	151	8.3

Sumber: SAINS

Nota: \* - Dalam Tempoh Tiga Tahun (Mulai September 2014)

- iii. Jumlah taburan hujan berkurangan dari tahun 2016 berbanding tahun 2012 bagi lima daripada tujuh empangan iaitu antara 21.4% hingga 53.3%. Hanya Empangan Kelinchi yang menunjukkan penurunan yang rendah iaitu 5.2%. Manakala Empangan Triang menunjukkan penurunan 12.8% berbanding tahun 2015 iaitu selepas taburan hujan mula diambil

pada bulan September 2014. Analisis Audit terhadap data taburan hujan daripada SAINS bagi tempoh 2012 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.4**  
**JUMLAH TABURAN HUJAN DI EMPANGAN**

BIL.	NAMA EMPANGAN	JUMLAH HUJAN IKUT TAHUN (MM)					PERBANDINGAN 2012 & 2016	
		2012	2013	2014	2015	2016	BEZA	Surut/ Meningkat Paras Air (%)
1.	Gemencheh	3,163	506	1,449	849	1,476	1,687	↓53.3
2.	Talang	1,703	1,146	1,134	1,483	1,115	588	↓34.5
3.	Ulu Sepri	2,368	2,070	1,776	1,006	1,570	798	↓33.7
4.	Beringin	2,451	2,613	2,480	1,720	1,553	898	↓36.6
5.	Triang	0	0	^884	1,391	1,213	178	↓*12.8
6.	Sungai Terip	2,527	1,997	2,68	2,153	1,987	540	↓21.4
7.	Kelinchi	2,079	1,624	1,472	1,894	1,971	108	↓5.2

Sumber: SAINS

Nota: \* - Perbandingan Tahun 2015 dan 2016

^ - Bacaan Diambil Mulai Bulan September 2014

### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 14 Ogos 2017**

*Pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah meluluskan projek Bunded Storage Sungai Muar dengan jangkaan kapasiti 360,000 m<sup>3</sup> untuk tempoh 7-10 hari pengeluaran semasa musim kemarau dengan kos RM20 juta bagi keperluan Loji Rawatan Air Gemas Baru yang paling terjejas berikutan kedudukannya yang paling hilir berbanding loji-loji lain yang mendapat bekalan air mentah daripada sungai tersebut. Selain itu, bagi memastikan kecukupan sumber air di Negeri Sembilan Barat disebabkan kemerosotan Empangan Sungai Terip, Talang dan Kelinchi, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Skim Bekalan Air Triang untuk bekalan air sehingga 250 JLH. Projek ini telah siap sepenuhnya pada April 2016, di mana dianggarkan sebanyak 100 JLH air mentah disalurkan ke Empangan Sungai Terip sekali gus mengurangkan kebergantungan Empangan Sungai Terip kepada sumber air mentah Empangan Kelinchi dan Talang. Justeru, Empangan Talang boleh berfungsi sebagai storan bagi bekalan air mentah ke Negeri Sembilan Timur. Data terkini menunjukkan paras Empangan Talang telah meningkat daripada 143.11m pada 1 Julai 2016 kepada 152.69m pada 31 Julai 2017, iaitu peningkatan sebanyak 9.58m.*

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada KLSM dan analisis lanjut Audit terhadap paras storan air di empangan menunjukkan ketersediaan sumber air di empangan adalah tidak memuaskan kerana terdapat bukti bahawa ketersediaan sumber air di empangan tidak mencukupi untuk menampung permintaan air terutama pada musim kemarau di Negeri Sembilan Timur.

Perkara ini disebabkan storan air di empangan telah digunakan untuk dijadikan sebagai *water regulating dam* bagi memenuhi keperluan permintaan air semasa dan bukannya sebagai storan sumber air. Walaupun projek Empangan Triang telah dilaksanakan, ia masih belum dapat membantu untuk meningkatkan paras empangan serta jumlah storan air semasa musim kemarau.

### **3.5.1.2 Pembinaan Rumah Pam Sungai Jelai Masih Belum Mencapai Objektif Ditetapkan**

- a. Bagi membantu menambahkan kapasiti Empangan Gemencheh yang mengalami masalah penyusutan paras air, Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan projek pemindahan air (*water transfer*) dari Sungai Jelai ke Empangan Gemencheh melalui pembinaan Rumah Pam Sungai Jelai pada bulan November 2014. BKSA telah dilantik sebagai Wakil Pengarah Projek dan SAINS sebagai Pengarah Tapak Bina. Projek ini telah siap pada 28 Mac 2016 dengan kos berjumlah RM33.83 juta serta tempoh tanggungan kecacatan (DLP) sehingga 28 Mac 2018.
- b. Berdasarkan kajian reka bentuk awalan projek, kemampuan kapasiti penghantaran air ke Empangan Gemencheh adalah sebanyak 54.5 JLH dengan menggunakan tiga buah pam air. Hasil kajian daripada Perunding Projek mendapati bagi tempoh lapan bulan dianggarkan 15 juta m<sup>3</sup> dapat dihantar ke Empangan Gemencheh.
- c. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Buku Rekod *Raw Water Submersible Pump Running* semasa lawatan Audit ke Rumah Pam Sungai Jelai pada 15 November 2016 mendapati sehingga tarikh lawatan tersebut (tempoh lapan bulan), rekod menunjukkan sejumlah 5.1 juta m<sup>3</sup> air mentah telah dihantar dari Rumah Pam Sungai Jelai ke Empangan Gemencheh. Jumlah tersebut kurang 9.9 juta m<sup>3</sup> daripada ketetapan kajian reka bentuk awalan rumah pam tersebut (15 juta meter padu – 5.1 juta meter padu). Pihak Audit juga mendapati hanya satu daripada tiga buah pam digunakan kerana paras air Sungai Jelai yang cetek akibat musim kemarau. Ini kerana Empangan Gemencheh masih membekalkan sumber air secara terus ke LRA Gemencheh setiap hari. Selain itu, Sungai Jelai juga merupakan sumber air untuk kegunaan LRA Dangi.
- d. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak BKSA pada 3 Mac 2017, Projek Pemindahan Air dari Sungai Jelai ke Empangan Gemencheh merupakan projek kecemasan seperti mana yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berikutan pengeringan sumber air Empangan Gemencheh. Jumlah penggunaan pam bergantung kepada kapasiti air Sungai Jelai. Pengepaman maksimum hanya dilakukan jika kuantiti air Sungai Jelai meningkat.

**Pada pendapat Audit, pembinaan rumah pam di Sungai Jelai adalah kurang memuaskan kerana belum mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk membantu menambahkan kapasiti Empangan Gemencheh hingga paras penuh.**

### **3.5.1.3. Inventori Sumber Air Tidak Diwujudkan**

- a. Teras 1, Sasaran 1 & 2, Dasar Sumber Air Negara (DSAN), Bahagian Maklumat dan Risikan Sumber telah menggariskan supaya agensi perlu membangun sistem maklumat yang komprehensif dan memperkasa kerangka pangkalan data. *Decision Support System* (DSS) merupakan sistem yang membolehkan badan kawal selia air menyelia dan mengurus sumber air dengan berkesan. Inventori asas sumber air hendaklah dimasukkan dalam DSS seperti nama sumber (nama sungai, empangan, kolam atau tasik), nama tempat berdekatan (bandar, daerah, mukim atau kampung), kadar (kuantiti) yang boleh diabstraksi, kadar permintaan dan loji rawatan air, aktiviti sepanjang sungai yang boleh menjejaskan kualiti air sungai dan lain-lain maklumat yang berkaitan.
- b. Kuantiti bekalan sumber air lazimnya ditentukan melalui kuantiti air dalam storan dan dalam sungai. Kuantiti air dalam storan seperti empangan, kolam takungan dan air bumi diukur berdasarkan keluasan dan kedalaman kawasan takungan air. Kadar pengluhan sungai (*river discharge*) pula diukur untuk menentukan kuantiti sumber air sungai. Kedua-dua data di atas penting bagi menentukan ketersediaan sumber air bagi memenuhi permintaan.
- c. Semakan Audit mendapati BKSA mempunyai Sistem Pengurusan Inventori Sumber Air (eSPISA). Bagaimanapun, sistem tersebut adalah untuk pangkalan data berkaitan maklumat pelesenan abstrak air mentah dan bukan merupakan maklumat inventori sumber air seperti digariskan di DSAN. Semakan Audit mendapati BKSA juga tidak menyelenggara data permintaan terhadap sumber air secara berkala dan hanya akan meminta daripada operator sekiranya perlu. Selain itu, BKSA tidak menjalankan kerja sukatan kadar alir sungai (*river gauging*). Justeru itu, BKSA tidak dapat menentukan jumlah sebenar ketersediaan (*availability*) kuantiti sumber air seperti ditetapkan oleh DSAN.
- d. Keadaan ini menyebabkan BKSA sukar membuat perancangan dan tindakan bagi menangani masalah kekurangan dan pencemaran sumber air terutamanya semasa musim kemarau dan kejadian pencemaran yang berpunca daripada aktiviti di sepanjang sungai atau oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.



Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod inventori sumber air adalah tidak memuaskan kerana BKSA tidak menyelenggara rekod inventori dengan lengkap dan perkara ini telah menyebabkan pengurusan sumber air sukar dilaksanakan dengan berkesan terutama pada musim kemarau.

### 3.5.2. Kualiti Sumber Air

Seksyen 7A, Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 menyatakan setiap aktiviti yang boleh mencemarkan sungai adalah merupakan kesalahan. Pemantauan terhadap kualiti air mentah dibuat menggunakan Indeks Kualiti Air (IKA) yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Piawaian Kualiti Air Mentah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). IKA lebih tertumpu kepada pemantauan kualiti air sungai keseluruhannya manakala piawaian kualiti air mentah oleh KKM pula tertumpu kepada pemantauan kualiti air mentah di muka sawk LRA untuk tujuan air minum.

#### 3.5.2.1. Indeks Kualiti Air

- a. IKA adalah piawaian yang ditentukan oleh JAS untuk memberi gambaran umum mengenai kualiti air sungai. Pengukuran yang dibuat adalah berdasarkan enam parameter iaitu oksigen terlarut (*dissolved oxygen* atau DO), keperluan oksigen biokimia (*biochemical oxygen demand* atau BOD), keperluan oksigen kimia (*chemical oxygen demand* atau COD), ammonia nitrogen (*ammonical nitrogen* atau NH<sub>3</sub>-N), pepejal terampai (*suspended solids* atau SS) dan pH. Butiran lanjut IKA adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.5  
INDEKS KUALITI AIR (IKA)**


KELAS	JULAT IKA	KLASIFIKASI	JULAT INDEKS
I	92.8 – 100	Pemuliharaan alam sumber air yang asli dan tidak memerlukan sebarang rawatan	Bersih (81 - 100)
IIA	76.63 – 92.8	Berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan biasa diperlukan untuk tujuan tersebut	
IIB			
III	52.47 – 76.63	Berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut	Separat Tercemar (60 - 80)
IV	29.74 – 52.47	Tujuan pengairan sahaja	Tercemar (0 - 59)
V	<29.74	Tiada seperti di atas	

Sumber: *National Water Quality Standards for Malaysia*

- b. Analisis Audit telah dijalankan terhadap IKA bagi empat batang sungai yang dipilih iaitu Sungai Linggi, Sungai Muar, Sungai Rembau dan Sungai Triang bagi tahun 2007 hingga tahun 2015. Sungai-sungai ini dipilih kerana membekalkan air ke LRA dan Laporan Kajian Kebersihan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan menunjukkan terdapat aktiviti yang boleh

mencemarkan kualiti air sungai. Hasil analisis yang dijalankan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.1**  
**IKA SUNGAI-SUNGAI TERPILIH**  
**DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2015**



Sumber: JASNS

- c. Berdasarkan kepada carta menunjukkan Sungai Muar, Sungai Rembau dan Sungai Triang berada pada tahap bersih iaitu Kelas II bagi tempoh 2007 hingga 2015. Sepanjang tempoh tersebut, bacaan IKA yang dicatatkan oleh sungai-sungai tersebut adalah di antara 78 hingga 90.6. Manakala, Sungai Linggi pula mencatat IKA paling rendah sebanyak 74.5 pada tahun 2010 iaitu pada tahap Kelas III atau separa tercemar. Selain itu, Sungai Linggi juga pernah berada pada tahap separa tercemar Kelas III pada tahun 2007, 2009 dan 2012. Bagaimanapun, Sungai Linggi pernah mencatatkan IKA pada tahap Kelas II dengan bacaan 77 hingga 78.9 pada tahun 2008, 2011, 2013, 2014 dan 2015.
- d. Semakan Audit terhadap Laporan Tahunan JASNS, secara amnya punca-punca yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai di Negeri Sembilan adalah pelepasan sisa daripada industri, aktiviti perlombongan pasir, kumbahan, tapak projek pembangunan, aktiviti pertanian dan penternakan. Perkara ini telah menyebabkan IKA bagi Sungai Linggi menurun dari Kelas II ke Kelas III dengan bacaan 75 pada tahun 2009 kepada 74.5 pada tahun 2010. Selain itu, bacaan IKA bagi Sungai Triang juga menurun dengan bacaan 86 pada tahun 2010 kepada 78 pada tahun 2011 tetapi masih berada pada Kelas II.

### 3.5.2.2. Pelanggaran Kualiti Air Mentah

- a. Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) adalah merupakan satu program pengawalan kualiti air minum yang dibekalkan kepada orang awam oleh pihak berkuasa air/agensi tempatan dan swasta. Objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf kesihatan dengan memastikan keselamatan dan mutu air yang dibekalkan oleh pihak pembekal air adalah selamat untuk diminum serta mematuhi piawaian air minum kebangsaan. KKM telah mengeluarkan Garis Panduan Kualiti Air Minum yang menetapkan piawaian kualiti air mentah dan terawat untuk tujuan air minum.
- b. Pengujian terhadap kualiti air sungai oleh JKNS melalui program KMAM di 23 muka sauk LRA pada tahun 2014 hingga 2016 mendapati jumlah pelanggaran piawaian kualiti air mentah di 23 muka sauk LRA sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh jumlah *ferum*, *aluminium*, *koliform* (TC), COD dan *E.Coli* seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.6**  
**JUMLAH PELANGGARAN PIAWAIAN KUALITI AIR MENTAH DI SEMUA**  
**MUKA SAUK LRA DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA NOVEMBER 2016**

BIL.	LRA	PARAMETER/ PERATUS PELANGGARAN (Jumlah Pelanggaran/Jumlah Sampel)									
		FERUM	(%)	ALUMINIUM	(%)	KOLIFORM	(%)	COD	(%)	E.COLI	(%)
1.	Ulu Kemin	0/33	0	2/30	6.7	4/143	2.8	1/33	3	0/143	0
2.	Durian Tawar	0/34	0	1/34	2.9	3/141	2.1	0/34	0	1/141	0.7
3.	Lakai	16/33	48.5	15/33	45.5	29/141	20.6	0/33	0	4/141	2.8
4.	Kenaboi	0/33	0	9/33	27.3	10/142	7	0/32	0	2/142	1.4
5.	Kuala Pilah	32/35	91.4	12/35	34.3	25/99	25.3	11/34	32.4	2/99	2
6.	Ulu Bendul	1/34	2.9	13/34	38.2	2/97	2.1	2/33	6.1	1/97	1
7.	Kepis	21/35	60	19/35	54.3	26/97	26.8	11/33	33.3	8/97	8.2
8.	Talang	3/32	9.4	10/32	31.3	4/97	4.1	10/31	32.3	0/97	0
9.	Tengkek	0/35	0	2/35	5.7	1/97	1	4/34	11.8	0/97	0
10.	Pedas Lama	0/32	0	0/32	0	1/140	0.7	2/30	6.7	0/140	0
11.	Pedas Baru	0/31	0	1/31	3.2	6/138	4.3	1/22	4.5	0/138	0
12.	Sawah Raja	9/29	31	4/30	13.3	34/138	24.6	1/20	5	1/138	0.7
13.	Dangi	11/28	39.3	8/28	28.6	73/112	65.2	6/25	24	22/112	19.6
14.	Pasir Besar	21/28	75	18/28	64.3	49/112	43.8	9/20	45	10/112	8.9
15.	Gemas	14/28	50	13/28	46.4	37/111	33.3	7/19	36.8	8/111	7.2
16.	Gemencheh	6/27	22.2	1/27	3.7	19/112	17.0	5/25	20	8/112	7.1
17.	Jempol	21/32	65.6	18/32	56.3	26/121	21.5	9/29	31	6/121	5
18.	Kuala Jelai	23/31	74.2	20/31	64.5	9/117	7.7	8/31	25.8	2/117	1.7
19.	Pantai	0/29	0	5/29	17.2	10/137	7.3	1/28	3.6	6/137	4.4
20.	Sungai Linggi	29/32	90.6	26/28	92.9	99/131	75.6	11/31	35.5	76/131	58
21.	Sungai Terip (Muka Sauk Empangan Sg. Terip)	1/29	3.4	2/29	6.9	73/224	32.6	2/28	7.1	58/224	25.9
22.	Sungai Terip (Muka Sauk Sg. Batang Penar)	25/32	78.1	25/29	86.2	107/133	80.5	6/28	21.4	92/133	69.2

BIL.	LRA	PARAMETER/ PERATUS PELANGGARAN (Jumlah Pelanggaran/Jumlah Sampel)									
		FERUM	(%)	ALUMINIUM	(%)	KOLIFORM	(%)	COD	(%)	E.COLI	(%)
23.	Ngoi Ngoi	13/20	65	11/19	57.9	9/85	10.6	0/18	0	4/85	4.7
<b>JUMLAH</b>		<b>246/712</b>	<b>34.6</b>	<b>235/702</b>	<b>33.5</b>	<b>656/2,865</b>	<b>22.9</b>	<b>107/651</b>	<b>16.4</b>	<b>311/2,865</b>	<b>10.9</b>

Sumber: JKNS

- c. Berdasarkan jadual di atas, analisis Audit mendapati peratus pelanggaran piawaian kualiti air mentah tertinggi adalah bagi parameter *ferum* (34.6%) diikuti *aluminium* (33.5%), *koliform* (22.9%), COD (16.4%) dan *E.Coli* (10.9%). Taklimat yang diberi oleh Penolong Pengarah Unit Kejuruteraan, Bahagian Saintifik JKNS semasa lawatan Audit pada 14 November 2016 menyatakan antara kegiatan yang menyumbang kepada pelanggaran tersebut adalah daripada sisa kumbahan domestik dan kegiatan perindustrian.
- d. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak SAINS pada 22 Disember 2016, pihak Audit mendapati sepanjang tahun 2012 hingga 2016 LRA Sungai Linggi pernah mengalami henti tugas sebanyak tiga kali iaitu masing-masing sekali pada tahun 2013 dan dua kali pada tahun 2016. Bilangan jam henti tugas adalah antara enam hingga 15 jam berpunca daripada tumpahan minyak. LRA Sawah Raja juga pernah mengalami henti tugas sebanyak tiga kali pada tahun 2015. Bilangan jam henti tugas adalah antara lapan hingga 12 jam yang berpunca daripada aktiviti pengorekan pasir. Perkara ini menyebabkan pengguna mengalami gangguan bekalan air dan menjejaskan aktiviti harian sepanjang tempoh tersebut. Butiran lanjut tarikh henti tugas LRA adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.7**  
**BUTIRAN HENTI TUGAS LOJI RAWATAN AIR DI NEGERI SEMBILAN**  
**DISEBABKAN KUALITI AIR MENTAH TERCEMAR BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2016**

NAMA LRA	TARIKH HENTI TUGAS	BILANGAN HENTI TUGAS (Jam)	SEBAB HENTI TUGAS
Sungai Linggi	02.04.2013	6	Tumpahan minyak
	12.11.2016	15	Tumpahan minyak
	29.11.2016	15	Tumpahan minyak
Sawah Raja	08.09.2015	8	Aktiviti pengorekan pasir
	14.09.2015	8	Aktiviti pengorekan pasir
	21.10.2015	12	Aktiviti pengorekan pasir

Sumber: SAINS

### 3.5.2.3. Kajian Kebersihan (*Sanitary Survey*)

- a. Kajian Kebersihan yang dilaksanakan oleh JKNS adalah merupakan satu kaedah bagi mengenal pasti punca pencemaran di kawasan tadahan/sumber

bekalan air agar tindakan pembetulan dapat dilakukan sebelum ia menjadi lebih serius.

- b. Berdasarkan Laporan Kajian Kebersihan tahun 2013 hingga 2015 yang dilaksanakan di LRA Dangi, Jempol, Pantai, Talang, Gemas, Kenaboi, Kuala Jelai, Kuala Klawang, Sungai Terip dan Linggi menunjukkan beberapa aktiviti berhampiran kawasan lembangan sungai yang terlibat boleh menyumbang kepada pencemaran sungai dan menjejaskan kualiti air seperti pengorekan pasir, pertanian dan perindustrian. Semakan Audit mendapati tiada bukti BKSA telah mengguna pakai Laporan Kajian Kebersihan oleh JKNS untuk dijadikan rujukan bagi mengenal pasti kawasan/sungai yang bermasalah dan tercemar serta mengambil tindakan/siasatan/susulan ke atas peladang/penternak/pelombong yang melakukan kesalahan tersebut. Butiran lengkap mengenai Laporan Kajian Kebersihan JKNS bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.8**  
**AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN BERHAMPIRAN**  
**DENGAN SUMBER AIR BERDASARKAN LAPORAN KAJIAN KEBERSIHAN**

BIL.	LOJI RAWATAN AIR	SUMBER AIR	AKTIVITI YANG BOLEH MENYEBABKAN PENCEMARAN	ULASAN LAPORAN JKNS
<b>LAPORAN KAJIAN KEBERSIHAN 2015</b>				
1.	Dangi, Tampin	Sungai Jelai	Aktiviti meracun di kebun getah berhampiran.	Punca pencemaran membimbangkan kerana ia boleh mengganggu tahap kualiti air mentah terutamanya bagi parameter pestisid.
2.	Jempol, Jempol	Lembangan Sungai Muar dan Sungai Jempol	Kawasan pengorekan pasir, kawasan penanaman padi dan ladang kelapa sawit di sepanjang Sungai Muar.	Aktiviti tersebut boleh menjadi punca-punca yang mengundang kepada penurunan kualiti air mentah.
<b>LAPORAN KAJIAN KEBERSIHAN 2014</b>				
3.	Pantai, Seremban	Hutan Rizab Berembun, Bukit Pantai	Sumber air mentah loji ini terjaga dari sebarang aktiviti guna tanah yang boleh menyebabkan pencemaran.	Terdapat dua pelanggaran bagi parameter fluorida yang direkodkan semasa kajian ini berlangsung.
4.	Talang, Kuala Pilah	Empangan Talang	Terdapat aktiviti pembalakan berhampiran sumber air mentah.	Dikhuatiri boleh mengganggu kualiti air mentah loji ini.
5.	Gemas, Tampin	Lembangan Sungai Muar	Ada satu aktiviti pengorekan pasir berhampiran dengan muka sauk.	Ini amat membimbangkan kerana ia boleh mengganggu tahap kualiti air mentah terutamanya bagi parameter kekeruhan, ferum, mangan dan beberapa bahan mineral lain.
6.	Kenaboi (Titi), Jelebu	Sungai Kenaboi	Aktiviti pertanian oleh pekebun-pekebun kecil dan aktiviti pengorekan pasir berhampiran muka sauk.	Ini boleh mengakibatkan penurunan tahap kualiti air mentah.
7.	Kuala Jelai, Jempol	Sungai Jelai (Anak Sungai Muar)	Aktiviti pengorekan pasir di hulu sungai.	Menyumbang kepada peningkatan tahap kekeruhan air mentah.
<b>LAPORAN KAJIAN KEBERSIHAN 2013</b>				
8.	Kuala Klawang (Ulu Kemin), Jelebu	Sungai Kemin	Tiada	Kawasan tadahan didapati semakin cetek. Keadaan penapis dipenuhi dengan daun-daun kering.

BIL.	LOJI RAWATAN AIR	SUMBER AIR	AKTIVITI YANG BOLEH MENYEBABKAN PENCEMARAN	ULASAN LAPORAN JKNS
9.	Sungai Terip, Seremban	Sungai Batang Penar	Sisa pepejal tersangkut di benteng takungan air.	Tiada
		Sungai Terip	Terdapat bangunan penternakan burung walit.	Tiada
10.	Linggi, Seremban	Sungai Jerlang	Terdapat kawasan perumahan, dusun buah-buahan dan kawasan pertanian.	Tiada
		Sungai Emi	Terdapat aktiviti penternakan kerbau, penternakan ikan dan kilang pemprosesan kicap.	Tiada
		Sungai Ngoi-Ngoi	Aktiviti pengorekan pasir dan kawasan penternakan ikan.	Tiada

Sumber: JKNS

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada pemantauan IKA yang dilaksanakan oleh JASNS keadaan empat sungai yang dipilih iaitu Sungai Linggi, Sungai Muar, Sungai Rembau dan Sungai Triang adalah tidak memuaskan kerana bacaan IKA bagi tahun 2007 hingga 2015 menunjukkan ada berlakunya kemerosotan kualiti sumber air. Kajian daripada JKNS juga turut menunjukkan kualiti sumber air di semua 23 muka sauk dan sepuluh LRA terpilih di Negeri Sembilan adalah kurang memuaskan kerana terdapat pelanggaran di semua muka sauk dan terdapatnya aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran LRA tersebut.

#### 3.5.2.4. Pencemaran Lembangan Sungai Linggi

Susulan daripada Laporan Kajian Kebersihan oleh JKNS, pihak Audit telah memilih Lembangan Sungai Linggi sebagai sampel untuk dijalankan analisis lanjut berkaitan kualiti sumber air. Sungai yang dipilih sebagai sampel ialah Sungai Linggi, Sungai Nyatoh, Sungai Kampung Kayu Ara dan Sungai Batang Penar. Lawatan Audit ini telah dijalankan bersama pihak BKSA, SAINS, JKNS, JASNS dan Pejabat Daerah dan Tanah Seremban (PDTS) pada 14 hingga 16 November 2016 dan 28 November 2016. Hasil lawatan tersebut, pihak Audit mendapati seperti berikut:

##### a. Bacaan Parameter Kualiti Air Mentah Melebihi Had Piawaian

- i. Laporan hasil ujian makmal oleh JKNS terhadap empat sampel di empat lokasi iaitu muka sauk LRA Sungai Linggi, Sungai Nyatoh dan Sungai Kampung Kayu Ara (Kolam pancing dan kilang getah) mendapati bacaan parameter kualiti air mentah seperti COD, BOD, *E.Coli*, *Ammonia*, *Arsenic*, *Ferum* dan *Coliform* adalah melebihi had piawaian yang ditetapkan oleh KKM.
- ii. Pencemaran tersebut adalah berpunca daripada aktiviti kolam ikan, pelepasan sisa air buangan dari kilang getah, sampah dan loji kumbahan terbiar seperti gambar di bawah. Aktiviti tersebut menyebabkan bacaan

parameter kualiti air mentah tinggi dan seterusnya menyumbang kepada punca pencemaran seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.1**



**Kampung Kayu Ara**  
- Pelepasan Sisa Kilang Getah  
(14.11.2016)

**GAMBAR 3.2**



**Kampung Kayu Ara**  
- Aktiviti Kolam Memancing Menyebabkan Kandungan *Coliform*, *E.Coli*, COD, BOD dan Ammonia Tinggi di Sungai Kayu Ara  
(14.11.2016)

**GAMBAR 3.3**



**Taman Rasah Jaya, Seremban**  
- Loji Kumbahan Terbiar  
(14.11.2016)

**GAMBAR 3.4**



**LRA Sungai Linggi**  
- Sampah yang Dihanyutkan ke LRA  
(14.11.2016)

**b. Pencemaran dan Kerosakan Tebing Sungai Batang Penar Akibat Aktiviti Perlombongan Pasir di Mukim Pantai, Seremban**

- i. Seksyen 7A, Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 menyatakan setiap aktiviti yang boleh mencemarkan sungai adalah merupakan kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Manakala Peraturan-peraturan Air (Pengkompun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012 menyatakan semua kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 dan mana-mana peraturan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun. Antara kesalahan tersebut adalah kerosakan tebing sungai dan binaan struktur/halangan pada sungai di mana boleh di kompaun tidak melebihi RM300,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- ii. Lawatan Audit pada 28 November 2016 di lima lokasi perlombongan pasir mendapati berlaku beberapa pelanggaran yang boleh disabitkan kesalahan seperti kerosakan tebing sungai, tebing kolam runtuh, kolam

enapan tidak diselenggarakan dengan baik dan berlaku kekeruhan pada air sungai seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.5**



Lot 662 Grn 232447 Mukim Pantai, Seremban  
- Tebing Kolam yang Runtuh Menyebabkan Enapan Mengalir ke Sungai  
(28.11.2016)

**GAMBAR 3.6**



**GAMBAR 3.7**



Lot 662 Grn 232447 Mukim Pantai, Seremban  
- Kerosakan Tebing Sungai  
(28.11.2016)

**GAMBAR 3.8**



Lot 1573 Grn 74691, Lot 1574 Grn 74695,  
Lot 1575 Grn 74696 dan Lot 1576 Grn 74697  
Mukim Pantai, Seremban  
- Kerosakan Tebing Sungai  
(28.11.2016)

**GAMBAR 3.9**



Lot 1573 Grn 74691, Lot 1574 Grn 74695,  
Lot 1575 Grn 74696 dan Lot 1576 Grn 74697 Mukim  
Pantai, Seremban  
- Kolam Enapan Tidak Diselenggara Dengan Baik  
(07.12.2016)

**GAMBAR 3.10**



Lot 2275-2276, 1549-1592  
Mukim Pantai Mukim Pantai, Seremban  
- Kolam Enapan Tidak Diselenggara  
Dengan Baik  
(28.11.2016)

- iii. Pihak Audit juga mendapati BKSA tidak pernah mengeluarkan kompaun terhadap pengusaha pasir yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Air (Pengkompaun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012. Pihak Audit difahamkan bahawa tindakan penyelesaian dibuat melalui Notis Pemberitahuan Kesalahan di mana pihak syarikat diberi tempoh 14 hari untuk berbincang dengan BKSA mengenai kaedah penambahbaikan terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Sekiranya



penambahbaikan tersebut telah dilaksanakan dalam tempoh 14 hari, ianya adalah dianggap selesai oleh BKSA. Bagaimanapun, tiada bukti di dalam fail yang menunjukkan bahawa pihak BKSA telah mengeluarkan surat pengesahan menyatakan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh syarikat.

- iv. Lawatan susulan Audit pada 7 Disember 2016 ke tapak perlombongan pasir tersebut bagi ujian *in-situ* oleh JKNS di sepanjang Sungai Batang Penar mendapati bacaan menunjukkan 1,445 NTU iaitu melebihi parameter yang dibenarkan iaitu 1,000 NTU. Bacaan kekeruhan air Sungai Batang Penar di Jalan Tok Mudim pula merekodkan bacaan 884 NTU. Manakala, keputusan *in-situ* bagi bacaan kekeruhan air sungai sebelum aktiviti pencucian pasir adalah 170 NTU dan selepas pencucian pasir di lokasi terakhir perlombongan pasir di Sungai Batang Penar adalah 2,900 NTU. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.9**  
**KEPUTUSAN *IN-SITU* UJIAN FIZIKAL AIR**  
**SUNGAI BATANG PENAR BERDASARKAN PENSAMPELAN**  
**OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN PADA 7 DISEMBER 2016**

LOKASI PERSAMPELAN	PIAWAIAN KUALITI KEKERUHAN (NTU)	KEPUTUSAN ANALISIS KEKERUHAN (NTU)
Syarikat 1 (Sungai Batang Penar)	1000	1,445
Jalan Tok Mudim (Sungai Batang Penar)	1000	884
Syarikat 2 (Sungai Batang Jerlang - sebelum <i>point of discharge</i> )	1000	170
Syarikat 2 (Sungai Batang Jerlang - at <i>point of discharge</i> )	1000	2,900

Sumber: JKNS

- v. Berdasarkan Laporan Kualiti Air Mentah SAINS di muka sauk Sungai Batang Penar mendapati pada tahun 2014 terdapat enam kali pelanggaran bagi parameter kekeruhan dengan bacaan paling tinggi adalah mencapai 2,502 NTU. Pada tahun 2015 pula, terdapat lapan kali pelanggaran dengan kekeruhan paling tinggi yang di rekod adalah 2,871.15 NTU. Manakala, pada tahun 2016 terdapat dua kali pelanggaran dengan tahap kekeruhan paling tinggi direkodkan iaitu 1,935 NTU.
- vi. Analisis kekeruhan air daripada kontraktor dilantik untuk menguruskan operasi LRA Sungai Terip turut mendapati terdapat 79 pelanggaran piawain parameter kekeruhan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2016.

### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 14 Ogos 2017**

*BKSA telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Kesalahan di bawah Seksyen 7A dan 5 Enakmen Air (pindaan Akta Air 1320) 2007 kerana pencemaran dan kacau ganggu anak sungai pada 20 Februari 2017 kepada Syarikat 2. Mesyuarat pelarasan bersama wakil syarikat juga telah diadakan pada 2 Mac 2017 dan Notis Arahan Pembaikan bagi mengawal pelepasan air cucian pasir serta pembaikan teknikal kolam enapan telah dikemukakan pada 3 Mac 2017. BKSA telah membuat lawatan susulan pada 16 Mac 2017 dan mendapati arahan pembaikan telah dipatuhi dan oleh itu tiada kompaun dikenakan ke atas syarikat tersebut. Satu laporan ringkas yang mengesahkan kerja-kerja pembaikan berserta gambar telah dimasukkan dalam eSPISA. Selain itu, BKSA sering membuat pemantauan di kawasan perlombongan pasir dan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat teknikal. Penguatkuasa BKSA sentiasa membuat pemantauan secara harian (termasuk Sabtu dan Ahad) ketika Perintah Perlindungan Air berkuat kuasa dan dicatatkan di dalam buku log harian. Notis kesalahan hanya dikeluarkan sekiranya terdapat pelanggaran.*

Pada pendapat Audit, kualiti sumber air di Lembangan Sungai Linggi berada pada tahap tidak memuaskan kerana terdapat aktiviti pencemaran yang menyumbang kepada kadar kekeruhan yang tinggi melebihi standard piawai ditetapkan. BKSA juga tidak pernah mengeluarkan kompaun terhadap syarikat yang melanggar peraturan di bawah Seksyen 7A dan 5 Enakmen Air (pindaan Akta Air 1320) 2007.

#### **c. Pencemaran Bau di Sungai Linggi**

- i. Pada 18 Oktober 2016, pihak SAINS mengeluarkan Notis Penutupan Tidak Berjadual berkenaan gangguan bekalan air di sebahagian kawasan Port Dickson dan Seremban berikutan pencemaran bau di Loji Rawatan Air Sungai Linggi, Seremban.
- ii. Berdasarkan analisis sampel yang dijalankan oleh SAINS ke atas anak sungai sepanjang Sungai Linggi pada 17 Oktober dan 23 hingga 27 Oktober 2016 mendapati nilai *ammonia nitrogen* yang tertinggi direkodkan di dua buah anak sungai dari sepuluh anak sungai yang dipantau iaitu Sungai Anak Air Garam dan Sungai Kayu Ara seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.10  
KEPUTUSAN ANALISIS SAMPEL AIR ANAK SUNGAI SEPANJANG SUNGAI LINGGI**

BIL.	ANAK SUNGAI	NILAI AMMONIA NITROGEN (MG/L)					
		17.10.2016	23.10.2016	24.10.2016	25.10.2016	26.10.2016	27.10.2016
1.	Sungai Temiang	6.1	10.1	6.7	4.8	4.5	3.0
2.	Sungai Senawang	7.8	7.7	7.6	7.0	4.5	4.8
3.	Sungai Kepayang	8.7	9.4	8.1	7.5	5.5	6.0
4.	Sungai Anak Air Garam	14.8	13.4	7.0	12.3	7.8	11.3
5.	Sungai Mantau	3.6	2.7	1.5	2.0	1.8	1.8
6.	Sungai Kayu Ara	13.4	9.0	5.4	11.5	9.8	7.0

Sumber: SAINS

- iii. Pihak Audit mendapati aktiviti yang terdapat di kawasan berkenaan adalah pasar dan loji lama Indah Water Konsortium (IWK), kawasan pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam, kawasan ternakan kuda, ternakan ikan dan ladang getah. Akhbar BH *Online* bertarikh 19 Oktober 2016 turut melaporkan bahawa pencemaran bau tersebut berlaku akibat peningkatan ammonia dalam air Sungai Linggi kerana berlakunya penurunan paras air Sungai Linggi.
- iv. Selain itu, semakan Audit juga dilaksanakan terhadap Buku Rekod Analisis Kualiti Air, Bahagian Pengeluaran SAINS di LRA Sungai Linggi bagi tempoh 1 Oktober 2016 hingga 20 Oktober 2016 mendapati kesemua bacaan *ammonia* bagi air mentah adalah melanggar piawai kualiti yang ditetapkan oleh KKM iaitu melebihi 1.5 mg/l. Bacaan *ammonia* (NH<sub>3</sub>-N) terendah direkod adalah 2.1 mg/l (1 Oktober 2016) manakala bacaan *ammonia* tertinggi adalah 6.3 mg/l (17 Oktober 2016).
- v. Berdasarkan rekod BKSA, selain pencemaran *ammonia* pencemaran bau di Sungai Linggi juga adalah akibat pembuangan bahan kimia oleh pihak yang tidak bertanggungjawab telah berlaku sebanyak tiga kali. Penjelasan lanjut berkenaan pembuangan bahan kimia tersebut adalah seperti di perenggan berikut:
  - Kejadian pertama berlaku pada 12 November 2016 di mana cecair bahan kimia seakan minyak telah dijumpai di dalam longkang di kawasan Taman Dusun Setia dan Taman Dusun Nyior seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.11**



Jalan Melati 2, Taman Dusun Setia  
- Kawasan Mula Pembuangan Bahan Kimia ke  
Dalam Longkang Taman Dusun Setia  
(14.11.2016)

**GAMBAR 3.12**



Sungai Linggi, Taman Dusun Setia  
- Buangan Daripada Taman Dusun Setia  
Mengalir ke Sungai Linggi  
(14.11.2016)

- Sampel telah diambil oleh SAINS pada 12 November 2016 dan dihantar ke makmal berkecuali untuk dianalisis. Keputusan analisis terhadap cecair bahan kimia *tersebut* menunjukkan kehadiran kandungan *Aliphatic Hydrocarbon Fraction C17-C21, C22-C35 dan C36-C40* yang terdiri daripada *crude oil, diesel, heating oil, heavy fuel oils, bunker c, lubricant oil, waxes and related product*.
- Lawatan Audit pada 14 November 2016 ke kawasan pencemaran tersebut mendapati pihak SAINS telah mengurangkan pengaliran cecair bahan kimia terus ke dalam Sungai Linggi dengan membina benteng penghalang menggunakan beg pasir dan lapisan span untuk menyerap buangan minyak serta 15 beg *Activated Carbon* untuk menghilangkan bau bahan kimia tersebut seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.13**



Taman Dusun Nyior, Seremban  
- Penggunaan Benteng Penghadang dan Lapisan Span Bagi Mengurangkan Bahan Kimia  
Mengalir ke Sungai Linggi serta *Carbon Activator* Bagi Menghilangkan Bau  
(14.11.2016)

**GAMBAR 3.14**



- Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak SAINS kaedah ini dipilih bagi penyelesaian jangka pendek supaya pencemaran tidak merebak yang boleh menyebabkan LRA ditutup disebabkan oleh pencemaran tersebut.
- Keputusan sampel yang diambil oleh JKNS di tempat kejadian pada tarikh lawatan Audit mendapati bacaan bagi parameter tertentu yang menyumbang kepada pencemaran kualiti air adalah **tinggi**

berbanding piawaian kualiti air mentah yang ditetapkan seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.11  
KEPUTUSAN ANALISIS KUALITI AIR  
DI SUNGAI LINGGI, TAMAN DUSUN NYIOR BERDASARKAN PENSAMPELAN  
OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN PADA 14 NOVEMBER 2016**

BIL.	LOKASI PENSAMPELAN	PARAMETER	PIAWAIAN KUALITI AIR MENTAH	KEPUTUSAN ANALISIS JABATAN KIMIA
1.	Sungai Linggi, Taman Dusun Nyior (sebelum pencemaran pembuangan minyak)	<i>Total Coliform</i>	5000 MPN/100ml	>16000
		<i>E.Coli</i>		>16000
		<i>COD</i>	10 mg/l	12
		<i>Ammonia</i>	1.5 mg/l	9.28
		<i>Ferum</i>	1.0 mg/l	2.02
		<i>Aluminium</i>	0.2 mg/l	0.93
		<i>Arsenik</i>	0.01 mg/l	0.030
2.	Sungai Linggi, Taman Dusun Nyior (selepas pencemaran pembuangan minyak)	<i>Total Coliform</i>	5000 MPN/100ml	>16000
		<i>E.Coli</i>		>16000
		<i>COD</i>	10 mg/l	21
		<i>BOD</i>	6 mg/l	11.1
		<i>Ammonia</i>	1.5 mg/l	3.75
		<i>Ferum</i>	1.0 mg/l	1.84
		<i>Arsenik</i>	0.01 mg/l	0.034
3.	Sungai Linggi, Taman Dusun Nyior (air tercemar pembuangan minyak)	<i>Total Coliform</i>	5000 MPN/100ml	>16000
		<i>E.Coli</i>	5000 MPN/100ml	>16000
		<i>COD</i>	10 mg/l	43
		<i>BOD</i>	6 mg/l	67.3
		<i>Ammonia</i>	1.5 mg/l	7.97
		<i>Ferum</i>	1.0 mg/l	2.33
		<i>Arsenik</i>	0.01 mg/l	0.046

Sumber: JKNS

- Kejadian kedua berlaku pada 18 November 2016 di mana sekali lagi pembuangan cecair bahan kimia ke dalam longkang di sekitar kawasan Taman Dusun Setia dan mengalir ke longkang awam di Taman Dusun Nyior dan memasuki Sungai Linggi. Tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh BKSA dan JAS di mana rondaan telah dibuat. Selain itu, JAS telah mengeluarkan kertas siasatan berhubung perkara tersebut di mana Akhbar Sinar Harian bertarikh 23 November 2016 melaporkan JAS masih menjalankan siasatan berhubung tumpahan cecair disyaki minyak di dalam parit di Taman Dusun Nyior pada 19 November 2016.

- Manakala, kejadian ketiga berlaku pada 29 November 2016 di mana bahan buangan bercampur minyak dijumpai di Taman Rasah Jaya dan mengalir ke Sungai Anak Air Garam. Akhbar Sinar Harian bertarikh 3 Disember 2016 melaporkan sisa kimia di dalam sungai adalah punca LRA tercemar.
- Berdasarkan maklumat daripada Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) BKSA pada 4 Oktober 2017, tindakan mitigasi oleh pihak SAINS telah dilaksanakan di mana pihak Kualiti Alam Sdn. Bhd. (KASB) telah menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan bahan buangan terjadual pada 13 dan 18 November 2016. Kos bagi kerja-kerja pembersihan dan pelupusan berdasarkan tuntutan awal yang dikemukakan oleh KASB adalah berjumlah RM0.49 juta. Kos pelupusan diputuskan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan pihak SAINS telah diminta mendahulukan segala kos perbelanjaan tersebut sebagai tindakan proaktif.

#### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 14 Ogos 2017**

*BKSA telah mengeluarkan Notis Arahan Pemberhentian Operasi bagi menghalang pelepasan sebarang kekotoran atau bahan buangan terus ke dalam saliran air atau sungai berhampiran kepada penternak ikan, lembu, kambing serta pengusaha industri berhampiran anak-anak sungai di Lembangan Sungai Linggi semasa musim kering pada 18 dan 19 Oktober 2016. BKSA turut menjalankan sanitary survey dan mendapati bacaan air anak sungai yang disyaki daripada kolam IWK yang tidak beroperasi mempunyai kandungan ammonia yang tinggi. Surat permohonan senarai inventori kolam-kolam kumbahan sepanjang Lembangan Sungai Linggi telah dikemukakan kepada IWK Seremban pada 24 Februari 2017. Ketua Operasi IWK Seremban telah mengemukakan senarai inventori kolam-kolam kumbahan pada 15 Mac 2017. Senarai inventori berkenaan telah diserahkan kepada pihak Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pada 27 Julai 2017 untuk diambil kira dalam Kajian Piawaian Pelepasan Dan Kemasukan Bahan Pencemar Di Lembangan Sungai Linggi yang sedang dijalankan.*

*Bagi ketiga-tiga kes pembuangan bahan kimia ke Sungai Linggi pula, BKSA telah menugaskan Penguatkuasa BKSA untuk menjalankan rondaan berhampiran lokasi pembuangan dan sungai berhampiran.*

### **Mengikut Maklum Balas JASNS Bertarikh 2 Ogos 2017**

*Laporan analisa kimia yang diterima dari Jabatan Kimia Malaysia terhadap pensampelan yang diambil dari lori yang disyaki membuang bahan pencemaran menunjukkan bahan buangan tersebut adalah merupakan Heavy Fuel Oil dan bukannya Wasted Oil yang dikategorikan sebagai buangan terjadual. Kertas Siasatan antara hubung kait kes tersebut sedang dalam pertimbangan Pegawai Pendakwa di JASNS untuk dirujuk ke Penasihat Undang-undang sekali lagi bagi ketetapan lanjut.*

Pada pendapat Audit, kes pembuangan cecair kimia ke Sungai Linggi telah menjejaskan penggunaan dan kualiti air kepada penduduk setempat berdasarkan ujian makmal yang melebihi standard piawaian maksimum yang ditetapkan.

#### **3.5.2.5. Pemantauan Kualiti Air Mentah oleh BKSA**

- a. Berdasarkan Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 Seksyen 3B, tugas dan kuasa BKSA adalah untuk menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar untuk memastikan kesinambungan dan kualiti bekalan air mentah.
- b. Pihak Audit mendapati BKSA tidak menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kualiti Sumber Air dan rancangan tahunan pencegahan/pemantauan kualiti air mentah. Selain itu, peruntukan yang terhad, kekurangan pegawai mahir dalam bidang kawal selia air dan kekurangan peralatan teknikal untuk melaksanakan ujian in-situ atau ujian di makmal menyukarkan tindakan pelaksanaannya berdasarkan mandat yang diberikan. BKSA juga hanya menjalankan *sanitary survey* apabila menerima sebarang maklumat/aduan daripada SAINS tetapi bergantung kepada bantuan bagi menjalankan ujian dan analisis oleh pihak SAINS atau JASNS. Hasil pemerhatian Audit, aktiviti bagi tindakan pemantauan kualiti dilaksanakan apabila:
  - i. menerima aduan daripada pihak SAINS (secara *ad hoc*);
  - ii. pemantauan dan tindakan pengawalan kualiti air mentah secara berkala dilaksanakan oleh pihak SAINS. Laporan pemantauan tersebut akan dikemukakan kepada BKSA setiap bulan; dan
  - iii. daripada laporan tersebut, BKSA hanya membuat analisis kekeruhan bagi tujuan pemantauan terutamanya bagi aktiviti perlombongan pasir.

**Pada pendapat Audit pemantauan kualiti air mentah oleh BKSA adalah tidak memuaskan kerana BKSA tidak mempunyai SOP Kualiti Sumber Air**

**bagi memastikan tindakan segera diambil terhadap pencemaran sumber air yang berlaku di Negeri Sembilan. Bagaimanapun, kerjasama dan tindakan segera antara BKSA dan agensi terlibat seperti SAINS dan JASNS adalah baik bagi mengawal pencemaran daripada merebak dan menjadi lebih serius.**

### **3.5.3. Pelesenan dan Penguatkuasaan**

#### **3.5.3.1. Lesen Abstraksi Air Mentah**

Seksyen 7(1) Akta Air 1920 menyatakan tiada sebarang aktiviti lencongan atau abstraksi air mentah dibenarkan kecuali dengan lesen. BKSA hanya mula menguatkuasakan peruntukan seksyen tersebut kepada pengusaha perlombongan pasir dan akuakultur mulai tahun 2015. Pada 26 Ogos 2015 Kerajaan Negeri telah memutuskan meluluskan Lesen Abstraksi Air Mentah di bawah Seksyen 7(4) di bawah Akta Air 1920 kepada pemegang-pemegang permit pasir, bersekali dengan kelulusan permit pasir di bawah Kanun Tanah Negara. Semakan telah dilaksanakan terhadap rekod BKSA bagi perlombongan pasir dan penternakan akuakultur mendapati:

- a. Sebanyak 13 (21%) daripada 62 pemegang permit pasir bagi tahun 2016 di Negeri Sembilan tidak mempunyai Lesen Abstraksi Air Mentah dari BKSA. Menurut BKSA, 13 pemegang permit pasir yang tidak dilesenkan adalah kerana syarikat tersebut tidak memohon Lesen Abstraksi Air Mentah daripada BKSA walaupun Surat Pemberitahuan telah dihantar pada bulan Mei 2016. Tindakan tidak diambil oleh BKSA terhadap 13 syarikat tersebut kerana hasil siasatan BKSA mendapati syarikat ini tidak beroperasi dalam tempoh tersebut.
- b. Sehingga September 2015, sebanyak 45 pengusaha penternakan akuakultur didapati masih aktif. Bagaimanapun, hanya 27 (60%) daripadanya telah mempunyai lesen abstraksi air mentah dan 15 (33.3%) lagi dalam proses permohonan di BKSA. Manakala hanya tiga (6.7%) sahaja yang tidak mempunyai lesen abstraksi air mentah. BKSA telah menghantar Surat Pemberitahuan kepada pengusaha yang tidak mempunyai lesen supaya memohon lesen abstraksi mentah daripada BKSA dengan segera.
- c. Bagi tahun 2016 pula, hanya empat (8.9%) pengusaha penternakan akuakultur mempunyai lesen abstraksi air mentah, tiga (6.7%) dalam proses pembaharuan lesen manakala tiada bukti dari semakan fail bahawa lesen abstraksi air mentah telah dikeluarkan bagi 38 (84.4%) pengusaha penternakan tersebut. Keadaan ini boleh menyukarkan pemantauan dan pencemaran terus berulang. Anggaran bagi jumlah kerugian terhadap lesen abstraksi air mentah yang tidak dapat diperoleh daripada pengusaha



penternakan akuakultur bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sejumlah RM450 bagi bayaran pemprosesan kali pertama dan RM8,200 bagi bayaran lesen seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.12**  
**ANGGARAN BAYARAN LESEN ABSTRAKSI**  
**AIR MENTAH YANG TIDAK DAPAT DIPEROLEH DARIPADA**  
**PENGUSAHA PENTERNAKAN AKUAKULTUR BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

TAHUN	BILANGAN PENGUSAHA YANG TIDAK MEMPUNYAI LESEN ABSTRAKSI AIR MENTAH	JUMLAH BAYARAN YANG TIDAK DAPAT DIPEROLEHI (Bayaran Lesen Abstraksi Air Adalah RM200 Setahun)	
		BAYARAN PEMROSESAN (RM150 Bagi Permohonan Kali Pertama Sahaja) (RM)	BAYARAN LESEN (RM)
2015	3	450	600
2016	38	-	7,600
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>450</b>	<b>8,200</b>

Sumber: BKSA

### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 14 Ogos 2017**

*Sebanyak 14 permohonan lesen abstraksi air mentah (akuakultur) telah dipersetujui oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan melalui memo bertarikh 24 November 2015. Bagaimanapun, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke atas permohonan lesen tersebut tidak dapat dikesan oleh BKSA. Berikutan penangguhan pengeluaran lesen abstraksi air mentah bagi kajian semula caj air mentah antara September 2015 hingga April 2016, BKSA telah mengemukakan permohonan semasa dan tertunggak lesen abstraksi air mentah dalam tahun 2016 termasuk 14 permohonan lesen yang tidak dapat dikesan kepada Kerajaan Negeri. BKSA telah mengemukakan semula 14 buah lesen tersebut kepada MMK pada 23 Februari 2017 dan kelulusan lesen telah diperolehi pada 8 Mac 2017.*

Pada pendapat Audit, pengurusan pelesenan Abstraksi Air Mentah bagi perlombongan pasir adalah memuaskan kerana 79% daripada pengusaha perlombongan pasir telah mempunyai Lesen Abstraksi Air Mentah bagi tahun 2016. Bagaimanapun, pengurusan pelesenan bagi akuakultur adalah tidak memuaskan kerana hanya 8.9% mempunyai lesen pada tahun 2016. Keadaan ini menyukarkan pemantauan terhadap pengusaha akuakultur.

#### **3.5.3.2. Penguatkuasaan**

- a. Berdasarkan fungsi Bahagian Penguatkuasaan BKSA, tugas bahagian tersebut adalah menguatkuasa pematuhan peraturan, syarat dan undang-undang berkaitan kawasan tadahan air, sungai, empangan, perairan pantai dan pengambilan sumber air mentah yang berkaitan dengan perundangan di

bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007, mengeluarkan notis dan membuat tindakan undang-undang ke atas premis atau individu dan syarikat yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007, menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap pencemaran sumber air mentah serta memantau dan menguruskan aduan.

- b. Semakan Audit mendapati, BKSA tidak mempunyai perancangan penguatkuasaan dan jadual pemantauan/penguatkuasaan bagi tahun 2014 hingga 2016. Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan oleh BKSA dijalankan berdasarkan aduan daripada pengguna atau pihak SAINS. BKSA memaklumkan, kekurangan kakitangan menyebabkan pemantauan secara berkala/berjadual sukar untuk dilaksanakan. Ini mengakibatkan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan proaktif. Kaedah penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh BKSA ini telah mengakibatkan kes pelanggaran undang-undang berkaitan sumber air mentah lewat/tidak diambil tindakan penguatkuasaan seperti ditetapkan.

#### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 14 Ogos 2017**

*BKSA telah menyusun semula gerak kerja bagi menambah baik pemantauan dan tindakan Penguatkuasaan secara berkala di mana ia telah dimasukkan ke dalam Sasaran Kerja Tahunan Unit Penguatkuasaan BKSA bagi tahun 2017. BKSA telah menambah baik pemantauan berkala terutamanya di kawasan-kawasan perlombongan pasir. Rondaan sekurang-kurangnya dua kali seminggu di Daerah Seremban dan rondaan sekurang-kurangnya satu kali seminggu di lain-lain daerah telah dimulakan dan statistik laporan rondaan mengikut pecahan daerah akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan BKSA untuk makluman dan tindakan kawalan seperti mana lain-lain laporan unit seperti peratus Penyelesaian Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) dan peratus penyelesaian aduan awam.*

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan oleh BKSA adalah tidak memuaskan kerana penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara sistematik kepada pihak yang menyebabkan pencemaran sungai, kaedah penguatkuasaan dilaksanakan secara *ad-hoc*, aktiviti penguatkuasaan tidak dibuat secara berkala dan tiada SOP bagi aktiviti pemantauan penguatkuasaan. Ini telah menyebabkan aktiviti pencemaran terus berulang.

### **3.5.3.3. Peraturan-peraturan Air (Pengkompoun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012 bagi Pelepasan Atau Kemasukan Bahan Pencemaran Belum Diwartakan**

- a. Peraturan-peraturan Air (Pengkompoun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012 bagi pelepasan atau kemasukan bahan pencemaran seperti *total suspended solids, oil and grease* dan sebagainya hendaklah diwartakan supaya tindakan kompaun bagi kesalahan tersebut dapat dilaksanakan. Satu kajian piawaian kemasukan atau pelepasan bahan pencemar perlu dilakukan oleh tenaga pakar bagiewartakan had piawaian yang bersesuaian mengikut parameter yang ditetapkan berdasarkan aktiviti-aktiviti yang terlibat.
- b. Semakan Audit mendapati peraturan tersebut masih belum diwartakan kerana Kajian Piawaian Pelepasan Atau Kemasukan Bahan Pencemar bagi menetapkan had piawaian belum dapat dilaksanakan. Ini kerana jumlah peruntukan yang diperolehi sebanyak RM100,000 tidak mencukupi di mana kajian pasaran oleh pihak perunding bagi kajian tersebut adalah di antara RM200,000 hingga RM319,750. Tanpa parameter piawaian tersebut, Peraturan-Peraturan Air (Pengkompoun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012 bagi pelepasan atau kemasukan bahan pencemaran tidak dapat diwartakan.

#### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 14 Ogos 2017**

*Peruntukan sebanyak RM200,000 telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan Kajian Piawaian Pelepasan Dan Kemasukan Bahan Pencemar Di Lembangan Sungai Linggi daripada aktiviti perlombongan pasir dan akuakultur pada tahun 2017. Surat Setuju Terima untuk perkhidmatan perunding bagi kajian tersebut telah ditandatangani bersama wakil NAHRIM pada 17 Julai 2017. Kajian tersebut dijangka selesai pada akhir tahun 2017. Peraturan-peraturan Air (Pelepasan Atau Kemasukan Bahan Pencemar) akan diwujudkan dan dikuatkuasakan sebaik sahaja penetapan piawaian diluluskan oleh Kerajaan Negeri.*

Pada pendapat Audit, proses pewartaan bagi Peraturan-peraturan Air (Pengkompoun Kesalahan) Negeri Sembilan 2012 Bagi Pelepasan Atau Kemasukan Bahan Pencemaran adalah tidak memuaskan kerana tindakan undang-undang bagi kesalahan tersebut tidak dapat dikuatkuasakan disebabkan kajian bagi Piawaian Pelepasan Atau Kemasukan Bahan Pencemar masih belum dapat dilaksanakan sejak tahun 2012.

### 3.5.4. Pewartaan Kawasan Tadahan Air dan Empangan

#### 3.5.4.1. Pewartaan Belum Dilaksanakan

- a. Enakmen Air 1921, Seksyen 14A (1) menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh bila mana dipertimbangkan perlu untuk melindungi atau memelihara sumber air dengan arahan bagiewartakan sesuatu kawasan sebagai kawasan tadahan. Seksyen 10, Enakmen Perhutanan Negara 1985 menghendaki Pengarah Hutan Negeri mengelaskan hutan simpanan kekal bagi tujuan kawasan tadahan air melalui warta. Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 pula menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh merizabkan tanah kerajaan bagi kegunaan/kepentingan orang awam.
- b. Semakan Audit mendapati dua empangan iaitu Empangan Gemencheh dan Ulu Sepri telah diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 dan bukan diwartakan di bawah Seksyen 14A, Akta Air 1920. Manakala lima empangan lagi belum diwartakan di bawah mana-mana seksyen menyebabkan penguatkuasaan di bawah Akta Air 1920 tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, 12 daripada 22 Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang dikelaskan sebagai Hutan Tadahan Air telah diwartakan. Maklumat lanjut berkaitan empangan dan kawasan tadahan air yang belum diwartakan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.13**  
**EMPANGAN YANG BELUM DIWARTAKAN DI BAWAH SEKSYEN 14, AKTA AIR 1920**

BIL	EMPANGAN	TARIKH SIAP	KELUASAN (Hektar)	PERIHAL PEWARTAAN	STATUS SEMASA
1.	Gemencheh	1999	353	Telah diwartakan di bawah Seksyen 62, KTN pada 1.6.2011	Kanun Tanah Negara
2.	Ulu Sepri	2010	24	Surat Pemberitahuan kelulusan pewartaan di bawah Seksyen 62, KTN dari PDT Rembau bertarikh 26.4.2016	Kanun Tanah Negara
3.	Sungai Terip	1987	374.29	Permohonan pewartaan telah dikemukakan kepada PTD Seremban pada 29 September 2016	Tanah Kosong Kerajaan
4.	Sungai Beringin	1990	13.34	Belum membuat permohonan pewartaan	Hutan Simpan
5.	Talang	1992	281.11	Permohonan pewartaan telah ditolak oleh Kerajaan Negeri.	Tanah Kosong Kerajaan
6.	Kelinchi	1998	208.27		
7.	Sungai Triang	2013	589	Permohonan pewartaan telah ditolak oleh Kerajaan Negeri.	Hutan Simpan

Sumber: BKSA

- c. Kelewatan pewartaan ini adalah disebabkan BKSA, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) dan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) dalam proses penyelarasan/penyediaan pelan pra hitung untuk tujuan pewartaan kawasan efektif (dua rantai dari gigi air) bagi Empangan Sungai Terip, Talang, Kelinchi, Triang dan Sungai Beringin untuk diwartakan sebagai kawasan tadahan air di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Kawasan tadahan yang tidak diwartakan di bawah Akta Air 1920 telah menyebabkan

BKSA tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan menghalang pencerobohan daripada berlaku di bawah Akta tersebut.

**Pada pendapat Audit, pewartaan kawasan tadahan di bawah Akta Air 1920 adalah tidak memuaskan kerana kesemua tujuh empangan di Negeri Sembilan masih belum diwartakan di bawah Seksyen 14A Akta Air 1920. Ini menyebabkan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan.**

#### **3.5.4.2. Keselamatan Kawasan Tadahan Air**

- a. Sasaran penting adalah apa jua pemasangan yang hasil keluaran atau perkhidmatannya sangat penting dan sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan dan keselamatan negara. Kawasan tadahan air perlu diklasifikasikan sebagai sasaran penting di bawah keutamaan I atau II kerana kepentingannya kepada ekonomi dan keselamatan negara sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Tetap Sasaran Penting. Selepas kawasan tadahan air disenaraikan sebagai sasaran penting, kawasan tersebut perlu diisytiharkan sebagai kawasan larangan atau tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 dengan mengemukakan pelan warta berserta perihalnya kepada Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri untuk pengisytiharan.
- b. Semakan Audit mendapati empat (57.1%) empangan telah disenaraikan sebagai kawasan Sasaran Penting Keutamaan II manakala tiga (42.9%) empangan lagi belum disenaraikan. Manakala hanya satu (25%) daripada empat kawasan sasaran penting telah diisytiharkan sebagai kawasan larangan atau tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 (AKLTL).
- c. Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN) telah mengenal pasti empat buah empangan sebagai Sasaran Penting Keutamaan II. Bagaimanapun, hanya Empangan Sungai Terip sahaja telah diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah AKLTL manakala, tiga empangan lagi masih dalam tindakan pihak SAINS. Manakala, tiga (42.9%) empangan masih lagi dalam pertimbangan oleh JSPN untuk disenaraikan sebagai sasaran penting.

**Pada pendapat Audit, keselamatan kawasan tadahan adalah memuaskan kerana 57.1% kawasan tadahan dan empangan telah disenaraikan sebagai sasaran penting.**

### **3.5.5. Tadbir Urus**

#### **3.5.5.1. Majlis Sumber Air Negeri Tidak Bermesyuarat Seperti Ditetapkan**

- a. Kerajaan Negeri Sembilan telah menubuhkan Majlis Sumber Air Negeri (MSANg) pada tahun 2010. Objektif utama penubuhan MSANg adalah bagi memastikan koordinasi keputusan yang dipersetujui dalam Majlis Sumber Air Negara dapat di selaras dan dipantau di peringkat negeri secara mampan dan bersepadu dengan mengambil kira input dari pelbagai agensi dan jabatan. Keahlian MSANg terdiri daripada Menteri Besar Negeri Sembilan sebagai pengerusi, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang, Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi, BKSA dan pelbagai jabatan lain. MSANg hendaklah bermesyuarat sekurang-kurang sekali setahun dan urus setia kepada MSANg adalah JPSNS.
- b. Semakan Audit mendapati MSANg telah bermesyuarat sebanyak sekali sahaja sepanjang penubuhannya iaitu pada bulan Mac 2012. Pihak Audit tidak dapat menyemak agenda mesyuarat yang dibincangkan kerana tiada bukti minit mesyuarat disimpan dalam fail berkenaan. Selain itu, BKSA juga tidak mengadakan mesyuarat dengan pelbagai agensi yang berkaitan secara berkala untuk menyelaraskan dan memantau isu-isu berkaitan sumber air.

#### **3.5.5.2. Tiada Peruntukan Untuk Aktiviti Pemuliharaan Kawasan Tadahan**

- a. Aktiviti pemuliharaan kawasan tadahan hendaklah dilaksanakan bagi menjamin kualiti air mentah yang disalurkan memenuhi standard piawaian yang ditetapkan di LRA. Justeru, peruntukan hendaklah disediakan bagi memastikan sumber dan kualiti air mentah terpelihara dan mengekalkannya bagi tempoh jangka panjang.
- b. Pihak Audit mendapati, peruntukan perbelanjaan BKSA adalah diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) melalui permohonan bajet tahunan. Semakan Audit bagi tahun 2013 dan 2014 mendapati tiada projek yang dilaksanakan oleh BKSA bagi aktiviti pembangunan dan pemuliharaan kawasan tadahan. Ini adalah kerana peruntukan yang diperuntukkan kepada BKSA hanya bagi aktiviti perkhidmatan, bekalan dan aset.
- c. Justeru, BKSA tidak dapat menjalankan aktiviti berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan sumber air mentah dan hanya bergantung pada tindakan mitigasi daripada pihak SAINS dan JAS.

### **Mengikut Maklum Balas BKSA Bertarikh 3 Mac 2017**

*BKSA dalam tindakan menubuhkan akaun amanah bagi menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air mentah seperti mana yang dilakukan di negeri-negeri lain.*

Pada pendapat Audit, peranan MSANG dalam pengurusan kawal selia sumber air adalah tidak memuaskan kerana tindakan penyelesaian ke atas isu dan perkara berkaitan kawal selia sumber air tidak dapat dibincangkan dengan teliti disebabkan mesyuarat hanya dilaksanakan sekali sepanjang tempoh penubuhannya. Pengurusan belanjawan khusus untuk aktiviti pemuliharaan kawasan tadahan juga tidak memuaskan kerana ketiadaan peruntukan menyebabkan BKSA tidak dapat melaksanakan operasi dan aktiviti pembangunan serta pemuliharaan bagi memelihara kawasan tadahan dengan berkesan dan segera.

#### **3.6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan pengurusan Kawal Selia Sumber Air yang dibangkitkan tidak berterusan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dan aktiviti berkaitan sumber air yang telah dilaksanakan, adalah disyorkan pihak terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:

3.6.1. BKSA perlu menaik taraf Sistem Pengurusan Inventori Sumber Air (eSPISA) bagi tujuan pengawalan terhadap sumber air supaya ketersediaannya membantu mempercepatkan tindakan kerajaan negeri menangani krisis air apabila diperlukan dengan cekap dan berkesan;

3.6.2. BKSA perlu meningkatkan tindakan pencegahan dan pemuliharaan kualiti air dan tidak hanya bergantung pada aduan/laporan pencemaran daripada pihak SAINS;

3.6.3. BKSA dan Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan proses pemertanian kawasan tadahan di bawah Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 bagi membolehkan pengawalan dan penguatkuasaan dijalankan bagi melindunginya daripada pencemaran dan pencerobohan;

3.6.4. BKSA perlu melaksanakan fungsi selaras dengan mandat yang diberikan bagi menyegerakan pengeluaran lesen, sementara Kerajaan Negeri pula perlu menyediakan peruntukan khusus untuk membiayai aktiviti berkaitan pembangunan dan pemuliharaan sumber air mentah; dan

3.6.5. Kerajaan Negeri perlu memperkasakan organisasi BKSA seperti meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dalam bidang kawalan sumber air dan menilai semula keperluan sebenar tenaga kerja supaya fungsi dan peranan dapat dilaksanakan sepenuhnya.

## MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DIPERBADANKAN

### 4. LAMBANG TUNAS SDN. BHD.

#### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Lambang Tunas Sdn. Bhd. (LTSB) merupakan syarikat milik penuh Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan (MBI) dan telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 22 Julai 2006. Sehingga 31 Disember 2016, modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM100,000 dan RM2. Penubuhan LTSB bertujuan untuk menternak dan menjual rusa sama ada secara hidup atau secara karkas. LTSB didaftarkan dan beroperasi di Pejabat MBI, Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri, Seremban. Pada awal penubuhan LTSB, Lembaga Pemegang Amanah MBI telah bersetuju supaya ladang ternakan rusa seluas 44 hektar dan 675 ekor rusa daripada baka *Cervus Timorensis* milik MBI, diletakkan di bawah pengurusan LTSB bagi tujuan memudahkan pemantauan pengurusan serta perakaunan aktiviti ladang rusa berkenaan. Satu resolusi telah dikeluarkan bagi pengeluaran sejumlah RM100,000 daripada akaun MBI sebagai modal permulaan LTSB. Di peringkat permulaan, penternakan rusa dibuat menggunakan kaedah tradisional dan seterusnya dikembangkan kepada kaedah penternakan yang lebih baik di masa hadapan. Ladang ternakan rusa LTSB telah dipajak oleh MBI daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah dengan nilai pajakan RM20,000 setahun. Sehingga bulan Mei 2017, jumlah rusa LTSB yang direkodkan adalah sebanyak 435 ekor rusa betina dan 82 ekor rusa jantan.

4.1.2. Syarikat diterajui oleh dua orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Pengurusan ladang syarikat pula diuruskan oleh empat orang kakitangan iaitu seorang pengurus ladang dan dibantu oleh tiga orang penolong pengurus ladang. Pengurusan LTSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan Memorandum Dan Artikel Penubuhan (M&A) yang berkuat kuasa pada bulan Februari 2010.

#### 4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus LTSB adalah baik serta pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya.



#### **4.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus bagi tahun 2014 hingga Februari 2017. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan telah dilakukan terhadap pengurusan ternakan dan penjualan rusa, yang merupakan satu-satunya aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan operasi syarikat.

#### **4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan LTSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Laporan Juruaudit Tanpa Teguran oleh Tetuan Er & Associates. Penilaian ini melibatkan empat analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis trend aliran tunai. Bagi pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus, kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai LTSB juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aktiviti menternak serta menjual rusa. Rujukan telah dibuat dengan Bahagian Teknikal Jabatan Audit Negara untuk mendapatkan pandangan mekanikal serta lawatan penanda aras juga dilaksanakan di Taman Pertanian Universiti Putra Malaysia bertujuan untuk membuat perbandingan amalan pengurusan ladang ternakan rusa yang baik. Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 27 Julai 2017 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara pegawai yang turut hadir adalah Pegawai Kewangan Negeri, Setiausaha Sulit YAB Menteri Besar dan wakil Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan.

#### **4.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Mac hingga April 2017 mendapati secara keseluruhannya prestasi kedudukan kewangan LTSB adalah memuaskan kerana pada tahun 2016 LTSB memperoleh keuntungan sebelum cukai sejumlah RM334,314 dan keuntungan terkumpul meningkat daripada RM122,304 pada tahun 2015 kepada RM397,532 pada akhir tahun 2016. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus syarikat pula tidak memuaskan dan perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh LTSB yang diringkaskan seperti berikut:

- i. misi dan visi syarikat yang menjadi asas penubuhan syarikat tidak ditetapkan yang mengakibatkan syarikat tidak dapat merangka pelan strategi dan menetapkan sasaran pendapatan syarikat;

- ii. syarikat tidak menyediakan bajet tahunan yang menyebabkan pengukuran prestasi pendapatan dan perbelanjaan bagi operasi tahunannya tidak dapat dilakukan;
- iii. polisi dan prosedur kerja berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan penternakan rusa serta pengurusan ladang yang disediakan tidak mencukupi yang menyebabkan syarikat tidak memenuhi amalan terbaik pengurusan penternakan rusa; dan
- iv. amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan seperti penubuhan Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit, Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) tidak ditetapkan, rancangan korporat dan perancangan strategik sebagai mekanisme bagi memastikan hala tuju LTSB yang jelas selaras dengan matlamat syarikat ditubuhkan juga tidak disediakan.

#### 4.5.1. Prestasi Kewangan

4.5.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan LTSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat ini yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti di **Jadual 4.1**. berikut :

**JADUAL 4.1**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BUTIRAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
Perolehan Operasi	110,460	121,230	526,906
Lain-lain Pendapatan	2,408	1,591	1,071
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>112,868</b>	<b>122,821</b>	<b>527,977</b>
Kos Jualan	94,718	-	-
Perbelanjaan Pentadbiran	24,673	55,467	56,929
Perbelanjaan Operasi	-	136,809	136,734
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>119,391</b>	<b>192,276</b>	<b>193,663</b>
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)SEBELUM CUKAI</b>	<b>(6,523)</b>	<b>(69,455)</b>	<b>334,314</b>
Hasil/(Belanja) Cukai	693	1,211	59,086
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI</b>	<b>(5,830)</b>	<b>(68,244)</b>	<b>275,228</b>
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL</b>	<b>190,548</b>	<b>122,304</b>	<b>397,532</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>968,463</b>	<b>1,011,262</b>	<b>1,358,017</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>889,949</b>	<b>888,956</b>	<b>960,483</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>190,550</b>	<b>122,306</b>	<b>397,534</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>1,080,499</b>	<b>1,011,262</b>	<b>1,358,017</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR</b>	<b>460,662</b>	<b>267,108</b>	<b>270,037</b>


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

4.5.1.2. Pendapatan utama LTSB adalah hasil jualan rusa sama ada secara karkas atau hidup. Hasil analisis Audit terhadap trend pendapatan LTSB menunjukkan berlaku peningkatan pendapatan daripada RM110,460 pada tahun 2014 kepada RM121,230 pada tahun 2015. Bagi tahun 2016 juga berlaku peningkatan pendapatan kepada RM526,906 berbanding RM121,230 pada tahun 2015 disebabkan permintaan yang tinggi pada musim perayaan tahun tersebut. Selain itu, bermula pada tahun kewangan 2016, Penyata Kewangan LTSB telah menggunakan standard piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* MPERS seperti *Fair Value Gain Of Consumable Biological Assets* (FVGCBA) telah diiktiraf sebagai pendapatan operasi ternakan rusa di mana pelarasan yang dibuat turut melibatkan pendapatan tahun kewangan 2015. Jumlah FVGCBA yang direkodkan adalah RM21,000 (2015) dan RM386,250 (2016). Trend pendapatan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.

4.5.1.3. Perbelanjaan LTSB pula terdiri daripada kos operasi dan kos pentadbiran antaranya perbelanjaan penggajian/emolumen kakitangan, susut nilai, bayaran juruaudit dan utiliti. Jumlah perbelanjaan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut ialah RM119,391 pada tahun 2014, RM192,276 tahun 2015 dan RM193,663 tahun 2016. Peningkatan perbelanjaan yang agak ketara pada tahun 2015 antaranya disebabkan perbelanjaan susut nilai aset yang meningkat daripada RM13,522 pada tahun 2014 kepada RM42,423 pada tahun 2015. Trend perbelanjaan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.


4.5.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan terhadap keuntungan LTSB. LTSB telah mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi dua tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM6,523 pada tahun 2014 dan RM69,455 pada tahun 2015. Pada tahun 2016, LTSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM334,314 dan keuntungan terkumpul syarikat pada akhir tahun 2016 telah meningkat kepada RM397,532 berbanding RM122,304 pada tahun sebelumnya. Kerugian dua tahun berturut-turut ini antaranya disebabkan kemerosotan hasil jualan rusa pada tahun 2014 dan 2015. Keuntungan LTSB pada tahun 2016 pula disebabkan pelarasan terhadap persembahan Penyata Kewangan LTSB Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 31 Disember 2016 berdasarkan kehendak MPERS di mana pada tahun kewangan 2016, selain pendapatan daripada jualan rusa, FVGCBA juga telah diiktiraf sebagai pendapatan operasi ternakan rusa. **Jadual 4.1** dan **Carta 4.2** adalah berkaitan.

**CARTA 4.1  
TREND PENDAPATAN DAN  
PERBELANJAAN BAGI  
TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

**CARTA 4.2  
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)  
SEBELUM CUKAI DAN  
KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI  
TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**



4.5.1.5. Analisis Audit juga mendapati LTSB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset syarikat yang melebihi liabiliti bagi tempoh tiga tahun ini. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset LTSB ialah aset biologi yang boleh digunakan dan komponen terbesar bagi liabiliti pula adalah hutang syarikat induk. Didapati LTSB berada pada tahap kecairan yang memuaskan dan menunjukkan syarikat mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara 0.29 hingga satu kali ganda. Selain itu, aset bukan semasa juga dapat menjana antara RM0.12 hingga RM4.16 bagi setiap ringgit yang dilaburkan.

4.5.1.6. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai LTSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2016, LTSB mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM270,037 dengan peningkatan sejumlah RM2,929 (1.1%) berbanding RM267,108 pada akhir tahun 2015.

**Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan di atas, secara keseluruhannya prestasi kewangan LTSB adalah memuaskan.**

#### 4.5.2. Pengurusan Aktiviti

Matlamat asal penubuhan LTSB adalah untuk memudahkan pemantauan pengurusan dan perakaunan aktiviti ladang rusa yang pada asalnya dimiliki oleh

MBI. Aktiviti utama syarikat adalah menternak dan menjual rusa sama ada secara hidup atau secara karkas (telah disembelih dan dilapah). Di awal penubuhan LTSB, setiap rusa hidup dijual pada harga RM1,500 seekor dan RM30 setiap kilogram (kg) bagi jualan secara karkas. Bagaimanapun bermula pada tahun 2016, ALP telah memutuskan untuk menaikkan harga jualan rusa hidup pada kadar RM2,300 seekor dan jualan secara karkas kepada RM43 sekilogram. LTSB hanya menjual rusa betina yang berusia antara satu hingga tiga tahun dengan purata berat antara 30 kg hingga 45 kg. Penetapan kadar harga jualan dibuat dengan mengambil kira harga pasaran setempat setelah mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS).

#### 4.5.2.1. Jualan dan Pembiakan Rusa

- a. Berdasarkan Laporan Bulanan Ternakan Rusa yang disediakan LTSB, bilangan rusa yang dijual dan hasil jualan tersebut bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 berjumlah 246 ekor dan RM351,346 seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2**  
**LAPORAN JUJALAN RUSA LTSB BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	JUJALAN RUSA				JUJALAN (Ekor)	HASIL JUJALAN (RM)
	SECARA HIDUP		SECARA KARKAS			
	(Ekor)	(RM)	(KG)	(RM)		
2014	30	45,000	2,182	65,460	88	110,460
2015	29	43,500	1,891	56,730	78	100,230
2016	20	46,000	2,201	94,656	80	140,656
<b>JUJALAN</b>	<b>79</b>	<b>134,500</b>	<b>6,274</b>	<b>216,846</b>	<b>246</b>	<b>351,346</b>

Sumber: Laporan Bulanan Ternakan Rusa LTSB

- b. Berdasarkan jadual di atas, sejumlah 30, 29 dan 20 ekor rusa telah dijual secara hidup pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Selain itu, jumlah rusa yang dijual secara karkas bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah masing-masing sebanyak 2,182 kg, 1,891 kg dan 2,201 kg. Semakan Audit mendapati berlaku penurunan terhadap prestasi jualan pada tahun 2015 sebanyak 9.3% kepada RM100,230 berbanding sejumlah RM110,460 pada tahun 2014 dan meningkat semula sebanyak 40.3% kepada RM140,656 pada tahun 2016. Peningkatan jualan pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh semakan semula kadar harga jualan rusa hidup dan karkas. Bagaimanapun tiada peningkatan yang ketara dari segi bilangan rusa yang dijual.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati LTSB tidak menyediakan perancangan ataupun strategi tertentu seperti kaedah pemasaran serta sasaran jualan untuk meningkatkan hasil jualan syarikat. Oleh itu, syarikat tidak membuat penilaian prestasi jualan rusa memandangkan tiada sasaran tertentu ditetapkan LTSB.

## Maklum Balas LTSB yang Diterima pada 25 Ogos 2017

*Pada dasarnya LTSB ditubuhkan sebagai sebuah entiti corporate social responsibility (CSR) yang mana pihak MBI tidak berhasrat untuk menjadikan syarikat sebagai sebuah syarikat yang berteraskan keuntungan semata-mata. LTSB juga mengakui jualan dan pembiakan rusa di ladang tidak dijadikan KPI kepada syarikat sepanjang LTSB beroperasi disebabkan syarikat bertanggungjawab menguruskan kelangsungan hidupan rusa yang sedia ada dengan menggunakan kaedah penternakan secara tradisional.*

Pada pendapat Audit, LTSB telah memainkan peranan sebagai sebuah syarikat CSR dalam tempoh masa yang lama dan seharusnya beralih ke fasa seterusnya iaitu meningkatkan hasil jualan kerana syarikat telah beroperasi selama 11 tahun.

- d. Jenis rusa yang diternak oleh LTSB kesemuanya terdiri daripada baka *Cervus Timorensis* kerana rusa daripada jenis ini lebih mudah diternak disebabkan kurang risiko serangan penyakit dan kos harian yang rendah serta hanya diberi rumput daripada jenis *guinea* sebagai sumber makanan utama. Semakan Audit mendapati tiada sasaran kelahiran rusa ditetapkan dan tiada sasaran bagi mencegah jumlah rusa yang akan mati dalam tempoh masa tertentu dengan mengambil kira trend kematian tahun-tahun sebelumnya. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, bilangan rusa yang lahir dan mati masing-masing adalah sejumlah 312 ekor dan 44 ekor seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.3**  
**KELAHIRAN DAN KEMATIAN RUSA LTSB**  
**BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2016**

TAHUN	BILANGAN RUSA	
	LAHIR (Ekor)	MATI (Ekor)
2014	67	6
2015	74	20
2016	171	18
<b>JUMLAH</b>	<b>312</b>	<b>44</b>

Sumber: Laporan Bulanan Ternakan Rusa LTSB

- e. Berdasarkan **Jadual 4.3**, sejumlah 67 ekor rusa telah lahir pada tahun 2014, 74 ekor pada tahun 2015 dan 171 ekor pada tahun 2016. Selain itu, jumlah rusa yang mati bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah enam ekor, 20 ekor dan 18 ekor. Pihak Audit mendapati berlaku peningkatan setiap tahun terhadap kelahiran rusa iaitu sebanyak 10.4% pada tahun 2015 dan meningkat sebanyak 131.1% kepada 171 ekor pada tahun 2016.

- f. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah kelahiran rusa yang direkodkan pada bulan Mac dan April 2016 iaitu sebanyak 55 ekor adalah tinggi berbanding dengan trend rekod kelahiran rusa bagi bulan sebelumnya yang mana, trend jumlah kelahiran rusa hanyalah antara satu hingga 11 ekor sebulan. Pihak Audit mendapati pada bulan Mac dan April 2016 tersebut, pengiraan stok rusa sedang dijalankan oleh Juruaudit Er & Associates bagi pengesahan penyata kewangan syarikat. Ini menunjukkan bahawa rekod bilangan rusa pada bulan Februari 2016 dan sebelumnya adalah tidak kemas kini. Semakan terhadap bilangan rusa yang mati pula adalah sebanyak enam ekor rusa pada tahun 2014, 20 ekor pada tahun 2015 dan 18 ekor pada tahun 2016. Pihak Audit dimaklumkan oleh pekerja ladang LTSB keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor luaran seperti keadaan cuaca, usia dan kesihatan rusa. Kematian rusa ini telah menyebabkan LTSB kerugian hasil jualan sejumlah RM80,400. Pengiraan dibuat berdasarkan harga jualan rusa secara hidup iaitu RM1,500 seekor bagi rusa yang mati pada tahun 2014 dan 2015 serta RM2,300 seekor bagi rusa yang mati pada tahun 2016.
- g. Pihak Audit tidak dapat membuat semak silang antara jumlah yang dilaporkan dalam Laporan Bulanan Ternakan Rusa dengan jumlah fizikal di ladang kerana kesemua rusa milik LTSB tidak dilabel (*tagging*) seperti yang sepatutnya. (**Gambar 4.1** adalah berkaitan) Selain itu, jumlah yang direkodkan juga tidak menyatakan maklumat jantina dan usia rusa. Bilangan rusa, umur dan jantina yang mati juga tidak dapat disahkan kerana tiada Sijil Kematian atau bukti lain seperti rekod pelupusan diselenggarakan.



**GAMBAR 4.1**

Taman Pertanian Universiti, UPM  
- Contoh *Tagging* yang Digunapakai Untuk  
Merekod Nombor Pengenaln Rusa  
(03.05.2017)

- h. Semakan selanjutnya mendapati keadaan ini disebabkan LTSB hanya membuat pengiraan stok rusa setahun sekali dan kedudukan rusa yang berselerak yang sepatutnya ditempatkan mengikut plot kawasan padang ragut tidak dilaksanakan adalah antara faktor menyukarkan proses pengiraan.
- i. Keadaan ini boleh mendedahkan kepada risiko kehilangan dan kecurian rusa memandangkan rekod sedia ada tidak dikemas kini dari semasa ke semasa

yang boleh menyebabkan rusa hilang dan sukar dikesan oleh LTSB bagi tempoh yang singkat.


### **Maklum Balas LTSB yang Diterima pada 25 Ogos 2017**

*Penternakan rusa LTSB merupakan pilot project yang dibuat secara tradisional atas kehendak MBI dan kaedah konvensional tidak diamalkan di ladang ternakan LTSB kerana hasrat YAB Menteri Besar untuk menjadikan ladang ternakan LTSB sebagai eco tourism.*

Pada pendapat Audit, pengurusan jualan dan pembiakan rusa adalah tidak memuaskan kerana maklumat berkaitan bilangan rusa yang diselenggarakan hanya dapat disahkan setelah pemeriksaan dibuat setahun sekali.

#### **4.5.2.2. Pengurusan Ladang Ternakan**

Semua rusa milik LTSB ditempatkan di ladang ternakan seluas 44 hektar (108 ekar), merangkumi sepuluh plot padang ragut yang berada di Kampung Juasseh Tengah, Kuala Pilah seperti **Rajah 4.1**. Antara komponen yang terdapat di ladang tersebut adalah dua unit kuarters kakitangan, satu unit pejabat/stor/bilik rehat pekerja dan satu unit rumah gelap. Semakan Audit terhadap pengurusan ladang ternakan LTSB adalah seperti berikut:



Kawasan Ladang Ternakan Rusa LTSB  
(Sumber: LTSB)

#### **a. Infrastruktur Ladang Ternakan Kurang Memuaskan**

- i. Persekitaran dan topografi yang sesuai dengan tabiat semula jadi rusa yang liar merupakan antara elemen yang perlu diambil kira dalam penyediaan infrastruktur padang ragut untuk ternakan rusa.



Memandangkan aktiviti utama LTSB adalah ternakan rusa, sumber rujukan utama yang boleh dijadikan tanda aras adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Pihak Audit telah menghubungi JPV Negeri Sembilan dan mendapati tiada garis panduan tertentu yang ditetapkan oleh JPV mengenai infrastruktur padang ragut ternakan rusa. Pihak Audit telah mengadakan lawatan ke Bahagian Operasi Perkhidmatan Sokongan, Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 3 Mei 2017 bagi mendapatkan rujukan/amalan terbaik berkenaan ternakan rusa untuk dijadikan perbandingan dan mendapati UPM ada menyediakan Panduan Ternakan Rusa yang mula diguna pakai sejak 1 April 2011.

- ii. Berdasarkan kepada buku panduan tersebut, ladang ternakan rusa yang baik perlu dilengkapi dengan lorong pengumpulan, kandang pengumpulan, pasung, rumah gelap, padang ragut (padok), bangsal/tempat berteduh untuk meletak makanan tambahan/garam galian, kolam mandi/lopak/paya air bersih, pokok untuk berteduh dan sekitar kawasan ladang perlu di pagar dengan pagar berkualiti dan tahan lasak (*cyclone*) serta tidak mudah berkarat. Ketinggian pagar sekeliling yang sepatutnya adalah 2.6 meter dan pagar padok pula dua meter dari paras tanah.
- iii. Pihak Audit telah membuat lawatan ke Taman Pertanian Universiti, UPM pada 3 Mei 2017 bagi membuat perbandingan amalan ternakan rusa berbanding yang dilaksanakan oleh LTSB dan mendapati perkara-perkara seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.4**  
**PERBANDINGAN AMALAN TERBAIK UPM**  
**DAN AMALAN LTSB BAGI TERNAKAN RUSA**

AMALAN TERBAIK	Ada (/) / Tiada (X)		CATATAN
	UPM	LTSB	
Lorong Pengumpulan	/	/	Fungsi lorong pengumpulan adalah untuk memudahkan rusa dialihkan dari satu padok ke padok yang lain dan juga untuk menghalakan rusa ke arah rumah gelap.
Kandang Pengumpulan	/	/	Fungsi kandang pengumpulan adalah untuk mengumpul rusa secara berkelompok sebelum dialihkan ke padok yang lain.
Pasung	/	X	Fungsi pasung adalah untuk menahan badan ternakan agar tidak mudah melompat/meronta ketika diberikan rawatan.
Rumah Gelap	/	/	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rumah gelap yang disediakan LTSB berada dalam keadaan usang serta tidak mematuhi spesifikasi gelap yang ditetapkan seperti di <b>Gambar 4.2</b>.</li> <li>• Struktur dinding rumah gelap seeloknya dibina daripada separuh papan lapis yang tebal dan separuh konkrit serta dicat dengan warna hitam.</li> <li>• Tujuan rumah gelap ini dibina adalah untuk memudahkan rusa ditangkap bagi tujuan pemeriksaan rawatan, sembelihan dan pemindahan. Rusa akan menjadi jinak dan mudah dikawal sekiranya berada dalam keadaan sunyi dan gelap.</li> </ul>
Pagar Padok Yang Tahan Lasak	/	/	Kebanyakan pagar padok LTSB telah rosak seperti <b>Gambar 4.4</b>

AMALAN TERBAIK	Ada (/) / Tiada (X)		CATATAN
	UPM	LTSB	
(Cyclone)			
Padang Ragut Lengkap Dengan Bangsal/Tempat Berteduh Dan Kolam Mandi/Lopak/Paya Air Bersih	/	X	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bangsai/tempat berteduh adalah untuk meletak makanan tambahan/garam galian.</li> <li>Kolam mandi/lopak/paya air bersih diperlukan kerana habitat asal rusa yang suka berkubang.</li> <li>Padang ragut LTSB ada disediakan tetapi tidak dilengkapi dengan bangsal/tempat berteduh dan kolam mandi/ lopak/ paya air bersih seperti <b>Gambar 4.6</b>.</li> </ul>
Pokok Untuk Berteduh	/	/	Pokok diperlukan bagi membolehkan rusa berteduh semasa keadaan cuaca yang panas.

Sumber: Buku Panduan Ternakan Rusa UPM dan Hasil Lawatan Fizikal

**GAMBAR 4.2**



Ladang Ternakan Rusa LTSB, Kuala Pilah  
- Keadaan Rumah Gelap yang Telah Usang  
(14.03.2017)

**GAMBAR 4.3**



Taman Pertanian Universiti, UPM  
-Rumah Gelap yang Sepatutnya Disediakan di Ladang Ternakan Rusa  
(03.05.2017)

**GAMBAR 4.4**



Ladang Ternakan Rusa LTSB, Kuala Pilah  
- Pagar Padok yang Telah Rosak  
(14.03.2017)

**GAMBAR 4.5**



Taman Pertanian Universiti, UPM  
-Pagar Padok yang Sepatutnya Dipasang  
(03.05.2017)

**GAMBAR 4.6**



Ladang Ternakan Rusa LTSB, Kuala Pilah  
-Keadaan Padang Ragut yang Tidak Disenggarakan Dengan Baik  
(14.03.2017)

**GAMBAR 4.7**



Taman Pertanian Universiti, UPM  
-Contoh Padang Ragut yang Disenggarakan Dengan Baik dan Dilengkapi Dengan Lopak Air Serta Khemah Berteduh  
(03.05.2017)

## b. Penjagaan Kesihatan Rusa

- i. Selain rumput sebagai makanan utama, rusa juga perlu diberikan makanan tambahan seperti bahan hasil pemprosesan kacang soya, *deer pellet* dan garam galian untuk menambah selera makan rusa. Rawatan kesihatan mengikut jadual juga penting bagi menghasilkan rusa yang sihat. Antara rawatan kesihatan yang dilaksanakan adalah pemberian ubat cacing dua kali setahun, vaksin penyakit kuku dan mulut dan rawatan kesihatan biasa.
- ii. Semakan Audit mendapati LTSB tidak mempunyai daftar lengkap berkenaan pemberian vaksin dan prosedur pemeliharaan seperti pemberian makanan tambahan serta mengadakan program rawatan berkala terhadap rusa peliharaannya. Selain itu, pihak Audit juga telah menghubungi pihak JPV Daerah Kuala Pilah dan dimaklumkan JPV Kuala Pilah tidak pernah menjalankan pemeriksaan terhadap ternakan rusa LTSB dan pemberian vaksin juga tidak pernah dibuat. Lawatan dan pemberian vaksin hanya akan diberikan oleh pihak JPV sekiranya pihak syarikat mengemukakan permohonan.

## c. Pengurusan Stor dan Keselamatan di Ladang

- i. Lawatan Audit pada 14 Mac 2017 ke stor penyimpanan LTSB mendapati 12 blok garam galian iaitu makanan tambahan rusa yang belum digunakan dan merupakan stok lama yang disimpan bersebelahan dengan stok baja serta alat penyembur racun seperti **Gambar 4.8**. Semakan Audit terhadap rekod baucar bayaran LTSB mendapati tiada perolehan garam galian dibuat selepas tahun 2014 sehingga tarikh lawatan Audit. Stok garam galian yang lama dan terdedah dengan bahan beracun ini dikhuatiri boleh mengakibatkan garam galian tercemar dan memberikan kesan sampingan yang tidak baik kepada rusa.



**GAMBAR 4.8**

Ladang Ternakan Rusa LTSB, Kuala Pilah  
-Garam Galian Diletakkan Bersebelahan  
Baja dan Alat Penyembur Racun  
(14.03.2017)

- ii. Lawatan Audit di kawasan ladang LTSB mendapati tiada pengawal keselamatan ditempatkan di pintu masuk utama ladang. Bagaimanapun pagar utama dikunci dan hanya pekerja ladang, wakil LTSB dan pegawai

MBI serta pembeli yang dibenarkan memasuki kawasan ladang. Kebenaran masuk hanya diberikan setelah permohonan mereka dikemukakan dan diluluskan oleh pihak pengurusan LTSB. Selain itu, tiada notis larangan mencerooboh dipasang di sekitar kawasan ladang atau pagar dan tiada Laporan Harian Keselamatan disediakan oleh pekerja ladang.

### **Maklum Balas LTSB yang Diterima pada 25 Ogos 2017**

*LTSB mengambil maklum berkaitan pengurusan di ladang ternakan dan akan menambah baik infrastruktur, pengurusan stor, keselamatan dan prosedur pemeliharaan rusa secara berperingkat dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan. Perkara ini juga bergantung dengan kemampuan kewangan syarikat.*

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti ternakan rusa yang dilaksanakan oleh LTSB adalah tidak memuaskan dari segi pengurusan ladang ternakan, keselamatan dan pelaksanaan pemeliharaan kesihatan rusa bagi memenuhi kehendak syarikat terhadap kualiti daging rusa yang dijual seperti yang ditetapkan.**

#### **4.5.3. Tadbir Urus Korporat**

4.5.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diuruskan dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Aspek utama yang dinilai dalam pengauditan tadbir urus adalah mengenai pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah (ALP), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)/Pengarah Urusan, Penubuhan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuan, Audit Dalaman, *Standard Operating Procedures* (SOP) dan Rancangan Korporat/Indeks Petunjuk Prestasi. Antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG), *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook*] , 1PP - WP 7.4 (Pelantikan Lembaga Pengarah BBP Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Subsidiari) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

4.5.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap amalan tadbir urus di LTSB dan penemuan Audit terhadap sembilan aspek amalan tadbir urus penting adalah seperti berikut:

**a. Pengerusi**

- i. Mengikut amalan terbaik, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus baik, Pengerusi juga hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan risiko konflik kepentingan sepertimana disarankan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [*Handbook*].
- ii. Semakan Audit mendapati LTSB tidak membuat lantikan Pengerusi dan hanya membuat lantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP).

**Pada pendapat Audit, pelantikan Pengerusi LTSB adalah perlu dan peranan serta tanggungjawab beliau juga hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam surat pelantikan.**

**b. Lembaga Pengarah**

- i. Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi ALP mendapati hanya tiga daripada lapan amalan terbaik yang diamalkan oleh LTSB telah dilaksanakan dengan baik seperti berikut:
  - komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi sepuluh orang [*Green Book* perenggan 1.1.1];
  - Lembaga Pengarah telah dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat [*Green Book* perenggan 1.1.4]; dan
  - ALP berada dalam komposisi tidak melebihi sembilan tahun bagi mengekalkan status bebas [MCCG 2012, *principal 3, recommendation 3.2*].

- ii. Bagaimanapun pihak Audit mendapati perkara seperti berikut tidak dilaksanakan berdasarkan amalan terbaik MCCG 2012 iaitu:
- bilangan ALP LTSB adalah seramai dua orang di mana keduanya merupakan pengarah bukan eksekutif dan tidak bebas, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
  - tiada Mesyuarat ALP diadakan dan segala permasalahan melibatkan LTSB hanya dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah MBI yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Keadaan ini menyebabkan ALP LTSB tidak mempunyai kuasa mutlak untuk mengambil tindakan tertentu terhadap pengurusan LTSB dan boleh menyebabkan risiko percanggahan kepentingan;
  - peranan dan tanggungjawab ALP tidak dinyatakan dengan jelas dalam *Term Of Reference* (TOR)/Surat Pelantikan dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiarinya;
  - tiada bukti program pembelajaran berterusan disertai oleh ALP bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan; dan
  - kod etika rasmi syarikat juga tidak disediakan.

**Pada pendapat Audit, pelantikan dan peranan yang dimainkan oleh ALP LTSB adalah tidak memuaskan. ALP yang dilantik hendaklah bebas supaya tugas dan tanggungjawab fidusiarinya dilaksanakan sepenuhnya ke arah memperkasakan perniagaan syarikat.**

**c. Ketua Pegawai Eksekutif**

- i. Berdasarkan amalan terbaik, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepertimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, MCCG 2012 *principle* 1, *recommendation* 1.1 dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab CEO hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.
- ii. Semakan Audit mendapati LTSB tidak mempunyai CEO dan hanya membuat lantikan Pengurus Ladang yang hanya menumpukan kerja di ladang ternakan sahaja. Tugas dan peranan beliau sebagai Pengurus Ladang serta manfaat yang diperolehi ada dinyatakan dengan jelas dalam surat lantikan.

**Pada pendapat Audit, LTSB hendaklah melantik CEO bagi memandu arah syarikat supaya melaksanakan amalan tadbir urus syarikat yang baik di samping memastikan operasi syarikat dilaksanakan selaras dengan tujuan syarikat ini ditubuhkan.**

**d. Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuhan dan Unit Audit Dalam**

- i. Berdasarkan amalan tadbir urus yang baik, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuhan dan Unit Audit Dalam (UAD) adalah disarankan untuk ditubuhkan .
- ii. Semakan Audit mendapati LTSB ataupun MBI tidak menubuhkan semua jawatankuasa tersebut dan juga UAD untuk membantu meningkatkan kawalan dalaman operasi syarikat.

**Pada pendapat Audit, jawatankuasa berkenaan dan UAD perlu ditubuhkan bagi memastikan amalan tadbir urus yang baik dapat dilaksanakan.**

**e. *Standard Operating Procedures***

- i. *Standard Operating Procedures* (SOP) perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik bagi meningkatkan kawalan pengurusan yang berkesan, syarikat kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan yang menentukan dengan jelas perkara yang perlu diluluskan atau untuk makluman ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Antara polisi penting yang perlu diwujudkan adalah polisi kewangan.
- ii. Semakan Audit mendapati LTSB tidak mempunyai SOP sama ada dalam mengawal urusan kewangan, pengurusan aset syarikat ataupun pengurusan ladang.

**Pada pendapat Audit, LTSB perlu menyediakan polisi dan prosedur kerja sebagai panduan dalam menjalankan operasi syarikat dengan lebih teratur. Polisi dan prosedur tersebut perlulah sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa supaya kecekapan pengurusan operasi dapat ditingkatkan.**

**f. Pelan Strategik, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama**

- i. Mengikut amalan terbaik MCCG 2012 (Prinsipal 1, saranan 1.2) menyarankan antara tugas ALP adalah meneliti dan meluluskan pelan

strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Selain itu, syarikat kerajaan juga perlu menyediakan atau mengemas kini rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat yang baik dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.

- ii. Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat kerajaan perlu menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlu berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan. KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat daripada kakitangan sehinggalah ALP.
- iii. Semakan Audit mendapati LTSB tidak menyediakan Pelan Strategik ataupun Rancangan Korporat bagi merangka hala tuju syarikat. KPI juga tidak disediakan untuk mengukur prestasi syarikat.

**Pada pendapat Audit, LTSB perlu menyediakan Pelan Strategik ataupun Rancangan Korporat bagi menentukan hala tuju syarikat. Selain itu, KPI juga perlu disediakan bagi membantu syarikat menetapkan sasaran seperti unjuran jualan rusa pada setiap tahun.**

#### **Maklum Balas LTSB yang Diterima pada 25 Ogos dan 21 September 2017**

*LTSB akan mengkaji semula kesesuaian pekeliling-pekeliling Kerajaan sedia ada secara berperingkat dan sekiranya bersesuaian akan diusulkan dalam Mesyuarat ALP untuk diterima pakai oleh pihak syarikat. Lantikan Pengerusi ALP dan Ketua Pegawai Eksekutif dan penyediaan Rancangan Korporat akan diperhalusi mengikut kesesuaian serta keperluannya dengan syarikat yang tidak beroperasi secara korporat. Bermula tahun 2018, ALP LTSB akan menerima pakai UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri Sembilan bagi memantau kawalan dalaman operasi syarikat. Selain itu, LTSB dalam proses menyediakan SOP secara berperingkat terutamanya melibatkan*



*pengurusan kewangan dan pengurusan ladang dengan merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan bagi menambah baik operasi. SOP yang disediakan akan dibentangkan kepada ALP untuk diterima pakai bermula tahun 2018.*

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya amalan tadbir urus LTSB adalah tidak memuaskan kerana beberapa aspek tadbir urus yang penting tidak dilaksanakan.**

#### **4.6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan objektif penubuhan Lambang Tunas Sdn. Bhd. (LTSB) dapat dicapai sepenuhnya serta Menteri Besar Diperbadankan (MBI) sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan LTSB mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.6.1. menyediakan garis panduan/prosedur berkaitan pengurusan kewangan, aktiviti pengurusan ternakan rusa dan tadbir urus korporat sebagai panduan dan rujukan pelaksanaan tugas;
- 4.6.2. menyediakan perancangan, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan hala tuju syarikat agar sasaran jualan rusa dapat ditetapkan serta ada inisiatif dilakukan untuk mencapai sasaran jualan tersebut; dan
- 4.6.3. memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan MBI dan Kerajaan Negeri.

# YAYASAN NEGERI SEMBILAN

## 5. YNS MANAGEMENT SDN. BHD.

### 5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. YNS Management Sdn. Bhd. (YNSM) merupakan syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (YNS). Syarikat telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 22 Februari 1992. Sehingga 31 Disember 2016, modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM500,000. Penubuhan YNSM bertujuan untuk menjalankan perniagaan seperti perkhidmatan pencucian/pembersihan bangunan, landskap, penyenggaraan, urus niaga saham dan mengendalikan seminar/kursus pengurusan. Visi YNSM adalah untuk menjadi sebuah organisasi khidmat pengurusan dan pembersihan yang unggul di Negeri Sembilan. YNSM beroperasi di Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, Seremban.

5.1.2. Syarikat diterajui oleh empat orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban sebagai Pengerusi, manakala Pengarah YNS, Pegawai Pelaburan YNS dan seorang ahli perniagaan sebagai ahli. Pengurusan YNSM pula diuruskan oleh 17 orang kakitangan iaitu seorang Pengurus Syarikat dan dibantu oleh seorang Penolong Pengurus, seorang Kerani Pentadbiran serta 14 orang pekerja am. Pengurusan YNSM adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

### 5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus YNSM adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya.

### 5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017. Bagi pengurusan aktiviti, dua aktiviti syarikat telah dipilih untuk diaudit iaitu perkhidmatan pencucian/pembersihan bangunan dan perkhidmatan penyenggaraan kerana merupakan aktiviti penyumbang utama kepada pendapatan operasi syarikat.

#### **5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan YNSM bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Laporan Juruaudit Tanpa Teguran oleh Tetuan Mohd Noh & Co. Penilaian ini melibatkan empat analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti dan analisis nisbah kewangan. Bagi pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus, kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai YNSM juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset/stok termasuk lawatan ke lokasi pencucian/penyenggaraan dijalankan untuk mengesahkan kewujudan dan keadaan aset/stok yang berkaitan. Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 7 Julai 2017 yang dipengerusikan oleh Pengarah Audit Negeri Sembilan. Antara pegawai yang turut hadir adalah Pengurus, Penolong Pengurus dan Pegawai Kewangan YNSM.

#### **5.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati prestasi kewangan YNSM adalah memuaskan dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut menjadikan keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2016 berjumlah RM300,720. Selain itu, pengurusan aktiviti syarikat dan aspek tadbir urus adalah pada tahap memuaskan. Pihak Audit mendapati beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik seperti ringkasan berikut:

- i. jadual pencucian di kawasan utama tidak direkodkan masa pencucian harian yang menyebabkan kerja pemantauan sukar dilakukan;
- ii. pekerja pencucian dan penyenggaraan tidak dilindungi polisi insurans pampasan pekerja;
- iii. terdapat tanaman yang telah mati/tidak subur tidak diganti oleh pekerja YNSM; dan
- iv. beberapa amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan.

##### **5.5.1. Prestasi Kewangan**

5.5.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan YNSM bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat ini yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti **Jadual 5.1**.

**JADUAL 5.1**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BUTIRAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
Perolehan Operasi	1,173,421	545,342	625,933
Lain-lain Pendapatan	17,919	33,594	18,206
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>1,191,340</b>	<b>578,936</b>	<b>644,139</b>
Kos Langsung	10,461	6,748	11,675
Perbelanjaan Operasi	728,739	465,750	500,386
Kos Kewangan	386	1,020	338
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>739,586</b>	<b>473,518</b>	<b>512,399</b>
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>451,754</b>	<b>105,418</b>	<b>131,740</b>
Hasil/(Belanja) Cukai	10,782	(55,734)	(27,130)
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>	<b>462,536</b>	<b>49,684</b>	<b>104,610</b>
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL</b>	<b>146,426</b>	<b>196,110</b>	<b>300,720</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>674,214</b>	<b>738,568</b>	<b>793,361</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>27,788</b>	<b>42,458</b>	<b>32,641</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>646,426</b>	<b>696,110</b>	<b>760,720</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>674,214</b>	<b>738,568</b>	<b>793,361</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>406,563</b>	<b>612,332</b>	<b>665,415</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016


5.5.1.2. Pendapatan utama YNSM adalah hasil perkhidmatan pencucian/pembersihan bangunan, kerja penyenggaraan, keuntungan jualan saham dan lain-lain pendapatan. Analisis Audit terhadap trend pendapatan YNSM menunjukkan berlaku penurunan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 antaranya disebabkan pengurangan keuntungan penjualan saham sejumlah RM527,776. Ini adalah kerana pihak pengurusan YNSM mengambil keputusan untuk menjual kesemua saham yang dibeli dan hanya memberi tumpuan kepada aktiviti pencucian dan penyenggaraan. Pada tahun 2014 juga terdapat hasil daripada Program Inkubator-Kulinari secara *one-off* berjumlah RM48,261 yang mana hasil ini tidak diterima pada tahun 2015 dan 2016. Seterusnya, trend pendapatan YNSM menunjukkan peningkatan sejumlah RM65,203 pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 disebabkan pertambahan kontrak pencucian/pembersihan yang diperolehi syarikat. Trend pendapatan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 5.1** dan **Carta 5.1**.

5.5.1.3. Perbelanjaan YNSM pula terdiri daripada kos jualan, kos kewangan, perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan operasi antaranya penggajian/emolumen kakitangan, susut nilai dan aktiviti senggaraan hartanah, loji serta kelengkapan. YNSM mencatat perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masing berjumlah RM739,586, RM473,518 dan RM512,399. Berlangsung penurunan jumlah perbelanjaan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 antaranya disebabkan oleh pembayaran yuran pengurusan kepada YNS sejumlah RM200,000 dibuat pada tahun 2014 dan tiada bayaran yuran


pengurusan dikenakan pada tahun 2015 dan 2016. Selain itu, terdapat perbelanjaan secara *one-off* untuk tujuan Kursus Kulinari pada tahun 2014 yang berjumlah RM47,000. Pada tahun 2016 pula, berlaku peningkatan jumlah perbelanjaan berbanding tahun 2015 antaranya disebabkan peningkatan perbelanjaan penggajian/emolumen sejumlah RM107,111.

5.5.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan terhadap keuntungan YNSM. YNSM telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM451,754, RM105,418 dan RM131,740 pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Walaupun mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut, kadar keuntungan tersebut berkurangan sebanyak 76.7% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Pada tahun 2016, keuntungan syarikat kembali meningkat sebanyak 25% berbanding tahun 2015. Ini telah menyebabkan syarikat mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM300,720 pada akhir tahun 2016. **Jadual 5.1** dan **Carta 5.2** adalah berkaitan.

**CARTA 5.1**  
**TREND PENDAPATAN DAN**  
**PERBELANJAAN BAGI**  
**TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**



**CARTA 5.2**  
**TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)SEBELUM**  
**CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI**  
**TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

5.5.1.5. Analisis Audit juga mendapati YNSM mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset syarikat yang melebihi liabiliti bagi tempoh tiga tahun ini. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset YNSM ialah hartanah, loji dan kelengkapan dan komponen terbesar bagi liabiliti pula adalah pemiutang. Didapati YNSM berada pada tahap kecairan yang tidak memuaskan kerana kadar kecairan yang terlalu tinggi di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara 18 hingga 26 kali ganda walaupun syarikat mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya pada bila-bila masa. Selain itu, aset bukan semasa dapat menjana antara RM13

hingga RM31.50 bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Pengurusan kredit YNSM pula didapati cekap kerana hanya mengambil purata antara tiga hingga lima hari untuk mengutip hutang.

5.5.1.6. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai YNSM bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2016, YNSM mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM665,415 dengan peningkatan sejumlah RM53,083 (8.7%) berbanding RM612,332 pada akhir tahun 2015.

**Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan di atas, secara keseluruhannya prestasi kewangan YNSM adalah memuaskan.**

### **5.5.2. Pengurusan Aktiviti**

YNSM merupakan sebuah syarikat berorientasikan keuntungan yang menyediakan perkhidmatan pencucian, penjualan saham, kerja penyenggaraan, mengendalikan seminar/kursus dan khidmat pengurusan. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, YNSM telah mencatatkan pendapatan operasi sejumlah RM2.34 juta yang terdiri daripada pendapatan khidmat pencucian sejumlah RM1.44 juta, penjualan saham sejumlah RM552,342, kerja penyenggaraan sejumlah RM295,200, program inkubator sejumlah RM48,261 dan khidmat pengurusan sejumlah RM4,200. Pihak Audit telah memilih aktiviti khidmat pencucian dan kerja penyenggaraan untuk dibuat semakan selanjutnya.

#### **5.5.2.1. Prestasi Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama**

- a. YNSM telah menetapkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pendapatan syarikat mengikut aktiviti utama bagi setiap tahun bermula tahun 2015. Semakan Audit mendapati pada tahun 2015, YNSM telah memperoleh pendapatan hasil perkhidmatan pencucian kurang 8.2% daripada KPI yang ditetapkan. Pada tahun 2016 pula, YNSM berjaya mencapai lebih daripada KPI yang ditetapkan sebanyak 21.3%. Semakan Audit selanjutnya mendapati pendapatan daripada perkhidmatan penyenggaraan pula telah melebihi KPI yang ditetapkan iaitu sebanyak 61.3% dan 17% pada tahun 2015 dan 2016. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.2**  
**PENDAPATAN SEBENAR PERKHIDMATAN PENCUCIAN**  
**DAN PENYENGGARAAN BERBANDING KPI BAGI TAHUN 2015 DAN 2016**

AKTIVITI	SASARAN PENDAPATAN (RM)		PENDAPATAN SEBENAR (RM)		PENCAPAIAN (%)	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Pencucian	440,000	458,000	404,059	555,733	<8.2	>21.3
Penyenggaraan	80,000	60,000	129,000	70,200	>61.3	>17

Sumber: KPI YNSM dan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015 dan 2016

- b. Semasa Mesyuarat *Exit Conference* pada 7 Julai 2017, pihak YNSM memaklumkan bahawa faktor luaran seperti kegagalan mendapatkan kontrak pencucian kerana terpaksa bersaing dengan syarikat pencucian lain yang lebih kompeten, telah menjadi satu punca kegagalan YNSM untuk mencapai sasaran pendapatan daripada aktiviti perkhidmatan pencucian pada tahun 2015. Selain itu, sepanjang tempoh tahun 2015 dan 2016, tiada kontrak perniagaan yang berjaya diperolehi oleh YNSM daripada sektor swasta.

#### **Maklum Balas YNSM yang Diterima pada 19 Julai 2017**

*Pihak YNSM menyatakan punca kegagalan pencapaian KPI pencucian pada tahun 2015 antaranya disebabkan YNSM tidak berjaya mendapatkan tender pencucian di Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban dan kontrak pencucian di Jabatan Perangkaan tidak disambung lagi.*

Pada pendapat Audit, pencapaian KPI YNSM dalam aktiviti perkhidmatan pencucian dan penyenggaraan adalah memuaskan. Bagaimanapun YNSM perlu meningkatkan daya saing dengan syarikat-syarikat lain terutama untuk mendapatkan kontrak dengan pihak swasta.

#### **5.5.2.2. Perkhidmatan Pencucian**

- a. Perkhidmatan pencucian merupakan aktiviti utama syarikat yang menyumbang sejumlah RM1.44 juta (61.6%) kepada pendapatan operasi YNSM bagi tahun 2014 hingga 2016. YNSM menasaskan jabatan/agensi kerajaan/swasta sebagai fokus kumpulan sasaran. Antara jabatan/agensi kerajaan/swasta yang pernah menggunakan khidmat pencucian YNSM adalah Bank Islam (Malaysia) Berhad, Abu Zahar, Syed Mohd Fuad & Partners, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sembilan, Lembaga Muzium Negeri Sembilan serta Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Sembilan. YNSM juga ada menyediakan perancangan syarikat melalui

Rancangan Korporat dan Pelan Strategik untuk meluaskan liputan perkhidmatan pencucian ke daerah-daerah lain selain Seremban.

- b. Semakan Audit mendapati pendapatan yang diperoleh YNSM daripada perkhidmatan pencucian berkurangan sebanyak 16.7% pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, berlaku peningkatan sebanyak 37.5% pada tahun 2016. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Mac 2017, antara kontrak pencucian yang diperoleh syarikat adalah melibatkan kerja pencucian/pembersihan bangunan Yayasan Negeri Sembilan (YNS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Sembilan (LKIMNS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan Lembaga Koko Negara (LKN). Butiran lanjut mengenai kontrak pencucian tersebut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.3**  
**KONTRAK PERKHIDMATAN PENCUCIAN**  
**YANG DIPEROLEH YNSM BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017**

BIL.	AGENSI	LOKASI PENCUCIAN	TEMPOH KONTRAK	HARGA KONTRAK	
				JUMLAH KONTRAK (RM)	(RM/Bulan)
1.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Sembilan	Tingkat 4, Bangunan YNS	01.08.2014 hingga 31.7.2016	15,600.00	650.00
2.	Yayasan Negeri Sembilan	Bangunan YNS Rumah Pangsa Bukit Delima	01.01.2016 hingga 31.12.2017	423,576.00*	17,649.00*
3.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	Tingkat 10, Bangunan YNS	01.01.2016 hingga 31.12.2017	14,400.00	600.00
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	Pusat Dakwah Islamiah, Paroi	01.11.2015 hingga 31.10.2017	396,000.00	16,500.00
5.	Lembaga Koko Negara	Pusat Inovasi Dan Teknologi Koko, Nilai	01.07.2014 hingga 09.02.2017 **	548,010.25	17,677.75

Sumber: Dokumen Perjanjian

Nota: \* - Jumlah kontrak dan bayaran bulanan adalah termasuk bayaran khidmat penyenggaraan

\*\* - Kontrak ditamatkan awal atas permintaan agensi

- c. Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan lanjut terhadap dua kontrak pencucian yang masih berkuat kuasa melibatkan kontrak pencucian JHEAINS dan YNS dan mendapati perkara seperti berikut:

**i. Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Bangunan Milik Yayasan Negeri Sembilan**

Perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan milik YNS adalah merangkumi kerja-kerja pembersihan dan pencucian kesemua tandas (12 unit tandas lelaki dan 12 unit tandas perempuan) di bangunan YNS sebanyak dua kali sehari, mengelap dan pembersihan papan nama, cermin pintu, pemegang pintu, perabot, lantai koridor dan pejabat serta menyedut kotoran permaidani secara harian. Berdasarkan Dokumen



Perjanjian yang dimeterai di antara YNS dan YNSM, polisi insurans pampasan pekerja bagi setiap pekerjaanya dan polisi insurans tanggungan awam hendaklah disediakan. Selain itu, setiap tandas di bangunan YNS juga perlu diletakkan pewangi mengikut kesesuaian. Semakan dan lawatan Audit pada 19 Jun 2017 mendapati kelemahan seperti berikut:

- semua pekerja YNSM yang ditugaskan untuk mencuci dan membersihkan bangunan YNS tidak dilindungi insurans pampasan pekerja dan hanya membuat caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);
- tiada polisi insurans tanggungan awam disediakan;
- semua tandas (24 unit) tidak dibekalkan dengan pewangi;
- tiada jadual pencucian disediakan dan dipamerkan di setiap tandas bagi merekodkan tarikh dan masa pencucian harian dilakukan; dan
- tiada stor penyimpanan peralatan mencuci disediakan dan peralatan mencuci ditempatkan di satu sudut koridor tingkat satu dan lima bangunan YNS seperti **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.3**.

Bagaimanapun, perkara-perkara seperti berikut telah dilaksanakan dengan teratur:

- rekod kehadiran pekerja adalah baik dan dipantau melalui kad perakam waktu;
- jumlah pekerja adalah mencukupi dan terdiri daripada warga tempatan;
- bayaran gaji pekerja telah dibuat dengan teratur mengikut kelayakan masing-masing; dan
- tiada aduan diterima berkaitan salah laku pekerja YNSM atau ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

**GAMBAR 5.1**



Tingkat 1, Bangunan YNS  
- Peralatan Mencuci Disimpan di Tepi Koridor  
(19.06.2017)

**GAMBAR 5.2**



Tingkat 1, Bangunan YNS  
- Peralatan Mencuci Telah Dialihkan  
(07.07.2017)

**GAMBAR 5.3**



Tingkat 5, Bangunan YNS  
- Peralatan Mencuci Disimpan di Tepi Koridor  
(19.06.2017)

**GAMBAR 5.4**



Tingkat 5, Bangunan YNS  
- Peralatan Mencuci Telah Dialihkan  
(20.07.2017)

## ii. Perkhidmatan Pencucian Bangunan dan Membersihkan Kawasan di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi

Skop pencucian di JHEAINS adalah melibatkan kerja pembersihan blok pentadbiran Pusat Dakwah Islamiah, Paroi (PDI), blok akademik, surau, blok asrama putera/puteri, dewan, pusat sumber, makmal/bengkel, pondok jaga, rumah tamu, rumah pengetua dan rumah warden/guru. Klausula 8.1(f) dan (g) dalam dokumen perjanjian menyatakan setiap pekerja perlulah mempunyai pakaian seragam yang bersesuaian dan YNSM perlu melantik seorang penyelia bagi mengawasi pelaksanaan perkhidmatan. Selain itu, Klausula 11.1 pula menyatakan pihak YNSM perlu memastikan dalam tempoh kontrak, setiap pekerja dilindungi insurans pampasan pekerja/insurans liabiliti pekerja. Semakan dan lawatan Audit ke semua blok dan lokasi di PDI pada 12 Mei 2017 mendapati YNSM telah melaksanakan semua skop kerja yang telah ditetapkan dalam perjanjian kecuali perkara berikut:

- tiada jadual pencucian disediakan dan dipamerkan di setiap tandas PDI bagi merekodkan tarikh dan masa pencucian harian dilakukan; dan

- semua pekerja YNSM yang ditugaskan di PDI tidak dilindungi insurans pampasan pekerja/insurans liabiliti pekerja dan hanya membuat caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Bagaimanapun, perkara-perkara seperti berikut telah dilaksanakan dengan teratur:

- semua pekerja YNSM yang ditugaskan di lokasi tersebut memakai pakaian seragam yang bersesuaian;
- seorang penyelia telah ditugaskan untuk mengawasi tugas pencucian;
- buku daftar stok peralatan mencuci dan rekod keluar masuk telah diselenggarakan dengan baik serta disemak oleh Penolong Pengurus dari semasa ke semasa;
- rekod kehadiran pekerja adalah baik dan dipantau melalui kad perakam waktu;
- bayaran gaji pekerja telah dibuat dengan teratur mengikut kelayakan masing-masing;
- tiada aduan diterima berkaitan salah laku pekerja YNSM atau ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan; dan
- peralatan mencuci berada dalam keadaan baik dan disimpan dengan teratur.

### **Maklum Balas YNSM yang Diterima pada 5 Julai 2017**

*Pihak YNSM ada menyediakan pewangi di setiap tandas di bangunan YNS pada peringkat awal tetapi kebanyakannya hilang/dicuri dalam tempoh dua hingga tiga hari. Pada masa kini YNSM hanya menyembur pewangi sahaja di setiap tandas berkenaan. Selain itu, polisi insurans pampasan pekerja dan tanggungan awam telah diambil berkuat kuasa 1 Julai 2017. YNSM juga telah mengambil tindakan menyediakan jadual pencucian dan dipamerkan di setiap tandas terlibat. Peralatan mencuci juga telah dialihkan dan ditempatkan di lokasi yang lebih sesuai.*

Pada pendapat Audit, kerja-kerja pencucian di bangunan YNS dan Pusat Dakwah Islamiah adalah memuaskan. Bagaimanapun, YNSM hendaklah memastikan kualiti perkhidmatan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pelanggan.

### 5.5.2.3. Kerja Penyenggaraan

- a. Kerja penyenggaraan merupakan aktiviti ketiga yang menyumbang sejumlah RM295,200 (12.6%) kepada pendapatan operasi syarikat. Kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh YNSM hanyalah melibatkan kerja-kerja landskap bangunan YNS seperti mencantas dahan, mencabut daun yang telah mati/rosak, menyiram pokok, menabur baja dan menukar bunga hiasan dalam pejabat. Selain YNS, syarikat juga ada menyediakan rancangan strategik untuk memasuki pasaran jabatan/agensi lain selain YNS di masa akan datang.
- b. Semakan Audit mendapati pendapatan yang diperoleh YNSM daripada kerja-kerja penyenggaraan telah meningkat daripada RM96,000 pada tahun 2014 kepada RM129,000 pada tahun 2015. Bagaimanapun, berlaku penurunan kepada RM70,200 pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 disebabkan pihak YNS telah mengurangkan kadar bayaran kontrak penyenggaraan bulanan daripada RM10,000 sebulan kepada RM5,850 sebulan. Keputusan ini ditetapkan dalam mesyuarat ALP YNS yang berpendapat YNSM mempunyai kedudukan kewangan yang baik serta mampu bersaing di pasaran. Kadar baru juga ini tidak menjejaskan skop kerja YNSM dan telah mendapat persetujuan kedua-dua pihak.
- c. Pihak Audit telah membuat semakan terhadap Dokumen Perjanjian yang dimeterai antara YNSM dan YNS. Hasil semakan mendapati pihak YNSM antaranya perlu memastikan dalam tempoh kontrak, setiap pekerjanya dilindungi insurans pampasan pekerja/insurans liabiliti pekerja. Selain itu, polisi insurans tanggungan awam juga perlu disediakan. Semakan Audit juga mendapati antara skop kerja harian pekerja adalah memastikan semua bunga/pokok hiasan berkeadaan baik, mencantas dahan dan mencabut daun yang telah mati/rosak, memungut dan mengutip daun-daun kering serta mencabut rumput/tumbuhan liar di sekitar kawasan landskap. Skop kerja mingguan pula adalah menabur baja bersesuaian untuk semua pokok bunga yang dibekalkan.
- d. Semakan selanjutnya mendapati tugas penyenggaraan landskap telah dilakukan dengan baik di bahagian luar bangunan YNS di mana pokok-pokok telah disiram, dibaja dan disenggarakan seperti ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, semakan di bahagian dalam bangunan mendapati keadaan beberapa pokok yang ditanam di tingkat lapan dan tingkat 10 tidak subur/mati seperti **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.7**. Keadaan ini menunjukkan pemantauan tidak dilaksanakan oleh penyelia bagi memastikan pekerja melaksanakan skop kerja seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian.

**GAMBAR 5.5**



Tingkat 8, Bangunan YNS  
- Pokok yang Telah Mati Tidak Ditukar  
(19.06.2017)

**GAMBAR 5.6**



Tingkat 8, Bangunan YNS  
- Pokok yang Mati Telah Ditukar  
(20.07.2017)

**GAMBAR 5.7**



Tingkat 10, Bangunan YNS  
- Pokok yang Tidak Subur Tidak Ditukar  
(19.06.2017)

**GAMBAR 5.8**



Tingkat 10, Bangunan YNS  
- Pokok yang Tidak Subur Telah Ditukar  
(20.07.2017)

- e. Selain itu, pihak Audit juga mendapati semua pekerja YNSM yang ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan landskap di bangunan YNS tidak dilindungi insurans pampasan pekerja/insurans liabiliti pekerja serta hanya membuat caruman kepada PERKESO. Polisi insurans tanggungan awam juga tidak disediakan.

#### **Maklum Balas YNSM yang Diterima pada 5 Julai 2017**

*Polisi insurans pampasan pekerja dan tanggungan awam telah diambil berkuat kuasa 1 Julai 2017. YNSM juga telah mengambil tindakan menukarkan pokok-pokok yang telah mati/tidak subur dan surat arahan kepada pekerja terlibat juga telah dikemukakan pada 3 Julai 2017 bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti YNSM adalah memuaskan. Aspek pemantauan kerja yang dilaksanakan kepada setiap pekerja hendaklah ditambah baik dengan memastikan mekanisma kawalan terhadap standard kualiti perkhidmatan diwujudkan selaras dengan perkhidmatan yang dijanjikan supaya kesinambungan hubungan

**yang baik dengan pelanggan dapat dikekalkan untuk tempoh jangka panjang.**

### **5.5.3. Tadbir Urus Korporat**

5.5.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG)*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

5.5.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap amalan tadbir urus di YNSM dan penemuan Audit terhadap sembilan aspek amalan tadbir urus penting adalah seperti berikut:

#### **a. Pengerusi**

- i. Mengikut amalan terbaik, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus baik, Pengerusi hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan risiko konflik kepentingan sepertimana disarankan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [*Handbook*].
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus yang tersebut di atas mendapati kesemua amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh YNSM seperti berikut:
  - pengasingan kuasa antara Pengerusi Lembaga Pengarah dan kuasa eksekutif syarikat [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.4 & Green Book* perenggan 1.1.3];

- Pengerusi dan Pengarah Urusan adalah dua individu yang berbeza [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.4 & Green Book* perenggan 1.1.3];
- Pengerusi tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat [Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) – (*Handbook*) perenggan 2.2(d)]; dan
- Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif YNSM berkuat kuasa 1 Mei 2016. Beliau juga tidak menganggotai mana-mana jawatankuasa lain di peringkat Ahli Lembaga Pengarah. Senarai tugas dan tanggungjawab beliau sebagai Pengerusi juga telah dinyatakan dalam surat pelantikan seperti dinyatakan dalam MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.1, 1.2 & Green Book* perenggan 1.1.3 dan 2.1.3.

#### **b. Lembaga Pengarah**

- Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, plan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Pada tahun 2017, ALP YNMS dianggotai oleh empat orang yang merangkumi dua pengarah bebas dan dua pengarah bukan bebas seperti **Jadual 5.4**. Pelantikan ALP YNSM dibuat melalui Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang ditetapkan dalam *Articles Of Association*.
- Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi ALP mendapati lapan daripada sembilan amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh YNSM seperti berikut:
  - komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi sepuluh orang [*Green Book* perenggan 1.1.1];
  - berdasarkan status Pengerusi yang bebas, satu per dua keahlian ALP adalah bebas. [*Green Book* perenggan 1.1.2];
  - Lembaga Pengarah telah dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat [*Green Book* perenggan 1.1.4];
  - ALP dilantik tidak melebihi tempoh sembilan tahun [MCCG 2012, *principal 3, recommendation 3.2.*];

- kod etika rasmi syarikat ada disediakan selaras dengan MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.3*;
- peranan serta tanggungjawab ALP dinyatakan dengan jelas [MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.2.*]; dan
- wakil kerajaan telah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah lebih daripada 50% [*Handbook* perenggan 2.9(d)]; dan
- semua keputusan perniagaan yang material/signifikan telah dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara DCR (Resolusi Lembaga Pengarah) [*Handbook* - perenggan 2.5(d)].

**JADUAL 5.4**  
**AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA TAHUN 2017**

BIL.	NAMA (JAWATAN)	KELAYAKAN/ KEMAHIRAN/PENGALAMAN	TARIKH LANTIKAN	STATUS PENGARAH	
				BUKAN EKSEKUTIF (/)/ EKSEKUTIF (X)	BEBAS (/)/ BUKAN BEBAS (X)
1.	YBhg. Dato' Hj. Abdul Halim bin Hj. Abd. Latif (Pengerusi)	Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	18.4.2016	/	/
2.	En. Jamaludin bin Abu Bakar (Ahli)	Pengarah Yayasan Negeri Sembilan • Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan)	15.9.1988	/	x
3.	En. Zakaria bin Othman (Ahli)	Pegawai Pelaburan YNS • Sarjana Muda Perakaunan • Sarjana Pentadbiran Perniagaan	8.4.1996	x	x
4.	Pn. Zuliana binti Mohd. Ridzuan (Ahli)	Ahli Perniagaan • Sijil Pelajaran Malaysia	18.4.2016	/	/

Sumber: Surat Pelantikan ALP dan e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia

- iii. Bagaimanapun pihak Audit mendapati tiada bukti program pembelajaran berterusan disertai oleh ALP bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan selaras dengan MCCG 2012, *principle 4, recommendation 4.2.*

#### c. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepertimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.1* dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab CEO hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Mengikut Perenggan 91 *Articles of Association* YNSM pula, ALP boleh melantik Pengurus Syarikat di kalangan ALP.
- ii. Semakan Audit mendapati YNSM tidak mempunyai CEO dan hanya membuat lantikan Pengurus Syarikat daripada kalangan ALP iaitu En.



Zakaria bin Othman. Lantikan tersebut berkuat kuasa pada 1 Jun 2011 dan beliau juga merupakan pegawai pelaburan YNS. Tanggungjawab beliau sebagai Pengurus Syarikat YNSM dan manfaat yang diperoleh ada dinyatakan dengan jelas dalam surat lantikan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati beliau masih menjalankan tanggungjawabnya di YNS dan keadaan ini boleh menjejaskan komitmen beliau terhadap tugas hakiki sebagai pegawai pelaburan YNS kerana dalam masa yang sama turut berperanan sebagai Pengurus syarikat subsidiari YNS.

### **Maklum Balas YNSM yang Diterima pada 14 September 2017**

***YNSM telah mengemukakan surat permohonan kepada YNS untuk mewujudkan perjawatan CEO dan masih menunggu pertimbangan agensi induk berkenaan.***

#### **d. Jawatankuasa Audit**

- i. Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit (JKA) perlu ditubuhkan untuk menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus dalam aspek penubuhan JKA mendapati JKA tidak ditubuhkan di peringkat YNSM dan hanya mengguna pakai JKA agensi induk (YNS) sebagaimana yang dipersetujui oleh ALP. Semakan selanjutnya terhadap JKA tersebut mendapati kesemua tujuh amalan terbaik tadbir urus telah dilaksanakan seperti berikut:
  - JKA telah ditubuhkan [*Green Book* perenggan 1.2.1];
  - JKA dianggotai oleh tiga orang ahli dan salah seorang daripadanya merupakan Pegawai Kewangan Negeri yang mempunyai kepakaran dalam kewangan [*Green Book* perenggan 1.2.3];
  - Pengerusi JKA merupakan bukan Pengerusi ALP YNSM [*Green Book* perenggan 1.2.3 & MCCG 2017 *practice* 8.1];
  - ketiga-tiga ahli JKA adalah Pengarah Bebas [*Green Book* perenggan 1.2.3];
  - JKA telah bermesyuarat seperti perancangan yang ditetapkan [*Green Book Appendix* 3];
  - Laporan JKA telah dibentangkan di mesyuarat ALP YNSM [*Green Book Appendix* 3]; dan

- JKA ada mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam YNS sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. [*Chartered Institute of Internal Auditor, What Every Director Should Know – How to get the most from your internal audit*].

#### **e. Jawatankuasa Pencalonan**

- MCCG 2012, *principle 2 recommendation 2.1* serta *Green Book* perenggan 1.2.3 menyarankan Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan (JKP) yang bertanggungjawab dalam pemilihan dan penilaian Ahli Lembaga Pengarah (ALP). JKP ini hendaklah dianggotai secara eksklusif daripada kalangan Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya bebas serta dipengerusikan oleh Pengarah Bebas.
- Semakan Audit mendapati JKP tidak ditubuhkan di peringkat YNSM mahupun di peringkat agensi induk (YNS) menyebabkan tiada ukuran prestasi ALP bagi memastikan syarikat sentiasa berada pada tahap terbaik. Pemilihan ALP YNSM dan lain-lain syarikat subsidiari YNS hanya diputuskan dalam Mesyuarat Pemegang Amanah YNS yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar.

#### **f. Jawatankuasa Imbuan**

- Berdasarkan amalan terbaik, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Imbuan (JKI) yang berfungsi antaranya untuk menilai dan memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah berkaitan ganjaran serta imbuan ALP dan Pengarah Eksekutif. MCCG 2012 *principle 2 recommendation 2.3* dan *Green Book* perenggan 1.2.3 menyatakan JKI hendaklah dianggotai sepenuhnya atau kebanyakan terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif. MCCG 2012 *principle 2 recommendation 2.3* juga menyarankan polisi dan prosedur berkaitan imbuan Lembaga Pengarah disediakan.
- Semakan Audit mendapati JKI tidak ditubuhkan di peringkat YNSM mahupun di peringkat agensi induk (YNS). YNSM juga tidak membuat lantikan Pengarah Eksekutif dan keputusan pemberian ganjaran/imbuan kepada ALP hanyalah diputuskan dalam Mesyuarat ALP. Peranan jawatankuasa ini penting bagi mengelakkan risiko ALP dan pegawainya mengambil peluang dengan membuat keputusan berkaitan imbuan yang memenuhi kepentingan individu berbanding kepentingan syarikat.

## **Maklum balas YNSM yang Diterima pada 14 September 2017**

***Surat memohon Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan ditubuhkan telah dikemukakan kepada YNS pada 7 September 2017 dan masih menunggu pertimbangan agensi induk berkenaan.***

### **g. Audit Dalaman**

- i. Peranan utama Audit Dalaman (UAD) ialah untuk menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi. UAD juga berperanan untuk membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Semakan Audit mendapati YNSM mengguna pakai UAD agensi induk (YNS) sebagaimana yang dipersetujui oleh ALP. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, UAD YNS telah menjalankan sebanyak dua kali pengauditan di YNSM iaitu pada tahun 2014 dan 2016 yang meliputi pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat syarikat. Pihak Audit juga mendapati kesemua empat amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh YNSM seperti berikut:
  - fungsi Audit Dalaman telah dilaksanakan dan bertanggungjawab terus kepada JKA [MCCG 2012 *principle 6, recommendation 6.2*];
  - Ketua Audit Dalaman telah dilantik oleh JKA [MCCG 2017 *Guidance 10.1*];
  - TOR Audit Dalaman adalah jelas dan diluluskan oleh JKA [MCCG 2017 *Guidance 10.1*]; dan
  - Audit Dalaman telah melaksanakan pengauditan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam syarikat dan seterusnya memastikan tindakan susulan diambil oleh pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan [MCCG 2012 *principle 6 recommendation 6.2*].

### **h. Standard Operating Procedures**

- i. *Standard Operating Procedures* (SOP) perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik bagi meningkatkan kawalan pengurusan yang berkesan, syarikat kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan yang menentukan dengan jelas perkara yang perlu diluluskan

atau untuk makluman ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Antara polisi penting yang perlu diwujudkan adalah polisi kewangan. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan ALP.

- ii. Semakan Audit mendapati YNSM ada menyediakan Tatacara Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan YNSM dalam mengawal urusan kewangan dan pengurusan aset syarikat. Tatacara tersebut telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat ALP YNSM Bil. 2/2015 pada 9 Jun 2015. Bagaimanapun, tiada norma masa ditetapkan bagi setiap proses kerja yang dinyatakan dalam SOP berkenaan.

### **Maklum Balas YNSM yang Diterima pada 14 September 2017**

***SOP yang telah ditambah baik dengan menyertakan norma masa akan dibentangkan kepada ALP akan datang untuk kelulusan.***

- i. **Pelan Strategik, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama**
  - i. Amalan terbaik MCCG 2012 (Prinsipal 1, saranan 1.2) menyarankan antara tugas ALP adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Selain itu, syarikat kerajaan juga perlu menyediakan atau mengemas kini rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat yang baik dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.
  - ii. Semakan Audit mendapati YNSM ada menyediakan Perancangan Strategik bagi tahun 2012 hingga 2016 dan Rancangan Korporat bagi tahun 2016 hingga 2021. Antara strategi syarikat untuk meningkatkan pendapatan ialah dengan mengambil langkah proaktif dalam permohonan sebut harga/tender pencucian di Agensi Kerajaan/swasta, menggalakkan penggunaan peralatan mencuci yang bersesuaian/terkini serta mendapatkan maklumat teknikal terlebih dahulu sebelum memasuki pasaran saham siar harga. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2014 hingga 2016, YNSM telah berjaya mendapatkan lima kontrak pencucian yang melibatkan jabatan/agensi Kerajaan dan tiada kontrak pencucian diperoleh daripada agensi swasta.

### **Maklum Balas YNSM yang Diterima pada 19 Julai 2017**

***Pada tahun 2017, YNSM telah berusaha untuk memasuki dua tender/sebut harga pihak swasta iaitu Bank Simpanan Nasional dan Era Taqim Enterprise dan hanya satu daripadanya yang berjaya.***

- iii. Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat kerajaan perlu menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlu berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya serta KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan. KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat daripada kakitangan sehinggalah ALP.
- iv. Semakan Audit mendapati YNSM ada menyediakan KPI untuk menilai prestasi pendapatan syarikat bagi tahun 2015 dan 2016 serta diluluskan dalam Mesyuarat ALP YNSM. Pencapaian KPI YNSM bagi tahun 2015 dan 2016 adalah baik di mana masing-masing menunjukkan pencapaian keseluruhan aktiviti syarikat melebihi 2.9% dan 18.5% daripada KPI yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya amalan tadbir urus korporat YNSM adalah pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa aspek amalan tadbir urus yang masih belum dilaksanakan.**

#### **5.6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan objektif penubuhan YNS Management Sdn. Bhd. (YNSM) dapat dicapai sepenuhnya pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah YNSM memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 5.6.1. menyediakan mekanisme pengukuran prestasi kerja supaya setimpal dengan bayaran perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan demi menjaga imej syarikat untuk tempoh jangka panjang;
- 5.6.2. mewujudkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan bagi memastikan pelantikan ALP yang lebih telus dan mengambil kira kelayakan serta pengalaman setiap ALP; dan

5.6.3. merencanakan strategi dengan memanfaatkan sebaiknya lebih dana syarikat sedia ada dengan memasuki pasaran sektor swasta ke arah mencapai Rancangan Korporat yang ditetapkan.

PENUTUP







# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**17 Oktober 2017**



**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2017  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
email: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773





**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.

| Tel : +603 8889 9000

| Faks : +603 8888 9721